

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 39**

**Rabu**

**21 Oktober 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

■ **Masalah Jerebu**

- *YB. Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)*

(Halaman 26 & 87)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
(Pindaan) 2015

(Halaman 28)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 100)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 21 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah perancangan kementerian untuk menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta agensi yang lain bagi pemantapan modul baru Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2016 kelak.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketereh secara bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Kangar yang dijadualkan pada 16 November kerana isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu Program Latihan Khidmat Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Program Latihan Khidmat Negara telah diperkenalkan pada 16 Februari 2004. Sejak pelaksanaannya, PLKN telah melahirkan seramai 864,947 orang pelatih yang terdiri daripada kalangan remaja pelbagai kaum, agama dan gender. Melalui empat modul teras PLKN lalu iaitu pembinaan karakter, kenegaraan, fizikal dan juga khidmat komuniti, PLKN berjaya menyandarkan objektif pelaksanaannya kepada lima aspek iaitu:

- (i) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- (ii) memupuk perpaduan kaum dan integrasi perpaduan nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni;
- (iv) menyemarakkan semangat kesukarelaan; dan
- (v) melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan juga berkeyakinan.

Melalui hasil kajian keberkesanan yang dijalankan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2010 yang melibatkan 61,950 orang responden, 80% responden yang terdiri daripada kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih. Selain itu, Universiti Malaysia Perlis juga telah melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas

Pelatih PLKN pada tahun 2013. Seramai 3,787 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar IPT yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin masyarakat dan pelaksana PLKN telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek yang dinilai khususnya berkaitan patriotisme di kalangan mereka yang pernah menyertai PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, PLKN telah ditangguhkan pada tahun ini. Penangguhan ini telah memberi ruang kepada Kementerian Pertahanan untuk melaksanakan transformasi besar-besaran ke atas PLKN terutama setelah 10 tahun pelaksanaannya. Transformasi ini penting agar PLKN diberi nafas baru dan melalui fasa penambahbaikan demi memastikan ianya terus relevan dengan keperluan semasa. Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan telah mendapatkan kerjasama daripada pihak PEMANDU dan juga daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan Makmal Transformasi PLKN pada 23 Februari hingga 27 Mac tahun ini. Makmal ini melibatkan penyertaan wakil daripada pelbagai kementerian serta agensi kerajaan termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Selain itu, pihak swasta, pemain industri, wakil-wakil NGO serta pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pengusaha kem, ibu-bapa bekas pelatih dan jurulatih juga hadir dalam makmal ini. Tuan Yang di-Pertua, makmal ini telah mencadangkan enam aspek penting yang perlu menjadi fokus dalam pelaksanaan PLKN 2.0. Enam aspek tersebut melibatkan:

- (i) modul;
- (ii) pelatih;
- (iii) jurulatih;
- (iv) kemudahan kem;
- (v) alumni dan;
- (vi) pelan komunikasi media.

Berkaitan modul, ia akan dijalankan dalam dua fasa iaitu fasa pertama ialah *Integrated Learning Programme (ILP)*, dengan izin dan fasa kedua ialah *hard skills training*. Bagi fasa pertama, pelatih akan menjalani latihan melalui modul ILP selama lapan minggu di kem PLKN merangkumi aspek kepimpinan, *soft skills*, patriotisme, perpaduan dan juga pembinaan karakter. Selain itu, pendedahan awal berkaitan latihan kemahiran teknikal, laluan kerjaya dan pendidikan akan turut diberikan sewaktu pelatih berada di dalam kem.

Pada masa yang sama, pelatih juga akan menjalani *attitude assessment* dan pemprofilan kerjaya semasa fasa ini. Manakala bagi fasa kedua pula, pelatih yang berminat untuk meneruskan latihan kemahiran teknikal akan mengikuti latihan yang dilaksanakan di institusi latihan kemahiran yang dipilih. Tempoh latihan adalah bergantung pada bidang serta tahap persijilan yang ditawarkan. Sijil pengiktirafan akan dikeluarkan secara bersama oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara dan institusi latihan kemahiran. Penambahan dalam aspek modul ini ketara di mana *soft skills* dan *hard skills* digabungkan dengan memasukkan elemen kemahiran

teknikal ke dalam PLKN baru yang dinamakan sebagai Program Pembelajaran Bersepadu atau *Integrated Learning Programme (ILP)*.

■1010

Aspek kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan pelatih. Kaedah pengambilan akan dilakukan secara sukarela. Pengambilan secara sukarela ini akan dilaksanakan secara berperingkat sebelum pengambilan sepenuhnya pada tahun 2019. Manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini ialah PLKN dapat melatih kelompok sasaran yang tepat dan benar-benar berminat khususnya kepada golongan remaja yang tidak berpeluang melanjutkan ke pengajian tinggi serta ingin memajukan diri.

Aspek ketiga ialah berhubung kait dengan jurulatih PLKN. Penambahbaikan yang bakal dilaksanakan ialah pelantikan jurulatih secara tetap agar para jurulatih dapat membina karier sehingga ke gred 41 sebagai pegawai kesateria. Hal ini menjadi sebahagian daripada faktor penting kepada usaha transformasi kerana sebelum ini kesemua jurulatih adalah berstatus kontrak dan hanya mempunyai laluan kerjaya yang terhad.

Aspek keempat ialah kemudahan kem. Pelaksanaan Garis Panduan Minimum (SOC) 2008 pindaan 2013 kepada 82 kem akan dikuatkuasakan bagi memastikan kualiti prasarana dan sajian yang disediakan dapat dicapai mengikut piawaian. Kesan signifikan yang bakal dinikmati oleh pelatih ialah mereka akan menikmati *facilities* dan kemudahan yang lebih baik di semua kem, *insya-Allah*. Pada masa yang sama, paras keselamatan kem juga turut dipertingkatkan demi memastikan latihan dapat dilaksanakan dengan lebih kondusif.

Aspek kelima, Alumni PLKN. Pihak JLKN akan mewujudkan badan tunggal dan induk untuk mengelola dan menguruskan aktiviti Alumni PLKN selepas ini.

Yang terakhir, pelan komunikasi di mana media akan diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, perjalanan kita ke Dewan hari ini merupakan satu perjalanan yang panjang dalam konteks pelaksanaan transformasi ini. Sebelum kita sampai ke Dewan ini, sesi maklum balas bersama ibu bapa dan bekas pelatih PLKN telah pun diadakan pada Februari 2015. Sesi maklum balas bersama Ahli Parlimen pada Mac 2015, Hari Terbuka Transformasi PLKN pada April 2015, Kabinet 'Holiday' pada Mei 2015 dan pembentangan Kabinet pada Julai 2015.

Menjawab kepada Yang Berhormat Kangar berkenaan bentuk modul baru yang diperkenalkan dalam transformasi ini, bagi menyokong pelaksanaan ILP yang saya sebutkan tadi, sebanyak lapan modul baru diperkenalkan. Masa mengizinkan saya hanya untuk menyenaraikan kelapan-lapan modul-modul di bawah transformasi ini iaitu:

- (i) Fit4Life (Cergas dan Tangkas);
- (ii) MalaysiaKu;
- (iii) *iUpgrade*;
- (iv) *Tech & Talk*;
- (v) *Be Safe Be Alert*;
- (vi) *Service Learning*;

- (vii) *Spirituality* (Kerohanian); dan
- (viii) *MyFuture*.

Sebagai langkah awal, sekarang ini Projek Perintis Transformasi PLKN sedang berjalan bermula 17 Oktober hingga 16 Disember. Projek perintis ini melibatkan seramai 470 orang pelatih di mana seramai 369 orang telah menyertainya secara sukarela atau bersamaan 78.5%. Penyertaan ini adalah di luar jangkaan pihak kementerian kerana pada peringkat awal, kementerian hanya berani menyasarkan sebanyak 75% sahaja penyertaan secara sukarela. Ini pertanda yang baik transformasi PLKN ini telah mendapat sambutan yang lebih baik terutama di kalangan belia, remaja dan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian berharap dengan transformasi yang dicadangkan ini akan menjadikan PLKN lebih dilihat bermanfaat kepada peserta yang menghadirinya serta menjadi pemangkin untuk ibu bapa menghantar anak-anak mereka mengikuti latihan PLKN, manakala pelajar pula bersedia untuk menyertai program ini dengan rela hati dan menamatkan latihan dengan jayanya. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana dalam fasa pertama telah berjaya melaksanakan program ini walaupun, kita faham, terdapat pelbagai cabaran. Ini adalah kerana kita sedar usaha untuk memupuk generasi baru yang mempunyai identiti jati diri, keterampilan dan sebagainya bukanlah satu perkara yang mudah.

Soalan tambahan saya ialah berdasarkan kepada penjelasan yang komprehensif tentang transformasi dan hala tuju PLKN pada masa akan datang yang saya merasakan sangat baik, apakah cabaran-cabaran utama dan kekangan utama terutama sekali apabila dalam fasa kedua nanti digalakkan penyertaan secara sukarela? Kita tahu penyertaan secara sukarela hanya akan berjaya kalau sekiranya program itu menarik dan dirasakan memberi keuntungan atau pun kebaikan yang nyata kepada para peserta. Sekiranya tidak, konsep penyertaan sukarela itu akan menghadapi masalah. Jadi, apakah antara kekangan-kekangan yang dijangka oleh kementerian bagi memastikan program transformasi kedua PLKN ini akan menjadi lebih berjaya daripada peringkat yang pertama? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, bagi pihak semua yang terlibat, kenyataan dan sokongan Yang Berhormat tadi sesungguhnya memberikan kita semangat kerana selepas ini apabila kita hendak *roll out* nanti, memerlukan semangat baru daripada mereka yang terlibat dalam proses transformasi ini. Jadi, saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mendapat sokongan, semangat dan kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk membantu kita.

Kekangan yang besar yang kita terpaksa hadapi ialah berhubung kait dengan kedudukan ekonomi negara. Ini akan kita dengar sendiri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet. Cabaran yang kita hadapi ialah bagaimana dalam kekangan yang

kita hadapi dalam landskap ekonomi hari ini kita masih lagi dapat mempertahankan PLKN ini. Ini merupakan satu-satunya kaedah yang melihat kepada pembinaan negara bangsa yang melibatkan semua kaum, tidak kira warna kulit, latar belakang, kedudukan dan juga agama yang kita rasa bahawa ianya mesti dipertahankan dalam apa juga keadaan.

Cara untuk kita melihat kekangan ini di luar kotak ialah untuk mendekati kementerian-kementerian lain, bekerjasama rapat seperti saya sebut dengan sepuluh kementerian lain yang tidak pernah kita lakukan sebelum ini, mencari input dari segi apa yang mereka boleh salurkan kepada Projek PLKN tanpa menjejaskan peruntukan induk yang kita sudah ada.

Keduanya melihat kepada infrastruktur yang juga mungkin sedia ada di kementerian dan agensi-agensi, diguna pakai oleh PLKN. Dan penekanan kita untuk menekankan kepada latihan vokasional dan teknikal itu memberi peluang kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan dan banyak lagi kementerian yang juga mempunyai matlamat yang sama tetapi memberi peluang kedua, *a second chance* kepada mereka yang mungkin tidak ada tempat di universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi. *Second netting* inilah saya percaya merupakan transformasi yang terbaik dan kita sedang melihatnya dalam konteks penjimatan di dalam keadaan ekonomi hari ini tetapi dapat ditokok tambah dengan kementerian, agensi-agensi lain yang sebelum ini tidak terlibat secara langsung dengan kita.

Kekangan-kekangan lain yang perlu kita hadapi, *insya-Allah*, dapat kita atasi melalui aspek-aspek yang saya sebutkan dalam menjawab soalan induk tadi. Aspek kepimpinan, *soft skill*, patriotisme, perpaduan, pembinaan karakter dalam modul ILP tadi telah pun diambil kira dalam kita hendak melihat ke hadapan selepas 10 tahun kita hadapinya. Aspek pelatih diambil kira, aspek jurulatih telah pun diambil kira dalam makmal, aspek kemudahan kem, alumni PLKN, pelan komunikasi yang paling penting untuk memastikan *by intention*- perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah bagaimana secara sukarela pelatih akan tampil ke hadapan.

Ia banyak bergantung kepada bagaimana kita berkomunikasi dengan ibu bapa, dengan anak-anak mereka bahawa bawah transformasi baru ini ada nilai tambah, memberikan mereka peluang kedua. Mungkin boleh hubungkan mereka dalam kerjaya mereka pada masa yang akan datang. Itu harapan kita tetapi setakat perintis yang kita lakukan hari ini, saya tengok sambutan agak luar biasa. *Insya-Allah*, dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### ■1020

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Menteri saya minta supaya Program PLKN ini sebaiknya ditangguhkan pada tahun hadapan. Ini bukan bertujuan untuk menjimatkan sahaja kos operasi yang dianggarkan sebanyak RM400 juta tetapi untuk memberi lebih banyak ruang penelitian terhadap modul-modul baru yang akan diperkenalkan pada tahun 2016.

Saya juga berharap supaya pihak Kementerian Pertahanan dapat membentangkan satu hasil kajian makmal transformasi PLKN ini yang telah pun diadakan pada bulan Februari dan juga

Mac yang lalu di Dewan Rakyat ini. Ia sangat penting memandangkan Program PLKN ini telah pun menjangkau 11 tahun sejak dilancarkan pada tahun 16 Februari 2004 yang lalu.

Jadi adakah ia telah berjaya menyelesaikan masalah yang sedang melingkari golongan belia pada hari ini dan enam modul baru yang akan diimplementasikan terhadap *pilot project* itu harus dikonsultasikan bersama dengan rakyat terlebih dahulu dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, banyak soalan Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sedikit lagi malah pelbagai isu yang menghantui program ini perlu diselesaikan terlebih dahulu antaranya mengenai dengan proses seleksi peserta, pemborosan perbelanjaan dalam perolehan seperti mana yang dilaporkan dalam LKAN hanya 70% tahap efisien dalam pengurusan serta isu-isu penyelenggaraan kem dan termasuklah masalah moral di kalangan pelatih dan juga jurulatih. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya saya tidak setuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk kita tangguhkan transformasi ini. Keduanya kalau sekiranya itu pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat harus dalam satu tahun ini tampil ke hadapan bersama-sama kita dalam makmal, dalam perbincangan kita sebelum ini saya tidak tengok pun Yang Berhormat tampil ke hadapan. Sudah penghujung baru hendak cadangkan sebegitu rupa, orang Johor kata tidak acilah. [*Tepuk*]

Perkara yang penting sekarang ialah kita hendak lihat ke hadapan. Bukan untuk hendak menuding jari dan saya tidak menyatakan bahawa apa yang kita buat dalam PLKN ini kita selesaikan semua masalah belia. Akan tetapi ini satu perkara yang boleh membantu cara-cara lain yang dibuat oleh parti Yang Berhormat dan daripada pembangkang pun boleh membantu tetapi tidak bermakna bahawa apa yang telah pun kita buat selama ini, kita tahu bahawa mungkin ada kekangan-kekangan tertentu tetapi kita kena atasinya. Hendak tolak sebulat-bulatnya sebelum ini tidak terlibat dalam perbincangan kita, saya rasa tidak wajar dan saranan Yang Berhormat untuk kita bincangkan dan bentangkan di dalam Dewan ini memang kita akan lakukan.

Kita boleh bincang dalam perbahasan belanjawan, kita akan bawa kepada perbincangan dengan wakil-wakil rakyat tetapi tidak bolehlah pagi ini soal jawab hendak ceritakan kesemuanya. Banyak lagi yang saya hendak bangkitkan. Kita telah libatkan seramai mungkin. Penting sekarang jangan kita politikkan benda ini, jangan kita tengok yang jadi mangsa nanti ialah anak-anak kita yang tidak berdosa.

**2. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana keberkesanan tindakan polis dalam mencegah jenayah seperti perompak dan peragut yang menyebabkan kes kematian atau kecederaan teruk.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited bagi menentukan kadar

perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun dengan melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah.

Di bawah inisiatif *National Key Result Area* (NKRA) kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menurunkan kadar jenayah di seluruh negara sebanyak 5% setahun. Dalam mencapai objektif ini pihak PDRM telah menjalankan beberapa strategi dalam mencegah jenayah. Antaranya seperti berikut; nombor satu sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti pencegahan jenayah khususnya jenayah berat dan terancang, PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force On Organised Crime* (STAFOC) dengan izin, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) dengan izin dan *Special Task Force for Anti-vice, Gaming and Gangsterism* (STAGG) dengan izin untuk memerangi jenayah berat pengedaran dadah, perjudian dan maksiat yang berlaku dalam negara.

Langkah mutakhir yang diambil untuk mencegah jenayah adalah tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu Akta POCA. Kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan di bawah POCA adalah kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat umumnya.

Setakat 30 September 2015 iaitu 18 bulan selepas POCA dikuatkuasakan, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah berjaya membuat tangkapan seramai 975 orang subjek di atas pelbagai kesalahan jenayah. Seramai 193 orang subjek daripada jumlah tersebut adalah terlibat dalam kegiatan kongsi gelap iaitu 20%. 451 orang terlibat dalam jenayah kekerasan iaitu 46%. 196 orang subjek terlibat dalam jenayah harta benda iaitu 20% dan 7 orang subjek terlibat dalam jenayah kegiatan pengedaran dadah iaitu 1%. 33 orang subjek terlibat dalam kegiatan pelacuran iaitu 3%. 60 orang subjek terlibat dalam penganjuran aktiviti perjudian iaitu 6% dan 35 orang subjek terlibat dalam kegiatan penyeludupan migran iaitu 4%.

Ketiga, tindakan fizikal iaitu untuk mengadakan rondaan jalan kaki, *beat and patrol* dengan izin, bermotosikal iaitu melalui Unit Rondaan Bermotosikal dan berkereta, *mobile patrol vehicle* dengan izin di kawasan-kawasan tumpuan ramai dan tindakan *stop and talk* dengan izin adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep *police omnipresence* dengan izin akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

Keempat, selain itu PDRM telah menubuhkan sebuah jabatan khas iaitu Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang mana jabatan ini akan memberikan fokus kepada program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman dan juga penglibatan masyarakat dan berfungsi seperti berikut:

- (i) memastikan strategi dan pendekatan secara pro aktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah daripada berlaku;
- (ii) mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama mencegah jenayah;
- (iii) menghapuskan peluang perlakuan jenayah;
- (iv) menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah;



- (v) menangani dan mengurangkan persepsi *fear of crime* dengan izin; dan
- (vi) memainkan *consultative role* kepada komuniti, institusi pendidikan, institusi perniagaan, agensi kerajaan dan NGO.

Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu, *Central Intelligence Unit* (CIU) dengan izin dengan menggunakan konsep *Intelligence Lead Policing*, dengan izin sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

Secara perbandingannya sejak NKRA diperkenalkan, kadar jenayah indeks di seluruh negara telah menunjukkan penurunan setiap tahun dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 termasuk kes jenayah berat seperti samun dan bunuh. Pada tahun 2010, jumlah jenayah indeks yang dicatatkan di seluruh negara adalah sebanyak 186,162 kes. Pada tahun 2011 telah menunjukkan penurunan kepada 166,295 kes. Pada tahun 2012 turun kepada 153,669 kes. Tahun 2013 terus menunjukkan penurunan kepada 147,062 kes dan pada tahun 2014 terus turun kepada 128,544 kes.

Usaha untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak di bahu penguasaan semata-mata tetapi tugas sedemikian harus dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat mengenai sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.

Selaras dengan kepentingan ini, pihak PDRM dalam sambutan Hari Polis pada tahun ini telah memilih “Masyarakat dan Polis Berpisah Tiada” sebagai tema sambutan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara polis dan masyarakat.

#### ■1030

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang panjang lebar. Sebelum saya teruskan kepada soalan tambahan saya, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan kehadiran pimpinan dan anggota Keadilan Chabang, Petaling Jaya Selatan ke Parlimen. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, indeks jenayah memang dilihat menurun akan tetapi indeks kebimbangan orang ramai menjadi mangsa jenayah tetap tidak menurun. Maksudnya, pelbagai kaedah yang kita gunakan yang kita dengar tadi tetapi persepsi orang ramai berkenaan dengan menjadi mangsa jenayah itu masih lagi kadar yang tinggi.

Saya ingin *quote* apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan rasa takut akan jenayah memang perasaan yang benar-benar wujud seperti mana kejadian jenayah itu sendiri wujud yang kami maksudkan ialah langkah mengurangkan angka jenayah semata-mata tidak memadai untuk mengembalikan kepercayaan orang ramai dan keyakinan terhadap keselamatan.

Di dalam indeks kajian, indeks kebimbangan menjadi mangsa jenayah ini menunjukkan satu dalam dua warga Malaysia, orang ramai kajian yang dilakukan ke atas 15,000 orang menunjukkan bahawa satu dalam dua lebih kurang 50% ataupun lebih bimbang, rasa tidak selamat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh ringkaskan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi soalan saya adakah tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada *omnipresence* ya. Kajian juga menunjukkan bahawa bila ada *decrease in the presence of the police*, dengan izin ada rasa kurang selamat. Adakah *deployment* itu satu isu kerana sekarang ini kita lihat kurang anggota, lebih ramai *special branch* daripada anggota-anggota yang betul-betul lawan jenayah. Betul, Yang Berhormat saya cakap itu betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan, ringkaskan soalan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah *deployment an issue*. Haruskah dikurangkan mereka di dalam *special branch* dan diramaikan mereka berada di jalan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuantan. Saya hendak menyangkal kenyataan Yang Berhormat Kuantan tadi mengenai lebih ramai *special branch* daripada anggota polis yang biasa. Sebenarnya dalam kes menangani persepsi rakyat kepada kejadian jenayah di negara kita ini, sebab itu polis telah saya telah terangkan secara panjang lebar tadi mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis untuk menangani masalah tersebut dan seperti saya kata tadi moto yang digunakan untuk Hari Polis pun adalah untuk polis bersama dengan masyarakat.

Jadi usaha untuk menangani jenayah ini adalah usaha yang berterusan. Mengambil masa yang panjang bertahun-tahun dan juga pihak polis dihadapi oleh masalah kekangan kewangan. Maknanya kalau rakyat hendakkan lebih ramai lagi anggota polis yang beruniform berada di jalan raya kerajaan kena menyediakan peruntukan yang lebih tinggi. Akan tetapi sekarang ini kerajaan mengambil pendekatan NBOS – *National Blue Ocean Strategy* iaitu menggunakan apa-apa sumber yang kita ada untuk menjalankan kerja dengan lebih efektif.

Tidak semestinya lebih ramai orang atau lebih ramai pegawai polis di jalan raya itu yang membuat *bid* maknanya negara kita lebih selamat. Polis sedang mengambil langkah untuk mendekatkan lagi jurang di antara persepsi dengan realiti yang sebenarnya. Kalau hendak kira daripada segi realiti indeks NKRA tersebut yang dibuat oleh PEMANDU yang jelas menunjukkan pengurangan kes jenayah yang dilaporkan dalam negara kita dari tahun 2010 hingga 2014. Jadi *trend* dia menurun yang paling penting *trend* menurun dan saya rasa dalam masa beberapa tahun lagi rakyat akan bertambah yakin lagi bahawa keadaan jenayah di dalam negara kita terkawal dan boleh diatasi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulung.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadinya bagaimanakah pihak polis menjalankan prosedur pengesanan penjenayah terhadap setiap kes ragut yang dilaporkan terutamanya yang melibatkan bukan warganegara Malaysia dan apakah anggaran kebarangkalian kejayaan pihak polis menahan suspek hasil daripada siasatan polis dan laporan orang awam? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulung soalan yang baik. Kes ragut ini tambah-tambah lagi yang dibuat oleh pendatang asing adalah jenayah secara *opportunistic*, dengan izin maknanya jenayah yang berlaku tanpa ada jenayah yang terancang dan susah juga untuk pihak polis untuk mengenal pasti kesemua penjenayah ragut yang telah menjalankan aktiviti tersebut tetapi apa yang dibuat seperti saya katakan tadi adalah melalui program-program yang mendekatkan lagi pihak polis dengan masyarakat.

Program-program seperti *community policing*, program-program yang boleh memberikan peluang kepada rakyat untuk menyalurkan apa-apa maklumat mengenai jenayah jalan raya ataupun jenayah *opportunistic* ini, dengan izin supaya ia akan dapat diambil tindakan dengan lebih cepat dan program *community policing* ini juga ada mendapat kejayaan daripada segi melibatkan masyarakat dengan pihak polis.

Jadi seperti saya katakan tadi perkara ini adalah perkara yang berterusan dan dalam keadaan ekonomi yang dijangka lebih mendap, dalam masa dua, tiga tahun lagi ini jenayah jenayah *opportunistic crime* ini akan meningkat dan pihak polis akan menumpukan perhatian kepada cara-cara untuk membanteras jenayah samun dan ragut yang bersifat *opportunistic* seperti ini. Terima kasih.

**3. Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sambutan saranan pengasingan sisa pepejal yang telah dijalankan bermula September 2015 dan apakah bentuk kekangan yang dihadapi oleh kementerian bagi merealisasikan program ini.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan berkaitan dengan pelaksanaan inisiatif pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan oleh kementerian saya, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Baram bertarikh 22 Oktober 2015, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 5 November 2015, Yang Berhormat Wangsa Maju bertarikh 17 November 2015, Yang Berhormat Tasik Gelugor bertarikh 18 November 2015, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Kluang bertarikh 23 dan 25 November 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian telah melaksanakan inisiatif pengasingan sisa di punca di negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Akta 672 iaitu

Negeri Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor mulai 1 September 2015 yang lalu.

Penguatkuasaan tersebut dibuat melalui penguatkuasaan peraturan pungutan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu skim bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan isi pepejal isi rumah 2011 di mana pemunya atau penghuni premis dikehendaki memastikan sisa yang boleh dikitar semula diasingkan daripada sisa pepejal isi rumah. Tujuan utama inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk memupuk dan merencanakan lagi budaya kitar semula di Malaysia. Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran 22% kadar kitar semula negara menjelang tahun 2020.

Dengan diperkasakan lagi inisiatif ini Malaysia dijangka mampu untuk mencapai kadar kitar semula yang setaraf dengan negara-negara maju di mana budaya mengitar semula telah menjadi cara hidup rakyat mereka. *Good sorting better recycling*, dengan izin. Kerajaan juga memerhati secara intensif usaha negara-negara Eropah yang giat melaksanakan konsep *zero waste*, dengan izin dan penerapan sekular ekonomi demi mengurangkan penghasilan sisa dan mewujudkan industri yang menitikberatkan alam sekitar dan penjimatan penggunaan bahan mentah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat promosi yang *massive* dan berterusan menerusi media konvensional seperti surat khabar, televisyen dan radio juga di media digital seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *YouTube* telah dilaksanakan oleh kementerian untuk memperkasa kefahaman orang ramai memahami dan menjadikan langkah pengasingan sisa sebagai salah satu budaya hidup kita.

#### ■1040

Untuk tempoh dua hari ini sahaja, *total impression 'ash-asingkan'* adalah sebanyak 1.9 juta. Sebanyak 28.6% daripada jumlah *impression 'ash-asingkan'* merupakan *tweet* asal dan 69.8% adalah *retweet* dan *share*. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengadakan program-program dalam bentuk taklimat, demonstrasi dan juga penerangan terus kepada pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan mendekati kumpulan sasar melalui perjumpaan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kawasan Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, komuniti setempat, badan bukan kerajaan dan sebagainya. Sehingga Oktober 2015, risalah telah diedarkan kepada sejumlah dua juta premis di negeri-negeri yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian merangkumi tiga fasa. Fasa pendedahan, fasa pendidikan dan fasa penguatkuasaan. Tindakan undang-undang akan hanya dikenakan kepada penghuni premis di fasa ketiga yang bermula pada 1 Jun 2016. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 12,829 notis peringatan telah dikeluarkan kepada penghuni premis yang didapati tidak mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula. Langkah ini bertujuan untuk mendidik masyarakat

dan akan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran awam untuk mengasingkan sisa pepejal sebelum tindakan yang lebih tegas diambil pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelaksanaan pengasingan sisa di punca ini hanya dilaksanakan secara mandatori di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672, Kementerian menjalankan kempen ini di peringkat nasional untuk menggalakkan penduduk di negeri-negeri lain untuk turut sama menjayakan inisiatif yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelaksanaan inisiatif ini baru sahaja di fasa kedua iaitu di fasa pendidikan, barangan kitar semula yang telah dikutip oleh syarikat konsesi sahaja tidak termasuk *scavenger* dan juga syarikat-syarikat lain adalah sebanyak 100,612 kilogram atau lebih kurang 100 tan. Ini adalah petanda positif dan menunjukkan masyarakat telah mula membudayakan pengasingan sisa di kediaman mereka dan secara langsung dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Berdasarkan simulasi yang dilaksanakan Kementerian pada kadar penjanaan sisa semasa sekiranya 20% sisa sehari dapat dikurangkan dan dilupuskan di tapak pelupusan, jangka hayat tapak pelupusan yang direka bentuk untuk lima tahun dapat dipanjangkan sehingga setahun tiga bulan lagi.

Walau bagaimanapun masih terlalu awal untuk kita menilai keberkesanan inisiatif ini secara tepat. Namun Kementerian positif dan yakin inisiatif ini dapat diterima baik oleh semua rakyat Malaysia dan akan memberi impak positif kepada alam sekitar dan ekonomi dalam jangka masa yang panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang cukup lengkap. Malaysia mencatatkan jumlah kadar kitar semula sekitar 10.5% yang mana jauh ketinggalan daripada negara-negara maju yang mencatatkan kadar kitar semula hampir 70%. Soalan saya mohon nyatakan jumlah sasaran penjimatan wang negara apabila langkah pengasingan sisa pepejal dilaksanakan.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kangar yang memberikan soalan yang begitu berfakta. Buat masa ini saya setuju kita hanya mengitar semula lebih kurang 10.5% daripada sisa pepejal yang dijana oleh isi rumah. Akan tetapi kita juga mempunyai masalah sedikit Yang Berhormat berkenaan dengan mendapatkan statistik yang tepat kerana ada juga apa yang dipanggil *scavengers*. Ini adalah syarikat ataupun individu-individu yang masuk ke taman-taman perumahan dan membuka tong-tong sampah kita untuk mengeluarkan tin, kaca, surat khabar dan sebagainya untuk dikitar semula oleh mereka sendiri.

Kita tidak mempunyai mekanisme untuk *capture* dengan izin statistik ini. Saya baru berbincang semalam dengan pegawai-pegawai daripada JPSPN dan SWCorp, kita kena cari jalan untuk mencari, mendapatkan statistik terkini daripada mereka ini kerana saya sendiri secara peribadi merasakan kadar kitar semula kita di negara ini mungkin lebih tinggi daripada 10.5% kerana statistik itu tidak *capture*. Salah satu caranya ialah untuk memberikan lesen kepada

mereka, lesen yang agak senang untuk diperoleh supaya mereka boleh memberikan kita statistik dari segi berapa banyak kilogram yang dikutip oleh mereka supaya kita dapat statistik yang besar.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat, kita buat masa ini masih lagi dalam keadaan membuat kajian berapa penjaminannya. Akan tetapi yang kita nampak ialah sudah tentu kalau kita kurangkan sampah yang kita hantar ke *land field*, kita tidak payah membayar *tipping fee*. Jadi ini masih dalam kajian Yang Berhormat. Mungkin dalam masa sebulan atau dua bulan ini *insya-Allah* kalau soalan ini timbul lagi dalam Parlimen, saya boleh memberi jawapan yang lebih tepat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak bagi penyوال yang mengemukakan soalan yang jawab bersama oleh Yang Berhormat Menteri tapi tiada seorang bangun. Jadi saya bagi Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah peruntukan untuk pelaksanaan pengasingan ini? Apakah halangannya?

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Lama tidak, saya sama-sama dalam PAC dengan beliau. Seorang yang baik dan mempunyai pendekatan yang cukup profesional dalam soalan-soalan dalam PAC Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ketika ini Yang Berhormat lebih dekat kepada kerusi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kepong lebih jauh nampaknya.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** *[Ketawa]* Nasib badanlah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia turun pangkat.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Kalau dibandingkan dengan ahli-ahli PAC yang lain, yang suka melalak, yang ini kira okey. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sebagai anggota PAC Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka menggunakan, digunakan istilah melalak itu. Saya pohon supaya ditarik balik. Ini satu penghinaan kepada Jawatankuasa Tetap Parlimen kita Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Itu interpretasi Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tidak. Melalak bukan interpretasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya anggap itu sebagai...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Melalak bukan suatu interpretasi.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Melalak ialah satu perkataan yang biasa saya gunakan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya minta supaya perkataan itu ditarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, kos yang digunakan untuk menjana kitar semula ini tidaklah begitu besar Yang Berhormat Kepong. Tidak besar untuk yang

kitar semula ini, program kitar semula. Ini kerana kutipan yang dibuat itu hanyalah tiga kali seminggu, dua kali *times* satu kali iaitu dua kali sisa pepejal yang biasa, sisa dapur dan satu ialah kitar semula. Dari segi frekuensi ini tidak meningkat sebelum ini. Sebelum ini pun tiga kali kutipan yang dibuat terhadap premis-premis yang ada di dalam negeri-negeri yang menggunakan pakai Akta 672.

Kita tidak mempunyai peruntukan yang khas ataupun yang lebih. Cuma dari segi *advocacy*, penerangan seperti mencetak apa yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua adalah *brochure* ataupun *brochure* yang telah kita serahkan kepada dua juta premis di negeri-negeri yang menggunakan pakai Akta 672. Ini adalah kos untuk kita. Selain daripada itu hanya media *coverage* dan sebagainya. Selain itu adalah tidak mempunyai kos yang begitu tinggi.

Kekangan yang paling besar ialah dari segi tabiat premis, tuan punya rumah yang tidak mengasingkan kitar semula. Ini adalah satu masalah yang besar terutamanya dalam bangunan yang berstrata Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kalau rumah yang berstrata ini, yang mempunyai bertingkat ini, dia kadang-kadang tidak mempunyai tanggungjawab yang besar kerana kalau dia buang merata tempat dia tidak tahu siapa yang bertanggungjawab atas sampah tersebut. Oleh sebab itu kita mahukan komitmen yang kuat daripada jawatankuasa atau *joint management body* yang menjaga kondominium ataupun *apartment* tersebut supaya memastikan supaya sampah-sampah itu dibuang dan mereka akan dipertanggungjawabkan dalam kes bangunan-bangunan berstrata. Itu saja Yang Berhormat. Terima kasih.

#### ■1050

4. **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan berikutan insiden kren jatuh di Masjidil Haram. Apakah Malaysia sebagai sebuah negara OIC pernah membangkitkan isu-isu projek pembangunan keterlaluan di sekitar Masjidil Haram yang telah banyak memusnahkan kesan-kesan bersejarah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Jerlun pada 1 Disember 2015 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan tragedi kren tumbang di Masjidil Haram, Mekah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa peristiwa kejadian tragedi kren tumbang di Masjidil Haram pada 11 September 2015 telah mengorbankan 111 orang jemaah haji daripada pelbagai negara. Kerajaan Malaysia melahirkan rasa dukacita dan simpati kepada semua mangsa yang terkorban dan tercedera dalam insiden kren tumbang ini. Dalam kejadian tersebut, 7 orang jemaah haji Malaysia telah meninggal dunia sementara 11 orang lagi mengalami kecederaan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia melalui Tabung Haji dalam menghadapi insiden tersebut adalah seperti berikut; pada hari kejadian keadaan cuaca amat buruk dengan angin kencang dan disertai oleh hujan ribut. Pihak Tabung Haji telah membuat hebahan serta memberi nasihat kepada semua jemaah haji agar tidak meninggalkan ataupun keluar daripada bangunan penginapan masing-masing jika keadaan cuaca tersebut berlarutan demi keselamatan diri masing-masing.

Setelah mendapat berita kejadian tersebut yakni kejadian kren tumbang, Tabung Haji telah mengaktifkan serta-merta pasukan mencari dan menyelamat yang terdiri daripada petugas rombongan kebajikan dan perubatan bagi membantu pasukan peronda yang berada di kawasan Masjidil Haram untuk memberikan bantuan dan pertolongan kecemasan kepada jemaah haji. Pasukan tersebut telah menemui 6 orang jemaah haji negara ini didapati tercedera dan dibawa ke pusat rawatan Tabung Haji untuk mendapat rawatan lanjut. Dalam masa yang sama usaha-usaha menyelamat melalui pemeriksaan di semua Hospital Arab Saudi sekitar Mekah juga dibuat dan mendapati 4 orang jemaah haji negara ini telah dikenal pasti dan berada di Hospital Arab Saudi mendapat rawatan akibat kecederaan.

Proses *head count* dilakukan dengan segera oleh Tabung Haji di semua bangunan penginapan jemaah haji pada malam hari kejadian dan keesokan harinya. Laporan mendapati sejumlah 8 orang jemaah haji tidak dapat dikesan di penginapan masing-masing. Usaha mengesan para jemaah yang hilang dipergiatkan lagi oleh petugas Tabung Haji, seorang daripada 8 orang telah dijumpai beberapa hari kemudian dan dilaporkan telah tersasar ke penginapan jemaah haji dari Thailand. Manakala 7 orang jemaah didapati telah terkorban setelah pengecaman dibuat terhadap mangsa-mangsa kejadian di Rumah Mayat Mina Muaissem.

Pengecaman jenazah mereka dibuat melalui pengenalan diri ataupun disahkan sendiri oleh waris yang berada di Tanah Suci dan waris yang dibawa ke Arab Saudi. Proses pengecaman mangsa dijalankan dengan prosedur yang ketat dan mematuhi *standard operating procedure (SOP)* Kerajaan Arab Saudi yang begitu cermat dalam memastikan kesahihan identifikasi jemaah haji yang terkorban.

Saya mewakili Kerajaan Malaysia bersama Pengerusi Tabung Haji, Yang Berhormat Baling turut berada di Mekah pada 14 hingga 17 September 2015 untuk bertemu terus dan mendapat kerjasama pihak Kerajaan Arab Saudi bagi proses pengecaman dan pengebumian jemaah haji Malaysia yang terkorban. Jenazah mangsa-mangsa terkorban telah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Syara'ik Mekah. Bersama-sama kita berdoa semoga roh mereka ditempatkan bersama kalangan orang-orang yang beriman. Pihak Tabung Haji telah mengemukakan senarai rasmi jemaah haji Malaysia yang terkorban dan tercedera kepada Kementerian Kesihatan Arab Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan kepada keluarga atau waris mangsa, pihak Tabung Haji telah menghulurkan bantuan sebagaimana berikut;

- (i) sepanjang masa kejadian, petugas Tabung Haji yang terdiri daripada Pasukan Kebajikan dan Perubatan sentiasa memberi maklumat terkini



dan menghulurkan bantuan yang diperlukan bagi kebajikan waris mangsa;

- (ii) waris-warisan di Tanah Suci juga didampingi oleh kaunselor-kaunselor bertauliah dan berpengalaman dalam membantu menenangkan perasaan serta memberikan sokongan emosi dan moral kepada mereka;
- (iii) bagi waris-warisan di tanah air pula, pihak Tabung Haji telah melantik pegawai perantara, *liaison officer*, dengan izin, bagi membantu para waris dan keluarga dalam segala urusan berkaitan insiden tersebut;
- (iv) keluarga mangsa-mangsa yang telah terkorban telah diterbangkan ke Tanah Suci untuk membantu dalam proses pengecaman dan memperoleh sampel dari padanan DNA;
- (v) waris-warisan mangsa yang tercedera juga dibawa bersama ke Tanah Suci untuk sama-sama mengerjakan ibadah haji. Segala perbelanjaan pengangkutan, penginapan, makan dan minum semasa di Tanah Suci ditanggung sepenuhnya oleh Tabung Haji;
- (vi) semasa masya'ir iaitu di Arafah, Mudzalfah dan Mina, semua mangsa yang cedera yang masih berada di Hospital Tabung Haji telah dibawa dengan ambulans bersama waris mereka untuk berwukuf di Arafah sebelum dibawa balik ke wad masing-masing;
- (vii) urusan melontar jamrah telah dilaksanakan oleh Tabung Haji bagi pihak mereka yang tercedera dan tidak berupaya melakukannya;
- (viii) bagi 7 orang mangsa yang terkorban, manfaat yang diterima oleh waris melalui pelan perlindungan Takaful Berkelompok merangkumi manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM20,000 seorang. Tambahan sumbangan wang ihsan Tabung Haji berjumlah RM20,000 seorang diberikan kepada waris yang terkorban membawa jumlah RM40,000.
- (ix) semua urusan pengebumian jenazah dan pengurusan khairat kematian di Tanah Suci dilaksanakan oleh Tabung Haji.
- (x) pihak Tabung Haji memberikan sumbangan kewangan berjumlah SAR1,000 hingga SAR3,000 seorang pada setiap mangsa yang tercedera bergantung pada tahap kecederaannya. Pihak Tabung Haji juga akan membuat susulan berkenaan pampasan seperti mana yang diumumkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi mewakili waris-warisan mangsa terkorban dan tercedera demi kebajikan dan kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman menangani insiden ini akan digunakan oleh Tabung Haji untuk menambah baik pelan pengurusan bencana sedia ada. Pelan ini merupakan sebahagian daripada pelan kesinambungan operasi Tabung Haji di Tanah Suci sejak 2013. Antara perkara yang diberikan perhatian ialah meningkatkan keberkesanan saluran komunikasi dan koordinasi semua pihak di Arab Saudi termasuk Kedutaan Malaysia di Riyadh, Konsul

Jeneral di Jeddah dan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan tindakan yang bersepadu dan pengurusan bencana seumpama insiden tersebut pada masa akan datang.

Mengenai projek pembangunan di sekitar Masjidil Haram yang dilaksanakan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memperbaiki prasarana di sekitar Masjidil Haram bagi keselesaan jemaah haji pada masa hadapan. Sesungguhnya kerajaan yakin bahawa Kerajaan Arab Saudi sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap keselamatan semua jemaah haji berhubung dengan projek pembangunan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan dengan panjang lebar dan juga terima kasih kepada Menteri kerana cepat sampai bersama dengan Pengerusi Tabung Haji, Yang Berhormat Baling yang prihatin kepada situasi yang melanda jemaah haji kita di Mekah.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, kita mendengar ada pampasan yang bakal diberikan kepada jemaah haji oleh Kerajaan Saudi yang jumlahnya SAR1 juta untuk yang meninggal dan juga yang cedera kekal sebanyak SAR500,000. Soalan saya, apakah mekanisme yang telah pun disediakan oleh pihak Tabung Haji untuk memaklumkan kepada mangsa dan juga proses tuntutan tersebut. Adakah selepas mangsa-mangsa tadi mendapat pampasan, sekiranya tidak puas hati boleh mereka menuntut hak mereka di mahkamah ataupun pelbagai cara yang lain. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. Berkaitan dengan soal pampasan. Daripada awal lagi semasa pengumuman pada masa waktu pengumuman sampai kepada maklumat semasa saya dan Yang Berhormat Baling berada di Mekah kita berada di satu masjid untuk solat Maghrib berdekatan dengan Muaissem. Akan tetapi pada awal itu juga saya sudah menjangkakan kebimbangan kerana dalam kejadian yang seperti ini, jangkakan kecederaan yang berlaku, kematian ini agak mudah sebab ia agak objektif.

Akan tetapi dalam hal kecederaan yang bersifat subjektif ini kita rasa bimbang kerana ukuran yang dikatakan keilatan kekal ataupun kecederaan yang kekal sehingga sampai dibayar pada jumlah yang telah ditetapkan dan kecederaan biasa.

#### ■1100

Adakah kecederaan biasa itu kerana sedikit mengelupas ataupun luas, banyak dan sebagainya. Ini menjadi kebimbangan awal lagi, Yang Berhormat. Jadi sebab yang demikian, pihak Tabung Haji telah menghubungi pihak Kerajaan Arab Saudi sama ada melalui hospital ataupun melalui kerajaan atau pihak yang berwajib terutamanya Menteri Haji dan Wakaf untuk kita memaklumkan sebab sebagaimana yang telah saya bacakan dalam jawapan yang panjang lebar tadi Yang Berhormat Bachok.

Kita telah memaklumkan kematian adalah suatu yang pasti ada tujuh orang walaupun peringkat awal hilang ada lapan orang tetapi didapati yang seorang hilang itu yang bernama Muluk daripada Pantai Remis, Perak. Dia rupanya tersasar masuk dalam kawasan jemaah haji

Thailand dan banyak hari duduk di rumah jemaah haji Thailand ini sebab kebetulan Yang Berhormat Bachok, jemaah Thailand dengan rupa jemaah Malaysia ini sama.

Jadi kebetulan sama. Sudah tiga hari makan tomyam di situ. Jadi di sana, barulah perasan. Orang Thailand tengok dia pun perasan kata dia Thailand dan dia tengok orang Thailand dia perasan ingat Malaysia. Sampai tiga hari baru dimaklumkan dan dibawa balik. Jadi tiga hari makan tomyam di kawasan jemaah Thailand secara percuma.

Apa pun Yang Berhormat, untuk yang cedera 11 orang ini, yang ini kita sudah panjangkan nama kepada pihak berwajib Arab Saudi dan kita amat mengharapkan sebab daripada sebelas ini, mereka ada yang cedera yang boleh dikategorikan agak berat dan ada kecederaan yang dikategorikan ringan. Maka pihak Tabung Haji telah mengusulkan untuk supaya nama-nama ini diambil perhatian walaupun mereka ini ada sebahagiannya di Hospital Arab Saudi, ada sebahagiannya daripada hospital kita sebab dalam kekalutan kejadian tragedi pada 9 September tersebut, tidak memungkinkan semua sekali ditampung oleh pihak satu hospital sahaja tetapi kita juga mengambil peranan.

Walau bagaimanapun, kembali kepada soalan Yang Berhormat Bachok, kita sudah panjangkan dan sentiasa mengusulkan nama-nama tersebut dan bergantung kepada maklumat semula dan bergantung kepada kriteria semula yang diberikan oleh Arab Saudi, ukuran kecederaan yang bagaimana yang menjadi tanggungan untuk mereka membayar pampasan. Balik kepada soalan akhir berkenaan bolehkah mereka membawa kepada pihak mahkamah, saya rasa ini merupakan hak masing-masing termasuk mereka yang terlibat dengan haji tersebut untuk membawa kepada pihak-pihak berwajib mahkamah terutamanya di peringkat Kerajaan Arab Saudi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Saya hendak ucap tahniah dan syabas kepada Menteri yang jaga haji dan juga Yang Berhormat Baling sebab saya tidak sempat hadir *breakfast* dengan Yang Berhormat Menteri pada hari Isnin sebab puasa. Kalau kita lihat sejarah, dua bandar suci ini bertahun-tahun, berkurun-kurun diurus oleh keluarga Rasulullah. Hanya selepas Perang Dunia Pertama, baru keluarga Kerajaan Arab Saudi atau *The Saud's Family* ini menjadi *the custodian* kepada dua bandar suci.

Soalan yang saya hendak tanya, sebenarnya usaha yang dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi amat bagus dan untuk mengurus dua atau tiga juta jemaah pada satu masa yang amat singkat adalah satu cabaran. Soalan saya, ada atau tidak usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan melalui OIC supaya dalam masa haji ini, segala *support service, rescue and search* ini tidak sahaja di monopoli oleh Kerajaan Arab Saudi supaya ia juga dibuka kepada negara lain supaya ia memantapkan bahawa kerjasama dan ukhuwah di antara masyarakat Islam itu sentiasa padu. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Mersing pun Tuan Yang di-Pertua, baru balik daripada haji. Kalau tengok dari gaya bangun, ketertiban, rambut. Jadi mudah-mudahan haji mabrur, Yang Berhormat.

Balik kepada soalan tadi, berkaitan dengan untuk supaya pengusulan kepada peringkat negara OIC di mana meminta supaya urusan-urusan membantu dan menguruskan jemaah haji ini merupakan *share* secara bersama di antara negara-negara umat Islam. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita sedia maklum bahawa jemaah haji ini adalah merupakan urusan yang diselia dan diatur oleh negara masing-masing dan melalui kemudahan yang disediakan awal daripada peringkat negara masing-masing melalui Kedutaan Arab Saudi. Jadi maknanya setiap yang bakal pergi, dia diberikan dengan visa dan kuota haji mengikut negara masing-masing.

Dalam masa yang sama juga, mengambil contoh negara kita, Malaysia, Yang Berhormat Mersing, di mana pada waktu kita hendak hantar jemaah haji, bukan setakat jemaah sahaja, kita membawa rombongan termasuk 200 lebih daripada bahagian termasuk bahagian kesihatan dan *support group* ataupun dengan izin kumpulan-kumpulan pembantu ini untuk membantu termasuk doktor-doktor dan juga pembantu-pembantu di hospital.

Jadi erti kata yang lain, sudah ada laluan-laluan untuk kesihatan dan juga untuk tujuan-tujuan keperluan tersebut. Bahkan dalam jawapan saya awal pun saya sebutkan enam jemaah yang ada di tempat kita yang cedera diuruskan oleh negara kita dan empat lagi diuruskan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi. Dalam erti kata mudah, maknanya sudah ada *share* ataupun dengan izin tadi kerjasama dalam konteks *rescue* dan juga keselamatan untuk kita turut bantu.

Oleh sebab itu dalam jawapan saya sebutkan tadi bila mana berlaku sahaja, kita sudah gerakkan semua *team* pembantu kita, pencari untuk tujuan *search* dan *rescue* dengan izin untuk bertemu. Walau bagaimanapun, mungkin barangkali sebab oleh kerana pengurusan jemaah haji di Mekah dan Madinah ini, dia berlaku serentak. Empat juta orang berada satu masa serentak untuk tawaf, satu masa serentak untuk saei, satu masa serentak untuk wuquf, untuk ke Muzdalifah dan untuk ke Mina.

Jadi masa itu adalah begitu amat menjadi kekangan dan begitu juga waktu melontar. Jadi perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat Mersing itu diambil perhatian dan mungkin diberikan sokongan-sokongan tambahan kalau persidangan negara OIC dan sebagainya *offer* ataupun tawaran daripada pihak negara-negara yang sudi untuk turut sama bekerjasama membantu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) secara terperinci tanggungjawab Kumpulan Simpanan Wang Pekerja selain mentadbir wang simpanan pekerja; dan
- (b) jika ada menguruskan pelaburan di mana-mana, berapa besar dan bagaimanakah prestasi pelaburan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukkan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991, KWSP

adalah pemegang amanah kumpulan wang dan peranan KWSP adalah tertakluk kepada akta yang sama dan peranan utama seperti berikut:

- (i) mengurus, menerima dan mengutip caruman ahli KWSP;
- (ii) menyenggara akaun setiap ahli dan majikan;
- (iii) melaksanakan penguatkuasaan ke atas majikan bagi memastikan majikan menyempurnakan obligasi mereka untuk mencarum;
- (iv) membuat pelaburan berkaitan simpanan ahli bagi memastikan pulangan yang optimum ke atas simpanan dan pemberian dividen yang bersesuaian kepada ahli-ahli; dan
- (v) mengembalikan semua simpanan ahli, caruman dan dividen melalui skim-skim pengeluaran yang dibenarkan bagi membolehkan mereka menikmati simpanan mereka untuk tujuan yang dibenarkan di bawah Akta KWSP 1991.

Setakat bulan Jun 2015, saiz aset pelaburan KWSP adalah sebanyak RM667.21 bilion dan kesemuanya dilaburkan di pelbagai kelas aset berdasarkan strategi pelaburan semasa.

#### ■1110

Arah tuju dan strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan kepada *assets strategic allocation* di mana peruntukan alokasi aset adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu melindungi dan memberi nilai tambah kepada wang simpanan ahli.

Selaras dengan objektif pelaburan jangka panjang KWSP, komposisi aset pelaburan KWSP bercirikan risiko yang rendah di mana tumpuan pelaburan adalah kepada instrumen berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang stabil. Instrumen berpendapatan tetap merangkumi pembiayaan pinjaman dan pelangganan bon yang diterbitkan oleh kerajaan, agensi kerajaan dan badan-badan berkanun dalam dan luar negara.

Mengambil kira kadar faedah semasa yang rendah bagi kedua-dua pasaran dalam dan luar negara, KWSP telah terus mempelbagaikan portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti ekuiti, hartanah dan infrastruktur secara domestik mahupun global dalam julat yang dibenarkan bagi mengoptimumkan pulangan pada tahap risiko yang berpatutan.

KWSP sentiasa mencari peluang melabur dalam aset yang berkualiti, berkadar pulangan tinggi serta mampu menjana pendapatan yang stabil bagi membolehkan pengagihan dibuat melalui dividen tahunan kepada ahli.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini timbul kerana ramai rakyat jelata terutama sekali di Sabah, kerana kita semua sedia maklum bahawa pada ketika ini internet, *Facebook*, *WhatsApp* dan lain-lain lagi, meluas disebar. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan kerana ini soalan pun datangnya daripada bawah.

Kewangan KWSP ini digunakan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi di luar sana mengatakan disebabkan kegawatan ekonomi, kerajaan tidak ada wang. Kerajaan gunakan wang Tabung Haji, wang KWSP untuk menutup lubang-lubang termasuk yang *latest* ini, lubang 1MDB. Itu saya minta penjelasan supaya rakyat boleh tahu di luar. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sebelum saya jawab soalan itu, saya ingat eloklah kita semua kena tahu bahawa di mana duduknya kedudukan EPF dari segi dana *pension* dunia.

EPF sebenarnya terletak nombor tujuh dalam dunia. Yang pertama ialah negara Jepun; yang kedua, Norway; yang ketiga, *South Korea*; yang keempat, China; yang kelima, Kanada; yang keenam, *Singapore*; dan yang ketujuh, Malaysia, dalam dunia.

Untuk menjawab soalan sama ada kerajaan menggunakan duit EPF untuk 1MDB, sebenarnya tak ada. Jawapannya tak ada. Cuma, saya hendak beritahu kepada Ahli Dewan, EPF ada melabur dalam bon, *subscribe* bon kepada dua *power plant* yang dimiliki oleh 1MDB iaitu Jimah Energy Ventures dan juga Panglima Power. Kedua-dua bon ini telah *unsubscribe* oleh EPF sewaktu sebelum 1MDB menguasai kedua-dua *power plant* ini. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga kerana pada saya menyatakan bahawa pelaburan KWSP terhadap 1MDB itu memang sebanyak RM1.52 bilion, tambahan dengan bon terbitan RM200 juta.

Persoalan saya, memandangkan baru-baru ini akhbar *Wall Street Journal* telah melahirkan kebimbangan bahawa 1MDB ada masalah mendapatkan pembida bagi stesen jana kuasa yang telah dibeli daripada Genting Group iaitu dibeli pada tahun 2012, tambahan juga dengan penangguhan pembayaran sebanyak tiga kali, awal Januari tahun ini terhadap hutangnya yang sebanyak RM2 bilion sahaja.

Persoalan saya, Petronas sekarang menerima penurunan penarafan kerana masalah 1MDB termasuklah harga minyak sedunia. Bagaimanakah kementerian dan kerajaan memastikan bahawa KWSP tidak terkesan langsung dengan pendedahannya menerusi pelaburan terhadap 1MDB yang mempunyai atau mengalami masalah pembayaran sekarang ini? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Kalau kita tengok pelaburan EPF ini, ia sungguh terkawal. Kalau kita tengok pelaburan yang dibuat kepada Jimah Energy Ventures ataupun Panglima Power, dia punya *coupon rate* dalam bon ini adalah sebanyak *7.7 percent to 9.85 percent*. Kemudian Panglima Power, 8.25 persen ke 8.35 persen. Kemudian rating kedua-dua bon ini adalah *double A3* dan *double A1*.

Jadi saya tidak nampak operasi yang dikendalikan oleh Jimah Energy dan Panglima Power ini boleh menjejaskan kedudukan pelaburan EPF kerana ia tidak secara *direct* kepada 1MDB tetapi kepada *operating company*. Terima kasih.

6. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah peruntukan tanah 40 ekar yang dicadangkan bertujuan untuk membina KKIA Terminal 3 bagi menampung keperluan penumpang pada masa hadapan. Memandangkan perpindahan operasi AirAsia dari T2 ke T1 akan menyebabkan T1 melebihi had kapasiti T1.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan amat menghargai usaha Kerajaan Negeri Sabah yang telah bersedia untuk memperuntukkan tanah seluas 40 ekar bagi tujuan penggunaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu iaitu KKIA.

Berdasarkan peruntukan tawaran tanah tersebut, Kementerian Pengangkutan bersama Malaysia Airports Holding Berhad bercadang membesarkan Terminal 1 sedia ada untuk menampung kapasiti yang lebih tinggi di atas tanah tersebut iaitu 16 juta penumpang setahun. Kapasiti ini akan dapat menampung keperluan penumpang syarikat-syarikat penerbangan sehingga tahun 2025.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKIA Terminal 1 yang kapasitinya sebanyak sembilan juta penumpang setahun mampu menampung keperluan semua penumpang syarikat penerbangan termasuk penumpang penerbangan AirAsia setelah berpindah operasi syarikat tersebut daripada Terminal 2 kelak. Terima kasih.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan tetapi macam tidak masuk akal. *Not practical* lah.

Saya ada soalan tambahan di sini. Saya rasa sangat terkejut kenapakah kerajaan kelim kabut mahu paksa pindah KKIA ke KKIA1. Adakah sebarang agenda tertentu? Antara masalah utama di KKIA sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kesesakan lalu lintas. Jika KKIA2 dipindah, ia akan menambahkan lagi kesesakan.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Ketua Menteri Sabah juga setuju dengan masalah ini. Adakah kerajaan tidak sedar ini? Dengan kenaikan *service charges* 50 sampai 100 peratus di KKIA kalau dipindah, ia juga akan bebankan pengguna. Pengguna hanya mahukan servis yang murah. Yang Berhormat Menteri, ini pasti akan jejaskan industri pelancongan di Sabah.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri setuju Kota Kinabalu perlu sebuah *low cost carrier terminal* atau LCCT dengan kapasiti tidak kurang 10 juta setahun untuk majukan sektor pelancongan di Sabah? Minta penjelasan. Terima kasih.

■1120

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya rasa Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak mendapat maklumat yang sebenar. Terminal 2 mempunyai kapasiti dua juta sahaja dan sekarang ini di Terminal 2 penumpang telah menjangkau 3.6 juta. Maknanya telah berlaku kesesakan yang dahsyat di Terminal 2. Sedangkan Terminal 1 telah dibina dengan kapasiti sembilan juta dan hari ini penggunaan di Terminal 1 hanya lebih kurang tiga juta jadi masih ada ruang lebih kurang enam juta. Maka sebab itu kita kerajaan cadangkan pindah. Dengan perpindahan ini penumpang-penumpang di Terminal 2 akan mendapat kemudahan yang lebih selesa di Terminal 1.

Ini kerana walaupun dipindah ke Terminal 1, Terminal 1 masih lagi dapat menampung kerana kemampuannya 9 juta. Jadi kalau dicampur dengan penumpang Terminal 2 hari ini ialah berjumlah 6.7 juta jadi masih lagi mempunyai keselesaan yang cukup baik kepada penumpang-penumpang. Jadi sebab itu kerajaan telah berbincang dengan pihak AirAsia dan pihak AirAsia pun pada dasarnya telah bersetuju dan kerajaan telah menetapkan 1 Disember untuk AirAsia berpindah ke Terminal 1. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat kawan saya, sahabat saya Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu macam jawapan Menteri itu. Terima kasih kepada yang menyoal.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini sebab terminal itu Tuan Yang di-Pertua di dalam kawasan saya, bukan kawasan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Jadi apabila Yang Berhormat Kota Kinabalu menyentuhkan...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Itu Kota Kinabalu antarabangsa...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** KKIA2 itu banyak cicak. saya tidak nampak cicak sana. Jadi Yang Berhormat Kota Kinabalu kalau mendesak supaya dikekalkan itu tidak wajar sebab sendiri Yang Berhormat juga menggunakan terminal itu dan kelihatan tidak begitu sesuai lagi untuk diguna pakai. Jadi saya sebenarnya bersetuju dengan Menteri bahawa Terminal 2 itu dipindah kepada Terminal 1 kerana masih banyak ruang di situ untuk penumpang-penumpang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini Timbalan Menteri mana pula ini Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya tidak mendesak walaupun baru-baru ini kita ada taklimat bahawa AirAsia dan penerbangan-penerbangan yang lain ...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua dia bukan Menteri kenapa dia jawab sebagai Menteri? Dia bukan Menteri, *backbenchers*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat pun salah peraturan patut tidak boleh mencelah dalam soal jawab Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan macam mana dia boleh mencelah? Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah soal sudah soal.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Adakah pihak MAHB bercadang untuk meluaskan lagi melebarkan lagi Lapangan KKIA2 itu? Ini sebab kalau satu lapangan sahaja diguna pakai maka kita ada perancangan masa akan datang. Jadi malam pun ada *flight* daripada luar negara jadi saya nampak mungkin kesesakan itu akan berlaku. Adakah cadangan pihak kementerian untuk membuat satu perancangan untuk memperbesarkan lagi KKIA1 itu?



**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Pertama tentang pembesaran memang ianya dalam perancangan RMKe-11. Kita akan menambah luas lantai terminal sebanyak 15,000 meter persegi. Kita juga akan menambah dua *check-in island*. Sekarang ini ada empat *check-in island* kita akan tambah lagi dua. Ini akan menampung sehingga 16 juta penumpang setahun. Di samping itu saya pun ingin menyentuh apa yang Ahli Parlimen Kota Kinabalu sebut tadi bahawa kita juga akan memberi insentif kepada syarikat penerbangan sebanyak RM25 *rebate* kepada syarikat penerbangan yang membawa masuk penumpang-penumpang antarabangsa. Ini adalah satu kebaikan kepada syarikat-syarikat penerbangan. Terima kasih.

7. **Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan pendapatan kasar kerajaan dari program Meeting, Incentive, Convention and Exhibitions (MICE) pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan izinkan saya menjawab soalan ini bersama satu lagi soalan Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak pada 27 Oktober 2015 kerana ia menyentuh perkara yang berkaitan iaitu *Meeting, Incentive, Convention and Exhibitions* (MICE).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendapatan kasar yang diterima oleh Kerajaan Malaysia melalui Program *Meeting, Incentive, Convention and Exhibitions* (MICE) pada tahun 2012 berjumlah RM18.2 bilion. Bagi tahun 2013 pula sektor MICE menyumbang sebanyak RM18.0 bilion manakala pada tahun 2014 dengan pendapatan kasar berjumlah RM18.8 bilion. Pulangan bagi industri pelancongan hasil usaha menjadikan Malaysia destinasi MICE antarabangsa bermula dari tahun 2003 sehingga tahun 2015 adalah amat membanggakan. Dari tahun 2003 hingga tahun 2010 tiada peruntukan khas diberikan kepada penganjur acara MICE kerana pembiayaan penganjuran acara-acara tersebut adalah di bawah peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tourism Malaysia.

Sebahagian besar geran atau bantuan kewangan yang disediakan pada tahun tersebut adalah untuk kegunaan perbelanjaan acara MICE yang akan berlangsung pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2012 sebanyak 135 bidaan acara telah dimenangi membawa seramai 61,086 orang delegasi perniagaan sekali gus menjana pendapatan berjumlah RM634 juta. Bagi tahun 2013 pula terdapat hanya 134 bidaan acara dimenangi namun berjaya membawa peningkatan delegasi kepada 81,350 dengan pendapatan berjumlah RM789 juta berbanding tahun 2012. Manakala pada tahun 2014 sempena Tahun Melawat Malaysia, bidaan acara yang dimenangi terus meningkat kepada 152 dengan kedatangan delegasi seramai 100,754 orang sekali gus menjana pendapatan berjumlah RM970 juta bagi tahun 2014 yang lalu.

Kesan peningkatan ini telah menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi MICE pilihan dan diiktiraf oleh *International Congress and Conference Association* (ICCA). Di mana

bagi tahun 2014 Malaysia berada di kedudukan 30 ranking dunia manakala bagi rantau Asia Pasifik negara kita berada di tangga ketujuh. Bilangan penganjuran mesyuarat juga meningkat saban tahun iaitu pada tahun 2012 sebanyak 109 mesyuarat, tahun 2013 berjumlah 117 mesyuarat dan pada tahun 2014 berjumlah 133 mesyuarat. Ini menyumbang kepada peningkatan keseluruhan sektor *business tourism* atau MICE ini.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan prestasi sektor MICE negara bagi tahun 2003 sehingga tahun 2012 adalah usaha promosi agresif oleh bahagian *convention tourism* Malaysia dan dari tahun 2003 hingga 2009 dan tindakan proaktif serta berstruktur ini digiatkan lagi dengan penubuhan Malaysian Convention and Exhibition Biro MyCEB iaitu agensi di bawah kementerian bermula pada tahun 2010 hingga kini. Dalam masa yang sama proses pengumpulan maklumat pendapatan daripada sektor MICE bagi tahun 2015 masih sedang dalam pelaksanaan secara berterusan sehingga akhir tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, MyCEB tidak terlibat dalam pemberian geran atau bantuan kewangan kepada Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa 2015 yang telah berlangsung pada September 2015 yang dianjurkan secara bersama oleh kerajaan Malaysia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Malaysia Society for Transparency and Integrity TI-Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan tahniah atas kejayaan sektor pelancongan ini yang merupakan satu sektor yang boleh dikatakan lumayan dan juga memastikan pendapatan daripada *tourism* untuk jangka masa lama. Soalan saya untuk Yang Berhormat Menteri ialah apakah usaha-usaha di bawah kementerian beliau untuk meluaskan lagi promosi-promosi Meeting Industry ini di kawasan-kawasan luar daripada Kuala Lumpur seperti bandar-bandar yang besar di Malaysia ini seperti Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Penang dan lain-lain. Sekian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu merupakan soalan yang cukup baik kerana dalam kita membuat pembidaan ini, kita mesti mempunyai alternatif, bermakna kita tidak hanya mengatakan iaitu kita mengadakan MICE ini di Kuala Lumpur sahaja. Kita mesti beri mereka pilihan. Kita ada Kuala Lumpur, Johor Baharu, Kuching, Kota Kinabalu dan juga macam Penang, Melaka, Langkawi dan Port Dickson yang merupakan tempat-tempat yang sememangnya menarik perhatian di kalangan pelancong-pelancong. Jadi memang betul apa Yang Berhormat sebut, kita tidak hanya memasarkan Kuala Lumpur sahaja kerana kadangkala oleh kerana Kuala Lumpur ini bandar raya Malaysia, ibu negara kita orang selalu mari ke sini. Tetapi kalau mereka selalu datang ke Kuala Lumpur, mereka juga mahu pergi ke tempat yang lain.

Jadi saya juga mintalah kepada kerajaan negeri supaya mereka juga bersama dengan saya waktu kita mengadakan promosi dalam mana-mana *travel mart* ataupun *exhibition* pelancongan, turut hadir bersama untuk memasarkan bandar mereka masing-masing. Jadi ini

permintaan saya kepada kerajaan negeri supaya mengikuti delegasi saya waktu saya mengadakan promosi di luar negara. Begitu juga saya berharap supaya kementerian-kementerian juga menyokong MyCEB kerana kita ada *exhibition* ataupun perjumpaan yang khusus seperti World Dental Organization punya *meeting* ataupun macam baru-baru ini kita ada OIC *meeting*. Jadi kementerian juga diminta untuk membantu MyCEB apabila kita membuat bida untuk mengadakan perjumpaan tahunan mereka itu di Malaysia. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat ini cukup aktif, Sarawak punya MyCEB ini macam *equivalence* dia ikut saya merata juga. Tetapi kadang-kadang dia hantar dia punya eksekutif. Lain kali saya ingat kalau dia boleh ikut saya selalu pun bagus juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu sahaja sesi soal jawab untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURANMESYUARAT 18(1)**

**MASALAH JEREBU**

**11.35 pg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Teks usul yang dicadangkan adalah seperti berikut. Bahawa Dewan ini membahaskan permasalahan jerebu yang melanda Malaysia dan Indonesia dan tatacara menangani jerebu rentas sempadan sejak pertama ianya berlaku pada April 1983.

Melalui Laporan Bernama TV pada 23 Oktober 2014, sebuah perjanjian persefahaman (MOU) kononnya sedang dirangka antara Malaysia-Indonesia yang fokusnya terhadap pencegahan pembakaran terbuka dan pembakaran hutan.

Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan yang diratifikasi oleh sembilan negara ASEAN pada 18 Jun 2002 yang lalu tidak menampakkan sebarang perkembangan sihat. Industri pelancongan dan pengangkutan udara terjejas teruk akibat daripada isu jerebu ini. Malah, pendapatan bagi golongan penjaja dan nelayan terjejas akibat daripada jerebu ini.

Masalah yang mengakibatkan pencemaran yang amat serius ini menjurus kepada penutupan sekolah-sekolah dalam mengelak masalah kesihatan yang serius terutama terhadap kanak-kanak dan pesakit *asthma*. Memandangkan masalah jerebu yang berkepentingan awam ini berlarutan berpuluh tahun tidak dapat diselesaikan, memorandum persefahaman tidak dipatuhi, maka ianya perlu disegerakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Petaling Jaya Selatan pada hari Isnin, 19 Oktober 2015. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3) usul ini hendaklah ditimbulkan sehingga jam 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mesyuarat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peraturan Mesyuarat 15, susunan Urusan Mesyuarat. Semalam semua MP telah pun diberikan takwim untuk sesi ini. Saya hendak menyentuh, saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya semak daripada takwim ini berkaitan dengan tempoh perbahasan peringkat dasar khususnya di peringkat bahas bajet adalah berkurangan daripada jumlah hari kebiasaan kita bahas. Kalau saya rujuk kepada perbahasan peringkat dasar Bajet 2015 yang lalu, kita berbahas selama tempoh lapan hari di peringkat dasar.

Akan tetapi untuk kali ini telah pun dicatat jumlahnya hanya enam hari sahaja dan jawapan daripada pihak kerajaan kebiasaannya ialah empat hari dan kali ini telah pun dikurangkan menjadi tiga hari sahaja. Jadi bagi saya bahawa tempoh ini berkurangan di peringkat dasar ini sangat tidak wajar, daripada lapan hari kepada hanya tinggal enam hari. Bermakna bahawa kalau kita hendak bahas, kena sampai larut malam.

Jadi, ini satu yang sangat tidak wajar. Saya minta mohon pertimbangan semula supaya susunan Aturan Mesyuarat ini mesti disusun dan dikembalikan kepada kebiasaan. Kalau tidak tambah hari pun, kebiasaannya kekalkan untuk lapan hari untuk peringkat dasar. Terima kasih.

■1140

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mana seksyen 15 yang kata lapan hari, enam hari Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya sebut tadi kebiasaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Main sebut sahaja 15 itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya sebut kebiasaan. Saya menggunakan peraturan itu kerana peraturan itu berkaitan dengan susunan Aturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi, secara spesifik seksyen 15 tidak sebut Yang Berhormat, tetapi tidak apa. Saya akan ambil perhatian dan akan minta disemak oleh pihak sekretariat ya.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan urusan mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[20 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Pokok Sena.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### **11.41 pg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, KWSP merupakan kumpulan simpanan nasional yang terbesar di Malaysia dan antara kumpulan wang yang tertua. Baru-baru tadi Menteri juga telah menyatakan bahawa ia termasuk dalam nombor tujuh terbaik dunia.

KWSP beroperasi sebagai sebuah institusi keselamatan penjagaan wang amanah. Umum mengetahui matlamat penubuhan KWSP adalah untuk memberi manfaat persaraan kepada mereka yang bekerja. KWSP merupakan skim simpanan wajib yang mewajibkan majikan dan pekerjanya mencarum setiap bulan pada kadar yang berasaskan peratusan gaji mereka.

Antara pindaan yang ingin saya bahaskan adalah merujuk kepada seksyen 43A iaitu untuk "*Pemilihan untuk akaun ahli Kumpulan Wang diuruskan mengikut syariah*". Dana patuh syariah telah berkembang dengan populariti baru-baru ini. Walaupun konsep ini telah dibangunkan seawal 1990-an, konsep ini memerlukan usaha yang besar untuk dilaksanakan kerana banyak perhatian mesti diberi kepada pematuhan dengan prinsip-prinsip syariah sama ada di peringkat operasi dana dan untuk semua pelaburan asas.

Sehubungan dengan itu, saya ingin memastikan perkara-perkara ini diambil kira iaitu agar pencarum-pencarum yang beragama Islam diutamakan terus untuk secara automatik mengikut syariah, bukan lagi pilihan. Ini kerana, perlu diambil kira tentang beberapa masalah iaitu sekali, yang pertama, dalam masalah *nomination* ataupun penama.

Sekarang ini, jika penama-penama telah meletakkan nama-nama orang lain walaupun mereka sudah berumah tangga, pihak KWSP tetap akan mengikut *what is stated*, dengan izin, dalam *nomination form*. Jadi bila kita mengikut syariah, kita mahukan semua orang Islam secara automatik akan menggunakan hukum ini. Supaya mereka tidak menjadi golongan yang rugi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya mempunyai ramai di kalangan terutamanya suri rumah, di mana *nomination* ini telah diisi oleh pihak suami, arwahnya, semasa mereka bujang lagi dan tidak diperbaharui, sama ada dengan nama ibu bapa ataupun nama adik-beradik. Akan tetapi, bila sampai masa suami meninggal, isteri tidak dapat menuntut kerana mengikut borang, nama yang telah tercatat dalam *nomination*. Jadi saya mohon agar pihak KWSP mengambil kira dan memastikan perkara ini dimasukkan dalam pindaan syariah kita juga.

Saya juga ingin pihak KWSP mengambil kira sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak Tabung Haji, iaitu dari sudut bayaran zakat. Kalau boleh, dapatlah simpanan di dalam KWSP ini dikenakan zakat secara automatik kerana simpanan ini adalah di bawah biayaan KWSP. Kita tahu sebagai orang Islam, zakat simpanan memang jelas tertera yang kita perlu menjelaskan zakat ini. Kita semua jelas bahawa konsep yang dijalankan ini perlulah dibaiki dari semasa ke semasa.

Bagi seksyen 65(3) dan seksyen 66(2), iaitu dengan menggantikan perkataan 'faedah' dengan perkataan 'caj lewat bayar'. Saya mohon dianalisis perkara ini dengan sebaiknya agar bukanlah sekadar pertukaran nama tetapi betul-betul mematuhi syariah yang bakal kita jalankan kelak.

Seksyen 51 mengatakan bahawa amaun yang ada pada kredit seseorang ahli boleh dilucut hak dan dipindah atas perintah mahkamah. Walhal peruntukan sebelum ini dengan jelas menyatakan bahawa simpanan ahli tidak boleh diserahkan hak, atau dipindahkan untuk menjelaskan apa jua hutang atau tuntutan.

Secara jelas perkara ini tidak sayaersetujui kerana hak ke atas simpanan tersebut tidak seharusnya dipindahkan kepada lain pihak. Simpanan tersebut merupakan hak ke atas ahli KWSP serta waris yang telah dibuat penamaan. Sekiranya ahli telah dikenakan tindakan mahkamah, maka penama boleh mengeluarkan simpanan tersebut bagi urusan tertentu. Adalah tidak adil kepada ahli dan juga waris sekiranya simpanan tersebut diserahkan hak kepada mana-mana pihak yang lain. Selaras dengan objektif utama KWSP iaitu untuk melindungi simpanan persaraan ahli dan menjana pulangan yang melebihi kadar inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada pihak KWSP tentang pindaan-pindaan yang dilaksanakan iaitu tentang satu perkara berhubung dengan seksyen 43, gaji minima. Ini memang baik, iaitu potongan akan dibuat berdasarkan gaji minimum. Akan tetapi kita sedia maklum masih ramai lagi industri kecil atau kedai-kedai kecil, peniaga-peniaga kecil, di mana pekerja-pekerja ini tidak pun dibayar dengan gaji minimum walaupun mereka mendaftar perniagaan.

Apa yang mungkin bakal berlaku ialah memang mereka akan menggunakan RM900 sebagai *baseline* gaji minima mengenakan EPF untuk caruman pekerja dan majikan. Akan tetapi persoalannya, pekerja-pekerja ini secara benarnya tidak dibayar gaji minimum.

Jadi ini merupakan tanggungan tambahan kepada pekerja berkenaan melainkan satu pakatan yang baik dapat dilaksanakan di antara pihak KWSP dan juga Jabatan Tenaga Kerja, saya kira barulah perkara ini dapat dilaksanakan untuk kepentingan pekerja dengan baik sekali.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang pindaan...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong bangun.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta penjelasan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Sekejap, saya hendak habiskan sedikit.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Saya mengambil kira pindaan-pindaan yang dilaksanakan untuk kepentingan-kepentingan pencarum supaya dihebahkan dengan sebaik mungkin tentang bagaimana ahli-ahli pencarum boleh menggunakan khidmat KWSP untuk membantu mereka apabila rumah-rumah mereka ini dilelong. Kita tahu dalam keadaan sekarang, kadang-kadang itulah rumah yang mereka ada.

Dalam tiga minggu lepas, saya didatangi oleh seorang pekerja kilang, rumahnya terpaksa dilelong kerana sudah enam bulan dia tidak bayar. Pihak bank kita tahu lah, masa hendak beri pinjam memang cantik. Bila dia hendak lelong, dia tidak beritahu pun. Alih-alih hantar surat untuk lelong. Jadi dia hendak minta tolong dengan saya. Jadi saya pun banyak, mana saya boleh bantu. Jadi kalau lah perkara ini dapat diambil perhatian oleh mereka yang bertanggung jawab di KWSP. *After all*, dengan izin, ini adalah wang simpanan mereka. Biarlah mereka menggunakan di saat mereka benar-benar memerlukan bagi memastikan rakyat kita yang berpendapatan rendah ini dapat memelihara rumah mereka untuk terus didiami oleh keluarga mereka.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Saya juga yang terakhirnya ingin menyentuh soal...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Sebentar Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Ya tanya, sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Berkenaan dengan isu gaji minimum yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, saya rasa ini adalah satu beban khususnya bagi mereka yang tidak dibayar gaji minimum. Jadi saya hendak minta pandangan sama ada seksyen 43(1) yang baru ini haruslah dikeluarkan daripada rang undang-undang ini. Silakan.

■1150

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Tanjong, saya tadi menyebut soal seksyen 43 ini, saya bersetuju supaya gaji minimum ini dikuatkuasakan dari sudut mengenakan jumlah caruman. Akan tetapi yang perlu diambil kira ialah bagaimana perkara ini dapat dilakukan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja atau *Labour Department*. Ini kerana kalau kita tidak kaitkan, memang betul pekerja akan rugi. Jadi, kita mohon jabatan-jabatan atau pihak yang bertanggungjawab mengadakan satu usaha sama *because*, dengan izin, yang kita faham sekarang ini kadang-kadang ia tidak ada *linkage* antara Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Buruh dengan KWSP. Bagaimanakah pembentukan gaji ini dibayar? Gaji minimum memang betul ia sebenarnya masih rendah kalau diikutkan sekarang ini.

Seterusnya, tentang *unit trust*. Di mana ahli-ahli dibenarkan melabur menggunakan akaun mereka yang ada dengan lebihan yang ada untuk melabur dalam *unit trust* dan dividen dibayar. Saya ingin memberi cadangan di sini supaya jumlah dividen yang dibayar daripada pelaburan unit-unit *trust* ini dibenarkan pengambilannya tidak perlu menunggu sehingga umur 55 tahun. Itu sahaja yang ingin saya bahaskan di sini. Saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.52 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang KWSP ini.

Pertama, tahniah kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Dia itu saya tahu tokoh korporat menjadi Timbalan Menteri Kewangan adalah satu *gift to the nation*. Ada yang kata Tuan Yang di-Pertua, bahawa banyak *Backbenchers* yang kritik 1MDB ataupun komen 1MDB dijadikan Timbalan Menteri pula seperti macam Yang Berhormat Pulai. [Ketawa] Akan tetapi bagi kes Yang Berhormat Titiwangsa, *I am absolutely certain*, dengan izin. Ini adalah *based on merits*.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya adalah padat dan, dengan izin, *will be straight to the point*. Saya akan membahaskan tiga perkara. Pertama, tentang pelaburan Syariah dan juga Jawatankuasa Penasihat Syariah. Kedua, isu pelaburan KWSP dan syarikat FGV. Ketiga, impak TPPA kepada KWSP.

Isu pertama iaitu isu utama rang undang-undang ini adalah mengenai pelaburan syariah ataupun, dengan izin, *syariah compliance investment*. Saya memang tertarik kepada isu ini



kerana ia seakan-akan dengan sistem pelaburan yang berdasarkan etika, dengan izin, *socially responsible investing* atau pun *ethical investing*. Sejak tahun penghujung 1990-an, pasaran dunia telah melihat perkembangan beberapa dana pelaburan beretika, *ethical investing funds*. Semua ini bermula dengan konsep *green investing* iaitu pelaburan yang khasnya membeli saham syarikat-syarikat yang mempunyai *green credential* iaitu syarikat-syarikat yang tidak merosakkan alam sekitar. Daripada perkembangan *green investing* sejak tahun 1990-an ini sehingga ke masa kini, di mana pada masa kini terdapat beberapa *sovereign wealth funds* yang mula mengamalkan *code of ethics* dalam pelaburan mereka. Terutamanya *Government Pension Funds of Norway* mempunyai sistem etika yang tinggi sekali di mana perkara-perkara seperti alam sekitar, korupsi, penindasan pekerja diambil kira sebelum mereka membuat apa-apa pelaburan. Jadi, tahniah kepada KWSP kerana mula mengamalkan corak pelaburan baru yang mempunyai satu *code of ethics* yang berdasarkan Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah orang Islam, saya beragama Buddha. Akan tetapi saya memang biasa berkawan rapat dengan kawan Melayu Islam kerana saya membesar di Kelantan. Bagi saya semua agama walaupun berlainan dengan cara dan adatnya adalah mempunyai matlamat yang sama iaitu mendekati tuhan, memastikan keadilan dan kebaikan kepada semua. Oleh itu saya menyokong sistem pelaburan Syariah ini kerana saya percaya ia sekurang-kurangnya akan membawa satu *code of ethics* dalam pelaburan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong rang undang-undang ini tetapi saya mempunyai beberapa soalan kritikal kepada Yang Berhormat Menteri mengenai isu pelaburan ini. Pertama, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah *guidelines* ataupun garis panduan untuk sesuatu pelaburan mematuhi rukun-rukun Syariah? Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan garis panduan yang penuh, *complete* kalau boleh. Saya tahu aktiviti haram daripada segi Islam seperti judi dan arak tidak akan dapat status pelaburan Syariah. Akan tetapi apa pula dengan isu lain seperti gejala korupsi dan penindasan pekerja? Seperti apa yang kawan baik saya Yang Berhormat Sepang timbulkan semalam, apakah standard yang kita akan pakai dalam pelaburan Syariah?

Semalam Yang Berhormat Sepang timbulkan isu 1MDB dan *Cayman Island* sebagai satu contoh. Niatnya baik dan niat saya juga baik pada hari ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekiranya, *what if PAC* atau polis atau *Attorney General* atau Bank Negara sendiri mendapati 1MDB telah melakukan satu jenayah? Sekiranya ya, jenayah korupsi besar ataupun *money laundering*, adakah KWSP bahagian Syariah akan menarik balik semua pelaburannya dalam 1MDB supaya ia boleh mematuhi rukun-rukun Syariah? Soalan contoh 1MDB saya adalah penting kerana saya rasa dapat dengan percaya asalkan syarikat-syarikat tidak jual daging babi, tidak jual arak, tidak mengamalkan perbankan faedah dan tidak ada kasino. Semuanya adalah halal dan boleh dilabur. Setahu saya gejala korupsi bukannya satu perkara halal. Oleh itu saya meminta sekali lagi Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan garis panduan penuh, apakah itu *syariah compliance*?

Tuan Yang di-Pertua, permintaan saya ini bukanlah permintaan yang kecil kerana KWSP ini mempunyai dana RM600 bilion dan ia kepunyaan rakyat, bukannya kepunyaan kerajaan. Dengan izin, *the people have the rights to know where and how the money is invested*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kemukakan soalan kedua saya. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju untuk memasukkan garis panduan ini sebagai satu jadual kepada akta ini? Ini boleh dilakukan dalam persidangan Dewan yang mulia ini pada masa akan datang. Ia penting kerana satu garis panduan yang begitu penting melibatkan pelaburan rakyat berbilion-bilion tidak boleh sahaja ditentukan oleh jawatankuasa penasihat Syariah. Dengan izin, *there is just too much discretion powers affecting billions of people investment in the hands of the Syariah Advisory Committee*. Dengan izin, *how is this committee accountable to the rakyat* dalam rang undang-undang ini? *Therefore, there must be at least a written syariah compliance guidelines attached as a schedule to this act*.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ketiga saya adakah pelaburan syariah ini terbuka kepada semua? Maksudnya, orang Islam dan juga bukan Islam? Sekiranya duit KWSP saya tidak masuk pelaburan ke dalam syarikat kronik seperti syarikat 1MDB yang tidak boleh bayar faedah hutang dan apatah lagi hendak bayar hutang pokok, saya berminat sebagai seorang beragama Buddha untuk tukar ke sistem pelaburan Syariah juga?

Soalan keempat saya, apakah peratusan dana KWSP sekarang yang sudah memenuhi rukun-rukun syariah? Adakah ia cuma 10 peratus atau 50 peratus ataupun 80 peratus? Soalan ini penting kerana untuk mengamalkan satu rombakan sistem pada dua saluran pelaburan. Dengan izin, *when we change to two investment strings*, saya yang cara biasa KWSP, satu yang *syariah compliance*. Ini adalah proses yang sangat rumit.

Sebagai ahli tokoh korporat, Yang Berhormat Timbalan Menteri memang tahulah. Apabila terdapat rombakan besar dalam sistem, ia akan menimbulkan banyak masalah. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, KWSP mempunyai pegangan 15 peratus Bank CIMB, dengan nilai *market value* pada hari ini lebih kurang RM6 bilion. Oleh kerana Bank CIMB mengamalkan sistem bank berfaedah, ia tidak boleh dianggap sebagai satu pelaburan *syariah compliance*.

■1200

Oleh yang demikian, apakah yang akan berlaku kepada semua saham CIMB ini, adakah ia dipindahkan masuk ke dalam *screen* saluran pelabur biasa KWSP?

Tuan Yang di-Pertua, soalan kelima saya kepada Menteri adalah mengenai pembayaran kadar dividen, sekiranya kita mempunyai dua saluran satu saluran KWSP biasa, satu saluran KWSP syariah. Bayaran dividen tentunya akan berlainan setiap tahun. Katakan saya bagi satu contoh, tahun depan KWSP syariah dapat dividen 8% dan KWSP biasa dapat dividen 4% sahaja. Bukankah ini akan menimbulkan satu konflik cemburu di antara ahli-ahli KWSP yang berbilang kaum. Bagaimanakah KWSP akan menjawab kepada ahlinya sekiranya dividen satu saluran lebih tinggi atau lebih rendah daripada saluran yang lain?

Oleh itu, ia tersangat penting demi mengelakkan perkara ini berlaku bahawa dewan ni meminda fasal 5 rang undang-undang ini supaya perbezaan dividen di antara dua saluran ini

tidak melebihi 2%. Dengan izin, *there should be no message discrepancy between the two saluran*. Dengan izin juga, *it is extremely important we amend the purpose clause 5 to ensure that the differential of different paid up between normal EPF dan syariah EPF should not be more than 2%*.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat penekanan ini kerana ia tersangat penting. Sekiranya perbezaan dividen ini tidak dipantau atau dikawal selia oleh Parlimen ia boleh disalahgunakan sebagai satu perkara politik dan boleh menimbulkan isu cemburu di antara kaum. Saya berharap Yang Berhormat Menteri memberi perhatian ketara pada pandangan saya ini dan membuat pindaan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua saya beralih fokus saya kepada perkara kedua iaitu tentang pelaburan KWSP di dalam Syarikat FGV. Soalan pendek sahaja, saya ingin tahu apakah status pelaburan KWSP di dalam saham-saham FGV? Apakah dengan izin, *paper loss position* KWSP di dalam perkara ini? Kita semua telah melihat saham FGV telah hilang 70% nilai *market capital* dia, daripada yang tertinggi RM20 bilion, sekarang sampai RM6 bilion, RM14 bilion telah lesap. Jadi apakah kerugian *paper loss* KWSP sampai sekarang dan apakah ada apa-apa tindakan disiplin terhadap *investment* panel KWSP, terutama terhadap mana-mana penganalisis yang telah bersemangat cadang pelaburan di dalam FGV.

*Who are the cheer-leader, why they are not punish?* Harap Yang Berhormat Menteri dapat membuat *investigation* dan memastikan siapa yang bertanggungjawab terhadap *Fiasco* membeli saham FGV ini dipecat serta-merta. Saya prihatin bahawa KWSP telah mula memperbaiki kedudukan tahap pelaburan di FGV, dia sudah jual *position* nya sampai ke *minority shareholder*. Saya juga faham, mereka cuba memperbaiki imej mereka. Isu seumpama ini dekat pada hati saya sebab sebelum saya menjadi Ahli Parlimen Kelana Jaya bertungkus-lumus dua tahun di kawasan Bentong, kawasan Bilut itu, kawasan FGV, Felda yang pertama.

Saya mengalu-alukan apa-apa pegawai KWSP yang buat pada masa itu dan buat *recommendation* yang salah dipecat serta-merta. Saya faham sekarang KWSP dalam perkara *PT Eagle High Plantations* dan sangat *controversial*, mereka membuat perkara yang betul, iaitu bertanya kenapakah harga bayaran untuk *PT Eagle High Plantations* terlalu tinggi. Itu adalah satu perkara yang baik, *good development* tetapi kita tidak boleh membenarkan dengan izin *culture of corporate immunity to continue*. Jadi, saya minta daripada Timbalan Menteri kalau boleh sebab dia ini tokoh korporat, dia faham isu-isu akauntabiliti bahawa seseorang dalam EPF ini perlu dipecat dan saya minta beliau kalau boleh *pursue this matter for the sake of the nation and for sake of credibility of our investment panel*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya akan timbulkan secara ringkas sekali ialah mengenai *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA). Saya ingin tanya Yang Berhormat sama ada beliau telah menerima *briefing* daripada Menteri MITI mengenai impak TPPA ke atas pelaburan-pelaburan KWSP. Saya meminta Yang Berhormat memberi penjelasan yang baik tentang impak itu, sekiranya belum terima *briefing* daripada MITI, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh beri jawapan bertulis dalam seminggu dua ini.

Itulah sahaja perbahasan saya, saya berharap Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menerima komen-komen dan soalan-soalan saya dengan baik. Sekiranya ada apa-apa saya telah salah cakap tentang agama saya memohon maaf, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kawan baik saya Yang Berhormat Titiwangsa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

**12.05 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya nampak dan saya akan panggil, jangan bimbang. Sila.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Timbalan Menteri kerana membawa pindaan kepada isu yang berkaitan dengan kutipan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan para pekerja kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perbahasan saya kepada tiga perkara iaitu berkenan kepada pindaan yang pertama berkenan dengan seksyen 43(1A) iaitu *[Akta 732]* Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 yang menetapkan potongan gaji berasaskan gaji minimum yang telah dikemukakan oleh kerajaan. Ini membuktikan bahawa kerajaan ingin melihat bahawa setiap rakyat, setiap kakitangan kerajaan atau swasta yang memberikan potongan mendapat faedah yang sebenarnya.

Tadi kita lihat perbahasan, ada antara Ahli membangkitkan ada pekerja di sektor swasta misalnya yang tidak mendapat bayaran gaji minima sekurang-kurangnya RM900 sebulan, mungkin ada di antara mereka mendapat RM600 dan RM700. Dengan pindaan ini, sekali gus ia dapat membantu meningkatkan, memastikan bahawa para pekerja kita tetap mendapat pulangan gaji yang minima ini dengan secara tidak langsung melalui potongan gaji minimum terhadap KWSP. Kalau kita lihat para pekerja akan mendapat faedah lebih banyak melalui skim yang dipinda ini. Kalau sebelum ini, katakanlah pekerja swasta yang hanya mendapat gaji sebanyak RM600 sahaja dibayar gaji. Ada di antara majikan-majikan di luar sana yang tidak mematuhi syarat gaji minimum tetapi dengan adanya kaedah ini potongan yang dibuat oleh KWSP ialah sebanyak RM900 sebulan. RM900 yang dibayar oleh pekerja, 11% berjumlah RM99, majikan sebanyak 13% memberikan jumlah potongan sebanyak RM117.

Sekejap, sabar Yang Berhormat Kuala Langat, saya baru hendak panas enjin, nanti saya bagi. Memberikan jumlah potongan yang sebanyak RM216 berbanding dengan gaji yang dibayar oleh pihak swasta yang ada RM600. Jadi, pekerja hanya mendapat RM144 jumlah potongan. Perbezaan jumlah ini sebanyak RM72 sebulan, walaupun mungkin dilihat kecil oleh sebahagian daripada kita tetapi bagi pekerja kita di peringkat bawahan ini yang mendapat gaji minimum

sebanyak RM900 sebulan, mereka telah boleh menampung pendapatan atau simpanan mereka sebanyak RM72 sebulan.

Persoalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kerajaan boleh bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk benar-benar memastikan bahawa setiap pekerja kita yang ada di luar sana mendapat faedah yang sepenuhnya daripada pindaan ini. Silakan, silakan sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Silakan Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerantut, saya meneliti pandangan Yang Berhormat Jerantut berkenaan isu gaji minima ini. Seperti mana yang diketahui di dalam dewan ini, gaji minimum telah dikuatkuasakan pada 2012 tetapi sehingga hari ini tidak dapat dipenuhi keseluruhannya. Apakah Yang Berhormat Jerantut boleh *confident*, yakin bahawa dengan adanya akta syariah *compliance* untuk KWSP ini akan membolehkan gaji minima di *apply* pada semua sebab untuk pengumuman akta ini terpakai pada dua kumpulan, satu swasta dan satu penjawat awam yang dipotong gaji melalui KWSP.

■1210

Namun yang jelas ialah apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri bicarakan semalam tentang masa depan gaji minimum itu dapat diangkat kedudukan mereka, namun yang jelas, akta itu sendiri telah pun ada, wujud tetapi tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Apakah Yang Berhormat Jerantut boleh yakin dengan pindaan Akta KWSP ini menyebabkan gaji minimum itu terangkat secara automatik? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat. Pertama saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Kuala Langat yakin? Saya memang saya yakin. Oleh sebab itu tadi saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, melalui pindaan ini, secara tidak langsung akan meningkatkan kerjasama dalam Kementerian Sumber Manusia di bawah dasar NBOS mungkin, jadi secara tidak langsung bahawa kerajaan sudah pasti dapat melihat terutama pekerja di sektor swasta yang mana syarikat-syarikat kecil mungkin yang biasa mengelak pemotongan ini.

Jadi melalui pemotongan ini, kerajaan dapat melihat di mana lagi syarikat yang enggan mematuhi dasar gaji minimum. Kita minta kerajaan serius. Bila dapat maklumat daripada KWSP, Kementerian Sumber Manusia perlu mengambil tindakan dengan lebih tegas agar para pekerja kita tidak menjadi mangsa kepada situasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin bawa ialah dividen lewat bayar atau apa-apa sahaja istilah yang hendak digunakan seksyen 45 ini. Cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik di mana pihak swasta khususnya tidak boleh mengambil kesempatan sengaja lewat-lewatkan pembayaran pemotongan kepada KWSP. Kenapa? Apabila bayaran

lewat kepada KWSP, tentulah keuntungan ataupun dividen yang sepatutnya boleh diterima oleh pekerja tidak dapat dimanfaatkan.

Maka oleh itu, seksyen ini sangat wajar kita pinda tetapi pihak KWSP perlulah melihat dengan lebih terperinci bagaimanakah kaedah pelaksanaannya terutama yang berkaitan dari segi syariah supaya ia benar-benar menepati kehendak syariah itu dan para majikan tidak lagi boleh mengambil kesempatan sengaja melewati-lewatkan pembayaran ataupun pemotongan ini. Mungkin ada di antara majikan yang sebelum ini memang mengambil kesempatan kerana mereka mungkin mendapat keuntungan daripada caruman yang dibayar lewat kepada pihak KWSP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Bharu bangun. Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jerantut.

Tadi Yang Berhormat Jerantut telah sebut mengenai dividen dan juga kaedah-kaedah yang perlu di *adopt* atau diambil kira oleh KWSP. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jerantut, kebetulan tadi itu saya hendak tanya semasa Yang Berhormat Kalabakan tanya soalan tadi itu tapi tidak dapat peluang mengenai dividen. Kita tahu dalam Akta KWSP ini selain daripada pekerja-pekerja dari kalangan warganegara Malaysia boleh menjadi pencarum kepada KWSP, pekerja-pekerja bukan warganegara pun boleh menjadi pencarum, boleh menjadi ahli KWSP ini.

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jerantut, sekarang ini kalau mengikut statistik di Malaysia ini, terdapat lebih kurang dua juta pekerja berdaftar pekerja bukan warganegara dan dikatakan unjurannya menjelang tahun 2020 dia akan meningkat sehingga empat juta. Pada tahun 2009, data menunjukkan bahawa pembayaran penggajian, *salaries* kepada warga asing yang menjadi pekerja di Malaysia ini adalah RM18 bilion.

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Jerantut, adakah Yang Berhormat Jerantut berpandangan KWSP sendiri perlu keluarkan data-data yang terperinci mengenai pencaruman oleh warganegara asing pekerja-pekerja di Malaysia dan adakah mereka ini apabila menjadi pencarum, mereka dengan izin, *enjoy the same benefits* dengan warganegara Malaysia yang menjadi pencarum dalam KWSP ini? Mohon pandangan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Bharu. Secara kebetulan isu yang saya hendak bawa lepas ini ialah isu pendeposit warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati statistik setakat 12 Februari 2015, jumlah pendeposit warga asing ialah sebanyak 222,545 orang. Ini merangkumi semua pendeposit warga asing dan yang aktifnya hanya sebanyak 10,817. Saya mungkin hendak bertanya juga kepada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan yang sama dengan Yang Berhormat Kota Bharu. Apakah pendeposit asing ini mendapat faedah yang sama dengan pendeposit rakyat

Malaysia? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masukkan ucapan Yang Berhormat Kota Bharu itu sebahagian daripada ucapan saya.

Kalau dilihat daripada jumlah warga negara asing yang menjadi pendeposit kepada KWSP ini, ada bilangan sebanyak 211,728 orang yang dikategorikan sebagai bilangan ahli yang tidak aktif. Jadi saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan caruman mereka ini? Sama ada ia menjadi tidak aktif dan kalau tidak aktif, ke manakah wang simpanan ini kita salurkan? Sama ada kita masukkan ke dalam satu akaun khas ataupun ia dibiarkan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sendiri?

Serentak dengan itu juga, saya ingin menyentuh tentang di bawah seksyen ini membenarkan pekerja asing ini, pendeposit asing ini untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka untuk tujuan-tujuan tertentu dengan syarat mereka ini membelanjakan simpanan pengeluaran mereka ini dalam negara. Bagi saya, ini merupakan satu langkah baik di mana ia sekali gus bukan sahaja merancakkan ekonomi dalam negara tetapi ia juga memberikan galakan kepada pekerja-pekerja luar ini khususnya pihak *expatriate* yang mungkin lebih berminat untuk menyumbangkan tenaga mereka di Malaysia ini dan sekali gus akan membantu membangunkan negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**12.17 tgh.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang untuk saya turut membahas rang undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada rakan saya Yang Berhormat Titiwangsa yang telah pun dilantik untuk menjadi Timbalan Menteri. Saya harap dia akan lebih baik daripada Yang Berhormat Pontian. *Insyallah*. [Ketawa] Jangan lahir Yang Berhormat Pontian yang kedualah.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah pun membentangkan pindaan Akta KWSP ini untuk mewujudkan satu saluran pelaburan baru yang menepati kehendak syariah dengan mewujudkan panel penasihat syariah di dalam KWSP. Walaupun agak terlewat tetapi saya kira bahawa ini satu tindakan permulaan ke arah untuk melihat KWSP itu nanti akan menjadi satu institusi yang patuh syariah sepenuhnya seperti mana institusi-institusi yang lain seperti mana Tabung Haji, Bank Rakyat, Bank Islam dan sebagainya.

Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang menjadi persoalan terhadap pelaburan ataupun panel penasihat syariah bidang kuasa dan sebagainya. Pertama saya hendak sebut di sini ialah setakat ini yang saya lihat bahawa panel-panel syariah di berbagai-bagai institusi ini sama ada bank dan sebagainya, lebih hanya bertanggungjawab memberikan kelulusan terhadap struktur-struktur produk ataupun instrumen yang sudah pasti bahawa untuk

memastikan dia adalah menepati kehendak syariah. Ini saya tidak persoal bagaimana perjalanan-perjalanan panel penasihat syariah di berbagai-bagai institusi ini telah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini.

Persoalan yang berbangkit pada hari ini ialah apabila instrumen itu patuh syariah dari segi produk dan juga pelaburan dan sebagainya, tetapi tujuan dari sudut komersial dan sebagainya tidak membabitkan panel syariah. Ini seperti mana yang dibangkit oleh rakan saya Yang Berhormat Sepang semalam dan juga daripada Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, ini harus dilihat untuk hendak memastikan supaya matlamat syariah itu akan tercapai sepenuhnya.

#### ■1220

Kalau tidak nanti bahawa kita hanya melihat kepada instrumen kepada produk syariah tetapi matlamat hakikat sebenarnya ialah ia tidak tercapai kepada kehendak syariah seperti mana contoh yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Sepang semalam dan baru sebentar tadi bagaimana Yang Berhormat Kelana Jaya menyebut tentang pelaburan di dalam FGV contohnya kalaulah KWSP itu nanti menggunakan instrumen menggunakan pelaburan syariah ke dalam FGV tetapi FGV tersebut tetapi tidak dilihat sama ada ia dapat mematuhi kehendak perjalanan memberikan pulangan keuntungan yang baik kepada KWSP dan akhirnya menyebabkan FGV telah menghadapi kehilangan yang sangat bermasalah sekarang ini.

Jadi ini yang saya mengharap kepada pihak kerajaan. Begitu juga dengan contoh kita katakan bahawa ada institusi-institusi yang patuh syariah dan produk instrumennya patuh syariah tetapi akhirnya dia melabur. Tempat pelaburan-pelaburan itu tidak menepati kehendak syariah, hanya sekadar untuk memenuhi kehendak *bail out* dan sebagainya. Contoh apabila ada institusi-institusi tertentu yang membeli tanah umpamanya, membeli tanah melebihi daripada harga pasaran tapi institusi tersebut adalah institusi patuh syariah dan membeli tanah-tanah itu melebihi daripada harga pasaran umpamanya contoh. Begitu juga contoh saya katakan seperti MARA yang hendak bergerak ke arah melihat kepada persoalan syariah ini membeli bangunan-bangunan yang tidak menunjukkan kepada keperluan, sebaliknya melebihi harga-harga yang sepatutnya.

Jadi ini harus dilihat bagaimana supaya peranan Lembaga Penasihat Syariah ini dalam KWSP ini juga harus diberikan ruang bukan sekadar untuk memastikan produk atau pun instrumen tersebut mematuhi syariah tetapi bagaimana akhirnya matlamat kepada produk ini akan dapat dipenuhi mencapai matlamat-matlamat syariah. Kita tidak mahu nanti bahawa penasihat syariah ini hanya menjadi tukang cap syariah, tukang cap untuk kata 'Oh halal'.

Maknanya sekadar untuk berikan cap halal patuh syariah tetapi matlamat pelaburan sebenarnya bukan untuk patuh syariah, matlamat pelaburan ialah untuk *bail out crony* adalah sesuatu yang tidak mematuhi syariah tetapi penasihat syariah tidak diberikan tanggungjawab dalam memberikan pandangan-pandangan dalam isu-isu komersial. Jadi isu-isu komersial ini tidak dibawa kepada *Syariah Committee*. Jadi saya harap bahawa harus juga diberikan peluang untuk isu-isu komersial ini juga harus dibawa dalam Lembaga Penasihat Syariah, kalau tidak



nanti akhirnya seperti kata perumpamaan bahawa, '*kulit menenggelamkan isi*', maknanya tidak ada apa. Jadi kita hanya menjadi tukang cap.

Isu keduanya yang ingin saya bangkitkan ialah bagaimana nanti, sejauh mana pandangan daripada penasihat syariah ini akan terpakai kepada Jawatankuasa Pelaburan ini. Jawatankuasa Pelaburan ini akan *report* kepada Menteri Kewangan dalam akta ini Menteri Kewangan mempunyai kuasa penuh sama ada untuk *endorse* cadangan yang dibawa oleh Jawatankuasa Pelaburan atau pun hendak menolak. Jadi sejauh mana pandangan-pandangan atau pun nasihat daripada Lembaga Syariah ini akan terpakai; satu ke atas Jawatankuasa Pelaburan dan kemudiannya Jawatankuasa Pelaburan mengangkat dan menteri harus mematuhi kepada pun apa yang telah diberikan pendapat dan pandangan oleh Jawatankuasa Syariah itu sendiri. Jadi ini yang harus dilihat oleh pihak kerajaan.

Saya sebut begitu kerana kadang-kadang ada juga macam yang saya katakan tadi bahawa Jawatankuasa Syariah itu hanya akan jadi kepada cop Halal, maknanya berlaku campurtangan daripada komiti pelaburan, daripada *Board* KWSP sendiri atau pun daripada menteri sendiri untuk memastikan supaya keputusan atau pun nasihat yang dibuat oleh Lembaga Syariah itu mesti mengikut kehendak Jawatankuasa Pelaburan dan mesti mengikut kehendak Menteri Kewangan itu sendiri. Isu-isu kritikal ini harus dilihat kerana pernah berlaku *syariah committee* ditekan oleh Lembaga Pengarah sebab penasihat syariah *report* kepada Lembaga Pengarah kemudian Lembaga Pengarah *report* kepada Menteri.

Jadi ini menunjukkan bahawa Lembaga Syariah ini akhirnya harus ikut *direction* daripada menteri, daripada jawatankuasa lembaga satu-satu institusi tersebut. Jadi ini harus diberikan kebebasan yang lebih luas untuk memastikan supaya mereka ini bebas dan membuat keputusan yang berasaskan kepada kehendak syariah itu sendiri. Pernah berlaku dalam institusi-institusi perbankan seperti mana yang saya sebutkan tadi sehingga berlaku pertikaian dan akhirnya bila berlaku Bank Negara terpaksa masuk campur, baru isu-isu itu dapat diselesaikan.

Jadi ini harus diambil kira oleh kerajaan khususnya pihak KWSP dan begitu juga dengan jumlah bilangan walaupun telah disebut dengan jelas di sini bukan hanya kepada mereka yang berlatar belakangkan syariah sahaja yang akan duduk di dalam jawatankuasa ini, saya bersetuju. Bukan hanya ahli-ahli atau pun anggota Jawatankuasa Penasihat Syariah ini hanya berasaskan kepada berlatar belakangkan syariah semata-mata. Ini tidak sewajarnya kerana ia mesti dipelbagaikan.

Saya setuju dengan peruntukan yang telah disebut dalam akta ini pada 23C(1) menunjukkan kepelbagaian sebab di setengah-setengah institusi itu hanya berlatar belakangkan mereka yang terlibat mempunyai disiplin ilmu syariah semata-mata tidak kepada hal-hal yang lain. Bank Negara sendiri pun telah mengorak langkah untuk melantik orang-orang yang dalam komiti syariah ini seperti bekas Ketua Hakim Negara yang juga duduk dalam Lembaga Penasihat Syariah di peringkat Bank Negara dan apa yang disebut dalam akta ini satu yang sangat menepati, supaya Lembaga Syariah ini nanti daripada pelbagai yang boleh juga walaupun mungkin tidak ada bidang kuasa tetapi mereka boleh berbincang hal-hal berkaitan dengan

komersial dengan soal bagaimana pelaburan itu nanti akan mencapai matlamat produk dan instrumen syariah itu sendiri.

Jadi, ini yang saya harapkan bahawa ia akan dapat memberikan suatu yang terbaik KWSP, khususnya kepada ahli-ahli yang terdiri daripada orang-orang Islam tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya itu tadi satu persoalan, bagaimana bila kita ada dua saluran ini maknanya akan ada kesukaran-kesukaran yang saya percaya sudah tentu akan ada jalan keluar untuk akhirnya nanti mesti ditunjukkan pelaburan syariah ini ialah pelaburan yang memenuhi dari sudut ketelusan integriti yang baik.

Akhirnya ia akan jadi *fully* syariah KWSP ini akan menjadi sepenuhnya kerana semua ahli-ahlinya dalam KWSP ini akan memohon untuk termasuk mereka yang bukan Islam akan memohon menyertai skim pelaburan melalui saluran-saluran syariah ini tapi mesti ditunjukkan keseluruhan KWSP itu bahawa ia memenuhi integriti ketelusan yang sangat baik.

Kita tidak mahu seperti yang disebut rakan-rakan saya tadi bahawa produknya, instrumennya patuh syariah tapi matlamatnya terlibat dengan pelbagai soal rasuah dan sebagainya. Jadi ini sesuatu yang tidak sewajarnya dan akhirnya seperti yang saya katakan tadi bahawa kita hanya hendak beri cop halal sahaja kepada KWSP atau pun kepada sumber-sumber kewangan ahli-ahli orang-orang Islam sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**12.30 tgh.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkenaan dengan peruntukan Pindaan KWSP 1991. Saya tidak akan bermula dengan pantun kerana pantun saya dianggap sebagai berterabur [*Ketawa*] tetapi sekurang-kurangnya pantun saya telah dijawab, sampailah maksudnya. Saya akan bahas tentang beberapa peruntukan dan saya akan tertakluk kepada peruntukan peraturan mesyuarat kita, 38(1) ya. Saya tidak akan melilau ke mana-mana.

Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang 43(1A), fasal 6 berkenaan dengan gaji minimum. Jadi soalan saya sekarang ini tentang kalau kita ikut berkenaan dengan gaji minimum yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, ada setengah-setengahnya tidak mendapat gaji minimum yang ditetapkan. Contohnya ialah kalau gaji itu RM600, kalau ditolak dengan 11% mengikut gaji minimum RM900, bermakna ia akan menjadi RM99. Bermakna gaji RM600 ditolak dengan RM99 akan menjadi RM501. Kalau gaji RM900, okey lah tolak RM99 tinggal lagi RM801, makna beza itu akan jadi RM300. Dalam keadaan sekarang dengan gaji RM500, saya rasa tak boleh hendak hiduplah.

Jadi dalam keadaan begitu, boleh tak kalau pihak kementerian menetapkan caruman daripada majikan itu 13% yang asal tetapi caruman daripada pekerja ini hanya mengikut gaji minimum yang asal, 11% gaji yang dia dapat bukan 11% daripada gaji minimum yang RM900. Itu yang pertama. Yang kedua, tentang fasal 12 seksyen 51. Dia berkenaan dengan disebut tentang tertakluk kepada perintah perlucuthakan oleh mahkamah di bawah Pencegahan

Penggubahan Wang Haram iaitu AMLA dan juga hasil daripada aktiviti haram. Cuma yang saya hendak sentuh di sini, yang mana yang disebut sebagai haram itu, katakanlah pekerja itu dia bekerja di syarikat yang memang menggunakan duit daripada hasil aktiviti haram, bermaknanya akan dilucutkan hak itu berkenaan dengan duit gaji pekerja itu sendiri ataupun daripada mana? Daripada majikan itu duit majikan ataupun duit pekerja? Makna akan menjadi tidak adil kepada pekerja itu sendiri sebab pekerja biasanya dia tidak tahu sama ada syarikat itu syarikat yang menggunakan duit haram ke sebagainya, jarang yang pekerja tahu. Jadi keperluan apa sebenarnya peruntukan ini diadakan? Adakah hendak dipotong gaji majikan itu yang caruman majikan itu ataupun yang pekerja itu sendiri? Ini persoalan yang saya ingin ajukan.

Yang akhirnya, dengan patuh syariah tadi, ramai yang berbahas tentang patuh syariah fasal 7. Persoalan yang ingin saya ajukan tentang bermakna kalau sudah ada opsiyen untuk patuh syariah, bermakna yang dahulunya tidak patuh syariah. Katakanlah yang beragama Islam ini sebahagiannya memilih kepada patuh syariah dan yang satu lagi tak pilih. Bermakna apa akan jadi kalau yang dahulunya tidak patuh syariah? Itu mungkin masalah yang akan timbul kemudian hari dan kemudian daripada segi pelaburannya. Kalau yang memilih kepada patuh syariah, apa dia punya, adakah pihak kementerian telah memikirkan sebelum itu ada ke tidak pelaburan-pelaburan yang patuh syariah sebelum akta ini diperkenalkan? Sama ada telah dibuat kajian dan sebagainya bahawa dividen yang mungkin akan dibayar akan menjadi sama dengan dividen yang tidak patuh syariah. Sebab yang disebut oleh siapa tadi, Yang Berhormat Kelana Jaya itu, saya rasa maknanya dia akan jadi macam cemburu daripada segi kaum ini. Akan tetapi kemungkinan juga yang patuh syariah akan jadi lebih kecil dividennya.

Jadi, saranan sayanya dibuat kajian terlebih dahulu sebelum opsiyen itu diterima. Jadi boleh esok boleh akan jadi lebih kurang sama dia punya dividennya dan saya juga kalau saya hendak ingin bertanya tentang apa pentingnya diperkenalkan tentang patuh syariah ini? Kenapa tidak kita masukkan yang kita hendak mungkin daripada segi *branding* dan sebagainya, kenapa tidak kita letakkan dalam yang asal itu patuh syariah terus?

Jadi Yang Berhormat Pokok Sena cakap tadi betul kan. Makna kita hendak kena yang asal itu kena patuh syariah juga barulah maknanya jawatankuasa penasihat tadi dimasukkan dalam yang asal. Itulah persoalan yang cuba saya timbulkan dan saya rasa yang pertama tadi, yang mula-mula tadi saya rasa perlu ada sedikit pengecualianlah yang tentang 43(1A) tadi. Kena ada kalau boleh pindaan sedikit pengecualian, kita tak perlu keluarkan terus. Kita kena pinda sedikit pengecualian kepada peruntukan yang ada terus kepada gaji sebenar pekerja itu sendiri. Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**12.37 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga ambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Saya hendak mulakan dengan dasar

mengenai penubuhan EPF, KWSP di negara ini. Kalau kita tengok daripada mula-mulanya, hajatnya adalah untuk menolong pekerja-pekerja di negara ini. Kalau itulah pandangan dan faktor utama ia ditubuhkan, apakah sebab ia telah dana wang dan KWSP ini sekarang di bawah kawal selia Perdana Menteri? Bukankah ia sepatutnya sebagai *policy decision*? Patut berada di bawah Sumber Manusia. Itu lebih kena tepat kerana ini berkaitan dengan pekerja. *We are talking about 12 million workers*. Kita ada *ministry* yang khusus untuk perkara tersebut dan PERKESO, ada kena mengena juga dengan pekerja. Ada cadangan *World Bank* sebelum ini di mana PERKESO dan EPF patut digabungkan, ada banyak analisa telah dibuat. Apakah ini tidak diambil kira langsung dan kenapa ia perlu dasingkan walhal kalau kita tengok daripada prinsipnya dan *the aim benefit*, nampaknya adalah sama? Kalau kita tengok di negara-negara lain, kedua-duanya fungsi dan peranan yang mereka main adalah untuk pekerja, maka ia lebih baik kalau ia digabungkan PERKESO dan EPF supaya ia dapat pertama, *economic on skill*. Ia akan menjimatkan wang untuk menjalankan proses kawal selia dan perniagaan dia.

Kedua, ia akan membawa manfaat kepada pekerja-pekerja di negara ini tetapi kita sekarang nampaknya *we want to create more managers, more directors, more chairman*, itu hasratnya. Bukan untuk menolong pada dasarnya, hakikatnya untuk memperbaiki, untuk menguntungkan pekerja pada asas dan dasarnya. Kita telah menjadi dalam satu sistem jerebu di negara ini dan ini sebelum kita menghilangkan fikiran daripada asasnya, saya harap kerajaan dapat fikir dan KWSP boleh mengambil tindakan, menteri boleh mengambil tindakan supaya kita boleh membawa satu keseimbangan, satu sistem yang lebih efisien supaya EPF dan PERKESO digabungkan dan dibawa di bawah kawal selia Kementerian Sumber Manusia.

#### ■1240

Ini kerana kalau kita tengok peranan dan kursus yang dimainkan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah berkaitan dengan pekerja – bukan. Negara Malaysia apabila ada kewangan, isu kewangan lumayan di mana *can kick about* dan keuntungan persendirian, itu semua di bawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri. Ini bukan KWSP sahaja. Kalau kita tengok pembinaan rumah-rumah kos rendah juga peranan Kementerian Perumahan banyak yang patut dibawa Kementerian Perumahan atau Kementerian Pengangkutan. Semua di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak masuk akal, *no logic*. Akan tetapi ini ada di negara ini kerana *this is Malaysia* bolehlah. Kita ada kementerian yang khusus tetapi tidak dibenarkan mereka mengendalikan kerana – adalah, *that is basic*. Ini kerana itu adalah kemahuan beberapa orang atasan yang mahukan kesemua dana yang besar ini di bawah kawal selia Perdana Menteri.

Saya harap Yang Berhormat akan ambil kira. Tidak perlu dengar dari sana, duduk di depan. Ini adalah satu di antara perkara yang saya rasa yang perlu pertimbangan dan satu jawapan yang dalam berkaitan hal ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa dengan rang undang-undang ini kerana nombor satu tidak cukup masa untuk kita meneliti dengan dalam tetapi saya rasa ramai di antara Ahli Parlimen semestinya ada menghadapi masalah yang akan saya katakan di mana kita menamakan *beneficiary* yang tertentu. Ramai di antara kita semasa kita menamakan *beneficiary*

dengan KWSP, apabila mula kerja kita namakan ibu atau bapa, itu standard prosedur. Akan tetapi masalahnya apabila orang itu kahwin, dia ada anak, pekerja itu lupa untuk menukar.

Apa perlunya undang-undang yang sedia ada KWSP adalah kepada orang yang menamakan dana wang itu akan diberi kepada mereka. Kalau dia menamakan ibunya, itu semua kepadanya. Saya ada sendiri bukan sahaja di kawasan saya, ramai orang jumpa saya yang mengatakan bahawa suami dia menamakan ibu dia atau bapa dia semasa dia mula bekerja, 21 tahun, 22 tahun, 26 tahun, 27 tahun dia kahwin. Dia ada anak, lepas 15 tahun atau 20 tahun dia kahwin, tragedi, dia meninggal dunia. Sekarang isterinya dan ibu mertua dan bapa mertua dia ada masalah.

Saya ada jumpa beberapa kes, saya mengendalikan beberapa kes sedemikian, kasihan Tuan Yang di-Pertua. *A very sad scenario* kerana ibu kata kalau anak saya hendak namakan isteri dia atau anak dia, dia semestinya sudah menukar nama-nama *nomination* di KWSP. Akan tetapi oleh sebab dia tidak menukar maka wang itu hanya untuk saya sahaja. *A discrepancy, unfair*. Akan tetapi nampaknya walaupun perkara ini semestinya diketahui oleh KWSP, tidak ada apa-apa hari ini dibawa untuk menukar atau sekurang-kurangnya untuk mengambil tahu dan membawa satu perubahan. Akan tetapi kita tidak boleh lari dari asas ini.

Kalau kita tengok seksyen 12 *Wills Act*, Akta *Wills Act* di mana dengan khusus mengatakan bahawa jika seorang membuat wasiat sebelum berkahwin dan dia berkahwin selepas itu, wasiat itu tidak boleh dipakai lagi. Niatnya, *the basic principle behind here* adalah seorang yang kahwin kalau dia ada anak dan ada isteri, semestinya dia hendak bagi harta pusakanya kepada anak dan isterinya. *That is the* dasar, itu adalah prinsip *justice, social justice*. Akan tetapi kita nampak KWSP *no movement to positive to bring changes* kepada pekerja. Itu menjadi satu kecacatan yang tertentu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kota Baharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya berminat dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat mengenai penamaan ataupun *nomination* dalam EPF ini. Kalau tidak silap sayalah dalam Akta EPF atau dalam *schedule*, ia ada perbezaan antara pencarum Islam dengan pencarum bukan Islam.

Untuk pencarum Islam kalau tidak silap saya mungkin Menteri boleh jawab, penama ataupun wasi adalah *administer to the* pusaka. Akan tetapi untuk orang yang bukan Islam, penama itu adalah *beneficiary* ataupun pemilik mutlak kepada wang ahli itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat? Adakah perkara ini perlu diselaraskan antara semua pencarum sama ada Islam ataupun bukan Islam. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu satu pandangan yang bagus. Saya tidak tahu mengenai isu Islam tetapi saya rasa untuk bukan Islam *very unfair* kerana Yang Berhormat saya

terima banyak aduan. Baru-baru ini saya kasihan, isterinya hanya lebih kurang umur 35 tahun dan ada lima orang anak. Dia ada masalah dengan mak mertuanya. Saya jumpa juga mak mertua dia dan mak mertuanya cakap *nothing*. Saya hendak semua wang ini kerana kalau anak saya ada niat untuk *nominate* isterinya, sudah semestinya dia buat. Macam mana mahu mengatasi masalah ini?

Kalau kita tengok rasionalnya, kalau kita tengok *Wills Act* itu bukan baru. *White man has done it, way back before year 1994*. Zaman sekarang kita belum berubah. Kita ikut sahaja, ikut sistem yang lama, tidak membuat perubahan. Saya harap ini difikirkan balik. Selaras dengan perkara ini saya rasa kita perlu ambil kira satu di antaranya adalah jika mereka kahwin sebelum nominasi dibuat, sebelum dia berkahwin dan selepas berkahwin dan juga sekarang sistemnya jika seorang telah membuat pilihannya, *nominatenya*, kalau selain beliau, anak-anaknya atau isterinya tidak dapat pengesahan dari KWSP siapakah yang telah *dinominated*. Ini juga merumitkan. Saya tahu *on secrecy* tetapi sekurang-kurangnya mesti ada satu sistem yang lebih baik. Jangan kita ikut satu sistem yang lama, yang *outdated*, yang tidak boleh dipakai. Itu saya sayang Tuan Yang di-Pertua oleh sebab kekurangan masa, kalau tidak saya akan membawa *amendment* kepada perkara ini.

Semalam apabila saya dapat dua hari duduk ini saya merujuk kepada beberapa orang dan saya sendiri mengalami masalah ini dengan pelanggan-pelanggan saya, dengan pengundi-pengundi. Ini adalah satu masalah yang sangat serius walaupun pada dasarnya apa yang dibuat oleh KWSP untuk pekerja-pekerja adalah baik tetapi *the realisticness* adalah permintaan wang ini patut kepada sekurang-kurangnya bukan sahaja kepada saudara-mara tetapi khususnya kepada isteri dan anak mereka. *That is the bottom line*, itu tidak boleh kita elak.

Saya harap kita belum cukup, tidak hilang masa. Kita ada masa lagi sehingga petang. Saya harap menteri akan membawa rang undang-undang tertentu untuk membuat perubahan. *That must be change*. Jangan kita ikut faktor yang lama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini saya juga ingin merujuk kepada perkara yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di negara ini di mana mungkin orang-orang yang duduk dalam *air conditioner* dia tidak ingat atau tidak tahu mengenai perkara ini kerana dapat gaji bulanan yang lumayan, tidak *depend on the* elaun, cerita lainlah. Kalau kita tengok pemandu-pemandu lori, pemandu-pemandu bas *basicnya* RM900, elaunnya RM3,000 atau RM4,000 *depends on the trip*, *depends* berapa lama dia bekerja dan sebagainya. Akan tetapi sistem yang kita ada, caruman akan merangkumi hanya *basic salary*. Bukan *overtime* dan bukan lain-lain elaun.

#### ■1250

Jadi, apa yang telah dipelajari oleh KWSP dalam perkara ini? Apakah tindakan yang dicadangkan supaya semua elaun, semua pendapatan tidak kira elaun *overtime*, elaun *dobby* dan sebagainya semua ini patut dirangkumi sebagai pendapatan dan kena KWSP? Caruman patut dipotong supaya pekerja, pertama sekurang-kurangnya akan mendapat manfaat di dalam sistem ini.

Nombor dua, ramai di antara majikan di mana mencari jalan untuk mengelak daripada membayar caruman EPF dan berkata hanya bayar *basic salary*. Lain-lain tidak terikat. *There is no safety net* untuk pekerja. Yang perlu adalah KWSP sendiri perlu mengesyorkan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lebih kurang dua tiga dekad dahulu saya ada buat satu kes di mahkamah di mana caruman KWSP di potong tetapi majikan tidak menghantar wang itu kepada KWSP. Pegawai KWSP datang ke mahkamah memberi saman supaya majikan membayar wang tersebut, *back dated* wang. Habislah *and a bit of fine*. Akan tetapi yang mustahak adalah ini. Sebenarnya dari segi undang-undang itu adalah satu *criminal breach of trust*, di mana wang di potong daripada pekerja iaitu caruman EPF tetapi diguna pakai oleh majikan. Setakat in berapa kes kah yang telah diambil? Sedar kah bahawa satu kesalahan yang terlampau yang telah dibuat oleh majikan menggunakan wang pekerja untuk sendiri, menyalahgunakan wang tersebut tetapi tidak langsung mengambil tindakan terhadap majikan tersebut?

Tindakan yang diambil oleh KWSP adalah membawa saman supaya majikan membayar wang tersebut. Akan tetapi kes jenayah, salah laku yang dilakukan oleh majikan, tindakan diabaikan, tidak ada tindakan yang tegas diambil, tindakan jenayah perlu diambil terhadap majikan-majikan ini. Oleh kerana ini adalah satu *criminal breach of trust* (CBT), *very clear*. Ramai di antara majikan menggunakan ruangan ini, menggunakan wang pekerja dan dia gunakan untuk perniagaan dia sendiri dan bila KWSP membawa saman, dia bayar.

Akan tetapi itu tidak cukup untuk mengajar *and give a message* kepada majikan-majikan. Lebih-lebih lagi kepada masa sekarang di mana kemerosotan ekonomi, ramai pekerja, majikan mungkin tidak akan membayar atau lambat bayar caruman KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga difahamkan bahawa amaun kita adalah *standings* kita di seluruh dunia adalah nombor tujuh di seluruh dunia. Nombor 6 adalah *Singapore* tetapi yang mustahak bukan sebanyak berapa dana yang kita ada. *How efficiently will run?* Berapa keuntungan setiap tahun? Kenapa KWSP tidak setanding atau lebih baik dengan sistem yang sama ada di *Singapore*? *Small country, bigger funds, better managed*. Kenapa? Adakah kerana penyalahgunaan atau tidak menjalankan tugas dengan sedalam-dalamnya. Ada di antara orang yang dilantik sebagai pengarah-pengarah, empat orang majikan, dari majikan dari pekerja empat orang, dari kerajaan empat orang. Berapa mereka dibayar? Berapa pengerusi di bayar setiap bulan? Berapa timbalan pengerusi dibayar? Berapa setiap orang yang dilantik oleh kerajaan, berapa ribu mereka dibayar?

Bolehkah kerajaan senaraikan berapakah bayaran dan kenapa? Adakah mereka *on the sunset days*. Mereka perlu dibayar sebanyak itu? *The successfully*. Kalau mereka sebenarnya satu peniaga yang terunggul di negara ini, dia akan jalankan perniagaan di *privatelah*. Akan tetapi kalau itu boleh *succeed* di *Singapore* kenapa kita tidak boleh seimbang sekurang-kurangnya. Kita tidak perlu pergi jauh. *You see on the Singapore*. Baru-baru ini KWSP, baru tiga, empat tahun *centralized* semua *application* di Kuala Lumpur, selepas itu *decentralized*, lepas itu *centralized*, komputer beli beribu-ribu, berjuta-juta. Semua, apa jadi?

Satu sistem yang baru, membazir. Wang siapa? Bukan wang orang yang membuat keputusan sedemikian tetapi wang pekerja. Itu adalah mustahak. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, bilakah kita akan mencapai satu tahap pendapatan dividen yang tinggi. Dahulu ada setakat 8%. Bolehkah kita berharap tahun ini setakat *performance* sekarang, 10%, 15% or 20%. Kalau Tabung Haji dan lain-lain boleh memberi peratusan dividen yang tinggi, kenapa KWSP tidak boleh? Adakah kerana kekurangan, kepayahan, tidak ada orang-orang yang berkelayakan untuk menjalankan *management* itu ataupun orang yang salah yang telah dilantik atau seperti yang saya kata, *on the sunset days*, mereka dilantik *as a one-off* untuk memegang jawatan-jawatan *run of the mill*, berbilion-bilion yang ada.

Ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil tindakan. Saya harap semasa menjawab soalan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, tolong beri yang betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**12.57 tgh.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruangan kepada saya untuk turut membahaskan pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh pindaan kepada seksyen 51A di mana selepas ini lembaga boleh memindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut kesemua wang yang ada pada kredit seseorang ahli kumpulan wang yang tidak dituntut apabila ahli itu telah mencapai umur 100 tahun dan apa-apa had umur seperti mana yang ditetapkan lembaga. Persoalannya, kenapa boleh wujud keadaan di mana ahli atau penama tidak membuat tuntutan wang daripada KWSP apabila tempoh matang atau selepas kematian ahli. Selepas bertahun-tahun mencarumkan wang dalam KWSP, akhirnya wang itu tidak dituntut oleh mana-mana pihak. Mesti ada sebab-sebab tertentu yang menyebabkan keadaan yang sedemikian. Adakah pihak KWSP telah membuat apa-apa kajian untuk menentukan faktor-faktor yang menjadi punca wang tidak dituntut daripada KWSP ini.

Saya mohon Menteri Kewangan mencerahkan Dewan yang mulia ini dengan statistik mengenai faktor-faktor yang menyebabkan wang tidak dituntut daripada KWSP. Selain daripada itu, saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah wang yang tidak dituntut dan masih berada di tangan KWSP dan juga jumlah wang yang telah pun dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut sehingga kini.

Perkara kedua yang hendak saya membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai isu penama KWSP untuk orang-orang bukan Islam. Bagi orang Islam, ada cara pembahagian harta pusaka berdasarkan hukum faraid. Ini menjamin wang KWSP sampai kepada orang-orang yang layak iaitu anggota keluarga. Perkara ini dimantapkan lagi dengan wujudnya seksyen baru 23A, 23B, 23C dan 23D tetapi bagi orang-orang bukan Islam, seseorang



penama adalah merupakan penerima mutlak, *beneficiary* kepada simpanan ahli yang meninggal dunia.

Ini merupakan satu aturan yang amat longgar dan memberi peluang kepada seseorang ahli untuk menamakan sesiapa sahaja untuk menjadi *beneficiary*. Sebagai contoh, pihak ketiga, jiran, sahabat-sahabat atau sesiapa sahaja. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu kes di mana ada seorang datang berjumpa dengan saya dan memberitahu bahawa ahli atau suaminya telah menamakan jiran sebagai penama. Selepas suaminya meninggal, apabila dia membuat tuntutan di KWSP, difahamkan bahawa penamanya ialah jiran dan jiran pun tidak dapat dikesan di mana jirannya sekarang. Sehingga hari ini masalah ini belum dapat diselesaikan sebab penamanya adalah jiran dan isteri tidak dapat berbuat apa-apa sehingga hari ini. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah, sambung cerita kes jiran itu selepas jam 2.30 petang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Batu Gajah untuk menyambung perbincangan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada cerita saya berkaitan dengan penamaan yang melibatkan seorang ahli KWSP yang telah menamakan jirannya sebagai penama dan apabila ahli itu telah meninggal dunia dan isterinya telah pergi ke pejabat KWSP untuk membuat tuntutan, beliau diberitahu bahawa namanya tidak tertera dalam penamaan dan beliau diberitahu bahawa ada nama lain dan apabila beliau menyiasat tentang perkara ini dan diketahui bahawa orang yang dinamakan itu adalah jiran. Saya tidak tahu apa niat ahli itu untuk menamakan jirannya untuk menikmati wang simpanan KWSP beliau.

Akan tetapi masalahnya ialah jirannya pun tidak boleh dikesan sekarang. Tidak tahu di mana dia sekarang. Jadi isterinya menghadapi masalah untuk mendapatkan wang simpanan KWSP suaminya dan saya rasa ini adalah tidak adil dan kita nampak dan kita juga harus mengaku bahawa terdapat satu kelompangan dalam sistem bagaimana kita membayar wang tuntutan kepada keluarga ahli dan sebagainya.

Saya minta Menteri untuk melihat semula tentang aspek ini. Saya memang telah mencari dalam akta KWSP memang saya tidak nampak apa-apa jalan keluar daripada masalah ini dan apabila saya telah membawa isteri beliau ke pejabat KWSP Ipoh dan saya berbincang dengan pengarah di sana memang itulah jawapannya, itulah undang-undang sedia ada. Jadi beliau juga tidak boleh buat apa-apa selagi kita tidak akan membuat apa-apa pindaan kepada undang-undang ini. Jadi saya...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Batu Gajah, boleh minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu Gajah. Setujukah dengan saya Yang Berhormat Batu Gajah bahawa mungkin ia nya lebih baik untuk KWSP di dalam penyata tahunan mereka ada satu *paragraph* yang mengatakan siapa yang dinamakan sebagai *beneficiary* dan sebagainya agar penama atau pencarum mereka tahu sama ada sudah buat penamaan atau tidak. Banyak kekeliruan berlaku selepas pencarum itu mati. Jadi keluarga mereka tidak ada *avenue*, tidak tahu siapa penama ataupun tidak ada penama.

Jadi kalau seperti insurans mereka setiap tahun mereka kata ini tidak ada penamaan, sila buat penamaan. Ada satu *sort of reminder to the* pencarum. *I think it will be the* langkah lebih konstruktif dan *better to counter all this abuses*. *So that*, pencarum dia tahu kalau orang yang tidak dikenali dinamakan sebagai *beneficiary*, dia akan buat pertukaran. Setuju tidak dengan saya?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur dan saya juga minta supaya ucapan beliau dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang sedia ada hari ini boleh juga mewujudkan peluang untuk berlakunya unsur-unsur penipuan ataupun ugutan dalam membuat penamaan. Sebagai contoh saya tidak tahu sama ada kes seperti ini pernah berlaku ataupun tidak tetapi andai kata ada seorang along yang memaksa seseorang itu untuk menamakannya sebagai penama dalam KWSP. Apa halangan? Apa mekanisme yang kita ada? Nama dia boleh dimasukkan.

Apa yang diperlukan hanya seorang saksi dan saksi itu sesiapa sahaja boleh menjadi saksi dan akhirnya apabila ahli itu meninggal dunia, along itu boleh pergi untuk menuntut wang dan saya rasa keluarga si mati itu tidak boleh berbuat apa-apa. Pada pandangan saya itulah undang-undang pada hari ini dan saya rasa kita harus membuat sesuatu supaya wang ahli KWSP itu akhirnya sampai kepada tangan keluarga si mati. Pada pandangan saya kerajaan harus merumuskan satu mekanisme yang lebih baik supaya wang simpanan ahli-ahli itu akhirnya tidak dibolot oleh mana-mana pihak ketiga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya, kita juga boleh merujuk kepada kaedah-kaedah yang diguna pakai dalam Akta Insurans 1996 untuk membayar tuntutan wang polisi

insurans nyawa apabila seseorang itu meninggal dunia. Hanya suami atau isteri, anak-anak ataupun ibu bapa yang layak untuk menerima faedah polisi secara *beneficiary* dan bukan sebagai wasi.

Selain daripada keluarga terdekat, penama yang lain hanya boleh menjadi wasi kecuali faedah polisi itu diserahkan, *absolutely assigned* kepada penama itu jika itulah niat ahli tersebut. Rujukan boleh dibuat kepada Seksyen 163 hingga 169 Akta Insurans 1996 dan di sini kita boleh lihat bagaimana wang tuntutan itu bila seseorang pemegang polisi itu meninggal dunia bagaimana wang itu boleh dibayar kepada keluarga dan pihak lain tidak berhak untuk mendapat wang tersebut. Ini adalah satu perkara yang kita boleh telitikan.

Saya yakin kaedah ini adalah lebih selamat, adil dan konsisten dalam amalan pentadbiran harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia. Oleh kerana KWSP juga merupakan satu instrumen kewangan untuk kebajikan ahli dan keluarganya, maka kaedah-kaedah yang digunakan untuk tujuan yang sama dalam produk insurans nyawa juga boleh diguna pakai dan diselaraskan.

Akhir sekali saya juga ingin mengetahui sama ada niat kerajaan untuk meminda seksyen 51A dan seksyen 55B adalah untuk membolehkan pihak KWSP menguruskan dana ahli untuk tempoh masa yang lebih lama. Ini adalah kerana kedua-dua pindaan ini akan membolehkan dana yang dipegang oleh KWSP tidak mengalir keluar kepada ahli ataupun kepada pendaftar wang tidak dituntut dalam tempoh terdekat. Adakah ini tujuan untuk menyelesaikan masalah kekangan kewangan KWSP dalam tempoh jangka masa pendek? Itu sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

### 2.39 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu kita telah pun kenal pasti berkenaan dengan *tagline* KWSP ini ialah "Simpanan Untuk Hari Tua".

#### ■1440

Jadi apabila mengingatkan tentang hari tua, sudah tentu kita ingat kepada kematian dan dekat dengan lubang kubur serta jauh dengan rumah. Kebetulan kita umat Nabi Muhammad SAW ini umurnya tidak panjang. Sebagaimana Nabi SAW bersabda, *[Membaca sepotong hadis]* yang bermaksud, "Umur umatku ini antara 60 tahun hingga 70 tahun." Oleh sebab itu kerajaan dia bagi umur pencen 60 tahun itu elok. Sempat makan pencen tiga bulan, mati.

Sebagai seorang Islam sudah tentu kita percaya tentang adanya soal perhitungan hisab, dosa dan pahala dan selepas ini kita akan dibangkitkan di padang Mahsyar. Semuanya itu akan diambil kira daripada apa yang kita lakukan sepanjang kita hidup di atas dunia ini terutama di dalam hal yang berkaitan dengan soal sumber yang kita makan waktu kita hidup kerana Nabi

SAW menyebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud, “*Mana-mana daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka tempatnya adalah neraka.*”

Maka atas alasan inilah kita yakin dan percaya rang undang-undang ini diadakan supaya sebagai satu cara untuk ahli yang beragama Islam terutamanya untuk bermuamalat dengan amalan Islam dan dapat direalisasikan dengan apa yang kita sebut sebagai muamalat secara Islam. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita melihat KWSP tidak membayar zakat. Mungkin tidak bayar zakat ini kerana tidak ada di sana badan syariah sebagaimana yang dibentuk di dalam RUU ini ataupun memang pelaburan yang ada pada hari ini tidak menepati dengan syarak sehinggakan soal dividen ini kita tidak bagi orang Islam berada di dalam keadaan yang kita tidak boleh mengambil untuk kegunaan peribadi kita. Kita hanya boleh menggunakan untuk *masalah ammah* ataupun masalah umum seperti untuk membina tandas, buat jalan raya ataupun buat perkara-perkara yang melibatkan soal umum.

Jadi, sebagaimana yang kita maklum apabila rang undang-undang ini diadakan, kita mengharapkan supaya zakat dapat dijadikan sebagai satu terma syarat yang perlu ada di dalam pindaan ini kerana kita maklum zakat ini mendatangkan *barakah*. Oleh sebab itu zakat disebut *azzakah* iaitu yang disebut *annamak waziadah*. Zakat ini ialah ia bertambah dan juga dia akan datangnya keberkatan. Maka ia juga sebagai menambahkan lagi pembangunan ekonomi ummah. Memang kalau kita nampak dari segi logiknya, zakat ini mendatangkan kerugian kerana kita terpaksa keluar 2.5%. RM10 ribu kita kena keluar sebanyak RM250 tetapi di sana kita yakin Allah SWT akan gantikan dengan lebih baik daripada apa yang kita keluar.

Contoh, kita dapat lihat bagaimana model Lembaga Tabung Haji yang telah mengeluarkan zakat sebanyak 2.5% untuk pendeposit. Secara tidak langsung, selain daripada memberikan keberkatan di dalam urus niaga dan juga penyimpanan kita ini, ianya juga akan dapat memberikan pertolongan kepada ummah dan juga pembangunan masyarakat yang terdiri dari kalangan orang-orang miskin ataupun orang-orang yang memerlukan kepada bantuan. Maka *alhamdulillah* apabila zakat dikeluarkan, di sana kita melihat, ini yang kita dapat tengok Tabung Haji selain daripada memberikan dividen yang tetap, dividen antara 6% hingga 8% dan *plus* pula 2.5%. Ini sudah menampakkan tentang bagaimana keberkatannya itu ada apabila kita keluar daripada zakat.

Sebab itu kita mengharapkan supaya rang undang-undang ini meletakkan soal zakat itu perlu kerana saya pelik ada di kalangan *unit trust* yang berjalan di negara kita pada hari ini tetapi zakat tidak dikeluarkan oleh *unit trust* sedangkan itu dianggap sebagai *Islamic unit trust*. Sepatutnya apabila sebut tentang *Islamic unit trust*, Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti memerlukan satu peraturan supaya *unit trust* ini mengeluarkan zakat supaya tidak membebankan pula kepada kita yang menyimpan di dalam *unit trust* dan kita mengharapkan supaya EPF ataupun KWSP ini dapat mengeluarkan zakat bagi mereka yang beragama Islam terutamanya apabila RUU ini diluluskan.

KSWP ini kita mengharapkan dia mencari jalan untuk melabur di tempat yang membolehkan keuntungan yang berganda dan baik.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Kalau kita lihat bagaimana Lembaga Angkatan Tentera...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang zakat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi kebanyakan kita yang mencarum dalam KWSP tidak mengeluarkan zakat dan alasan kita ialah kerana kita tidak mempunyai yang diberitahu oleh ulama jugalah, boleh membantu di sini kalau boleh dibantu, iaitu kerana kita tidak mempunyai kuasa mutlak di atas wang itu. Di campur pula bahawa wang itu ialah diambil secara paksa, mesti dikeluarkan.

Dicampur pula dengan wang ditambah pula oleh majikan, yang dipaksa ke atas majikan. Maka disebabkan oleh semua sebab itu maka wang KWSP itu tidak dikehendaki untuk kita mengeluarkan zakat. Dicampur pula dengan pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi bahawa wang itu digunakan, dilaburkan dengan cara yang tidak *Islamic*. Dilaburkan dalam institusi riba dan macam-macam lagi.

Maka bercampur semua itu, maka itulah yang menyebabkan bahawa kebanyakan kita umat Islam tidak mengeluarkan zakat daripada wang KWSP. Apakah pendapat Yang Berhormat Bukit Gantang dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, sedikit, sekejap. Saya hendak sambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Puteh tadi. Saya hendak merujuk pada satu fatwa dalam e-Fatwa menyebut tentang oleh kerana jumlah wang tersimpan dalam KWSP adalah melebihi nisab dan mencukupi haul, maka ianya tetaplah wajib zakat. Oleh itu Jawatankuasa Syariah berpendapat pihak KWSP bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihak pencarum-pencarum Islam seperti yang diamalkan oleh Lembaga Tabung Haji.

Ertinya sudah ada satu rekod. Tabung Haji membayar zakat pada caruman pada simpanan daripada pencarum Tabung Haji ataupun penyimpan Tabung Haji tapi KWSP tidak membayar dan fatwanya ialah KWSP mesti membayar. Itu bagi pihak KWSP. Yang difatwakan sekarang bagi para pencarum pula ialah oleh kerana harta yang caruman mereka, mereka tidak mampu untuk dikeluarkan, maka mereka tidak mempunyai milik sepenuhnya. Oleh kerana itu mereka hanya wajib bayar zakat bila mereka keluarkan wang sepenuhnya. Ketika itulah dibayar zakat. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang?

■1450

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh dan juga Yang Berhormat Kuala Nerus.

Berkenaan yang pertama, memang hari ini memang peraturan tidak ada di dalam KWSP untuk KWSP ini mengeluarkan zakat terhadap pencarum yang ada. Kita tidak timbul soal berkenaan dengan dipaksa ataupun tidak dipaksa kerana yang kita bincang sekarang ialah berkenaan dengan entiti perniagaan. Setiap entiti perniagaan perlu untuk mengeluarkan zakat. Cuma di sana ada khilaf berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan Petronas. Petronas ini ialah kerana antara syarikat dengan hak milik kerajaan. Oleh kerana apabila hak milik kerajaan, pandangan yang mengatakan tidak keluar zakat Petronas ini kerana Petronas ialah hak milik kepada kerajaan. Dalam masa yang sama juga ia menjalankan perniagaan.

Akan tetapi KWSP ini ialah menjalankan perniagaan yang mempunyai sektor-sektor pelaburan yang tersendiri. Maka, dengan sebab itu kita mengharapkan supaya rang undang-undang yang kita bahas pada hari ini dimasukkan terma supaya zakat ini merupakan satu benda yang perlu dikeluarkan oleh KWSP. Ertinya tidak perlulah untuk kita menunggu kerana keputusan daripada Majlis Fatwa sendiri pun maka sebab itu KWSP hanya dikeluarkan waktu pencarum mengambil, termasuklah kita yang mengambil Akaun 2 waktu kita membeli rumah. Seperti mana kita dapat Akaun 2 sebanyak RM20,000, maka kita kena keluar sebanyak RM500 daripada Akaun 2 tersebut untuk kita keluarkan zakat kerana itu sudah menjadi satu milik yang sempurna kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka sebahagian daripada ucapan yang diucapkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tadi masuk sebahagian daripada ucapan saya. KWSP pada hari ini kena memikirkan juga kerana umur hayat rakyat Malaysia ini juga semakin meningkat. Walaupun ada saya sebut tadi hadis Nabi sebut, antara umat ku umurnya antara 60 hingga 70 tahun. Akan tetapi hari ini kajian yang ditunjukkan juga, rakyat Malaysia ini antara 73 hingga 75 tahun. Oleh itu ahli Jawatankuasa Pelaburan perlu mengambil kira selain daripada mematuhi syariah *compliance*, dengan izin. Maka, perlu juga dia melihat tempat mana yang boleh mendatangkan pulangan yang tinggi untuk memberikan keuntungan kepada pencarum-pencarum, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Jadi, sebab itu kalau kita tengok di kalangan pekerja-pekerja di Malaysia yang apabila pencen kalau KWSP nya hanya ada RM60,000 RM70,000, itu semuanya akan mewarisi kepapaan dan kemiskinan. Maka, sebab itu kita mengharapkan supaya KWSP ini mencari jalan supaya tempat-tempat yang ada. Kita harapkan supaya Yang Berhormat Titiwangsa, orang baru yang agak ada *brain* sedikit nampaknya, kita harap dia boleh berfikirilah, kita tahu. Saya kenal dia yang hari ini pun dia tidak ada di *Backbencher* ini kita tidak dengar ucapan-ucapan yang saya memang tertarik dengan beliau. Walaupun berbeza politik tetapi ada benda yang kita boleh ambil. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Benda *wisdom* ini benda yang hilang daripada orang Islam, daripada UMNO pun kita ambil juga kalau yang baik itu, bukan kita kata semua kita tolak. Okey, jadi sebab itu kita harapkan supaya soal berkenaan dengan hal yang berkaitan ini kita harapkan supaya KWSP mencari jalan supaya membolehkan pelaburan itu yang boleh mendatangkan sekurang-

kurangnya orang pencen boleh dapat RM100,000 lebih ataupun RM120,000 untuk memungkinkan dia hidup dengan baik dan tidak memikirkan banyak masalah.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sudah cukuplah kita harapkan supaya KWSP ini jangan menjadi balang oksigen untuk menyelamatkan dan memberikan, membantu kepada NPL, *non performing loans*, dengan izin, yang membantu syarikat-syarikat ataupun GLC yang tidak mendatangkan pulangan yang tinggi kepada penyimpan. Maka, kita mengharapkan supaya Jawatankuasa Pelaburan tidak tunduk kepada arahan untuk menyelamatkan mana-mana individu untuk melabur dalam syarikat mereka ataupun GLC yang tenat. Sebaliknya perlu ada ketegasan demi masa depan pekerja kita, setelah tua mereka dapat menghabiskan usia mereka dengan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya harapkan supaya mereka yang terlibat dalam sektor ini jujur dan amanah untuk memastikan satu lagi kebanggaan instrumen kewangan Islam dapat dimunculkan di negara ini. Maka, setakat hari ini kita mengharapkan supaya tidak ada lagi pelaburan KWSP yang mengalami kerugian dan tidak mendatangkan apa-apa yang dijanjikan. Oleh kerana kita harap supaya mereka yang telah bersara, mereka hanya memikirkan hidup mereka yang agak selesa tanpa lagi bekerja sebagai pemandu teksi. Kadang-kadang saya naik teksi, kita tengok umur usianya kita pun takut. Kita pun takut apabila dia bawa teksi. Bila tanya, dia terpaksa bekerja memandangkan tidak ada lagi sumber untuk mereka hidup, tidak ada lagi sumber pendapatan untuk mereka hidup. Oleh itu kita mengharapkan supaya instrumen ini dan rang undang-undang ini dapat membantu. Terutama di kalangan pencarum-pencarum yang terdiri dari kalangan pendapatan kecil.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya mengharapkan juga supaya rang undang-undang ini juga membolehkan supaya adanya satu takaful kelompok kepada pencarum yang mencarum di KWSP. Supaya sekurang-kurangnya selain daripada mereka mendapat pencaruman mereka, mereka juga akan memperoleh hasil daripada caruman kelompok. Jadi, saya yakin dan percaya kalau caruman kelompok ini diberikan, ada kematian, maka sudah tentulah di sana akan memberikan kelegaan. Terutamanya kepada waris mereka atau ilat kekal, ilat separuh kekal, semuanya ini akan memberikan kebaikan kepada pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

### **2.57 ptg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Rang Undang-undang KWSP ini merupakan satu lagi usaha untuk mengislamkan pentadbiran Malaysia. Oleh kerana di mana caruman rakyat kepada KWSP kini terpaksa perlu diasingkan mengikut syariah dan bukan syariah. Sehingga pelaburan dan dividen KWSP juga perlu dibezakan mengikut syariah dan bukan syariah.

Sebenarnya KWSP selama ini ada membuat 40% pelaburannya dalam dana-dana yang mematuhi prinsip syariah. Setakat Disember 2014, 40% atau bersamaan dengan RM250 bilion

daripada pelaburan KWSP dibuat ke atas pelaburan-pelaburan yang mematuhi prinsip syariah. Walaupun terdapat pelaburan dibuat oleh KWSP ke atas dana yang tiada kaitan dengan prinsip syariah, pelaburan KWSP selama ini tidak melibatkan aktiviti-aktiviti perjudian, minuman alkohol, senjata yang dibuat untuk tujuan peperangan atau dengan negara yang tiada pertalian diplomatik dengan Malaysia seperti Israel.

Selagi pelaburan KWSP tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak beretika seperti yang saya sebut tadi, saya tidak berasa ada kewajaran untuk akaun ahli-ahli KWSP diasingkan mengikut syariah atau bukan syariah. Kita bimbang satu hari nanti caruman ahli-ahli KWSP juga perlu diasingkan mengikut sumber pendapatan yang halal dan bukan halal. Ini adalah satu trend yang tidak harus digalakkan.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** [Bangun]

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Saya ingin menambah Yang Berhormat Tanjong, bahawa ada satu perkara Yang Berhormat Tanjong tidak sebut yang cukup besar dalam urusan perniagaan yang diperangi oleh Islam sendiri iaitu sistem riba. Sistem perbankan yang menggunakan riba. Jadi, kebanyakan sistem perbankan atau bon dan sebagainya yang dilaburkan tanpa menggunakan sistem Islam ini menggunakan sistem riba. Jadi, kalau ini dikira, maka mungkin banyak lagi *investment* yang dilakukan oleh KWSP ialah suatu yang haram.

#### ■1500

Jadi oleh sebab itu, maka itu suatu yang bagi umat Islam, sesuatu yang kita tidak boleh terima dan kita terpaksa berusaha untuk memisahkan hasil-hasil yang kita terima itu supaya bersih daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam sendiri termasuklah riba. Terima kasih.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih. Saya memahami pandangan daripada Yang Berhormat Pasar Puteh. Memangnya ini susah untuk kita asingkan. Jikalau kita hendak benar-benar bersih, benar-benar tulen, benar-benar semua wang yang dikutip ini adalah halal, maka semua ini kita terpaksa mengenal pasti sama ada ini daripada sumber pendapatan yang halal atau tidak halal. Akan tetapi bagi saya, yang penting, KWSP sekarang adalah sebuah institusi pengurusan dana persaraan yang ketujuh terbesar di dunia adalah kerana pengurusan kewangan yang baik dan *transparent* dan mereka tiada penyelewengan kewangan. Ini adalah kelebihan yang ada pada KWSP hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, adalah juga bercanggahan dengan prinsip keadilan yang diperjuangkan oleh Islam selama ini jikalau ahli-ahli KWSP yang tidak memilih cara pengurusan syariah dapat menikmati dividen yang tidak kurang daripada 2.5% setahun manakala mereka yang memilih cara pengurusan syariah hanya dapat menikmati dividen mengikut prestasi sebenar pelaburan yang berkemungkinan besar kurang daripada 2.5%. Ini sedikit sebanyak menunjukkan pihak Lembaga KWSP kurang yakin terhadap prestasi dana-dana yang mematuhi prinsip-prinsip syariah.



Mengapa perlunya ada dua piawai yang berbeza sehingga mereka yang memilih cara pengurusan syariah telah dimangsakan? Jikalau memang yakin terhadap pelaburan terhadap dana-dana yang mematuhi prinsip syariah, maka kenalah dalam peruntukkan ini disebut sekurang-kurangnya dividen yang akan diagihkan adalah tidak kurang daripada 2.5 peratus setahun. Mereka seharusnya menikmati dividen yang setara dengan ahli-ahli KWSP yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 55B yang baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong dan juga Dewan, bahawa dalam urusan perniagaan dalam Islam, pelaburan, keuntungan dan kerugian itu ditanggung bersama dan kita tidak boleh menetapkan bahawa dia mesti untung 2.5 peratus atau satu peratus kecuali jika pihak kerajaan memberi jaminan bahawa kalau rugi macam mana pun, kerajaan akan menambah.

Maknanya kerajaan yang memberi *guarantee* bahawa paling minimum ialah 2.5 peratus. Maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tanjong, kalau ditambah sedikit di sana bahawa kerajaan menjamin bahawa semua iaitu kedua-dua sama ada pelaburan secara syariah atau tidak, kedua-duanya akan mendapat paling kurang 2.5% dengan *guarantee* daripada kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya bersetuju supaya diadakan peruntukan kerajaan bagi jaminan semua ahli dapat sekurang-kurangnya 2.5 peratus dari segi dividen. Jadi ucapan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh boleh dimasukkan dalam teks saya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 55B yang baru membenarkan caruman yang dikreditkan selepas seseorang ahli mencapai umur 55 tahun hanya dikeluarkan selepas dia mencapai umur 60 tahun. Harustah sesuatu yang telah ditetapkan melalui pindaan undang-undang kali ini dan tidak boleh diubah secara sembarangan oleh Menteri melalui apa-apa warta yang akan disiarkan nanti. Dengan kuasa tambahan yang diberi kepada seseorang Menteri, ini telah menambah kerisauan terhadap golongan ahli yang membuat caruman KWSP dalam kategori tersebut dan ia kemungkinan akan mengganggu perancangan masa tua seseorang ahli KWSP.

Lagi satu perkara yang berkaitan dengan KWSP ialah memandangkan semakin hari semakin banyak kedai atau syarikat yang terpaksa ditutup atas beban GST dan kuasa rakyat untuk membeli semakin merosot akibat kelembapan ekonomi yang sedang melanda negara kita, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula kadar caruman majikan yang kini ditetapkan pada kadar 13 peratus.

Jikalau kadar caruman majikan dapat diubah semula kepada 12 peratus seperti yang diamalkan sebelum ini, ia sudah pasti akan memberi sedikit ruang nafas kepada pihak majikan untuk mengurangkan kos operasi mereka dan seterusnya memberi ruang untuk pihak majikan meningkatkan lagi gaji atau elaun pekerja-pekerjanya. Kadar caruman boleh dinaikkan semula kepada 13 peratus apabila ekonomi negara kita bertambah baik nanti.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

### 3.06 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak pengurusan dan pentadbiran KWSP kerana telah berusaha untuk menunaikan hasrat majoriti umat Islam untuk diberikan pilihan dana persaraannya diurus secara Islam ataupun mengikut lunas syariah. Walaupun ada pandangan yang agak *fundamental* supaya ia terus sahaja diwajibkan ke atas umat Islam ataupun dilaksanakan oleh KWSP tetapi sekurang-kurangnya saya lihat ia adalah satu langkah yang positif. Hasrat ini sebenarnya telah lama pun kita utarakan dan kini kita lihat, *insya-Allah*, diambang realiti pelaksanaannya.

Saya juga mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang bertujuan untuk menasihati lembaga dan juga panel pelaburan KWSP ini dalam memastikan segala urusan berkaitan dengan caruman, pelaburan, dividen pencarum, semuanya ini mematuhi syariat Islam. Namun, sebagai satu peringatan bersama, supaya ia tidak terhenti pada penggunaan istilah semata-mata ataupun slogan semata-mata, sebaliknya mestilah orientasinya benar-benar mematuhi syariat itu sendiri sebab kaedah yang kita pakai ialah *al-ibrah bil musammayat, la bil asma'*.

Pengajaran yang kita hendak ambil ialah berdasarkan kepada bagaimana operasinya, bagaimana pelaksanaannya, bukan pada label ataupun slogan yang dikemukakan. Apa yang paling kita bimbang ialah nantinya ia akan memberi pulangan yang negatif terhadap syariat Islam itu sendiri apabila kita menggunakan produknya sebagai produk Islam tetapi pelaksanaannya jauh daripada apa yang dikehendaki oleh Islam. Ini akan menjadi fitnah kepada Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cuma di sininya saya ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa Penasihat Syariah ini juga dalam masa yang sama mestilah mempunyai satu autoriti yang efektif dalam intervensi urusan yang berkaitan dengan masalah muamalat pencarum yang beragama Islam khasnya. Ertinya, dia tidak terhad pada mandat untuk menasihati semata-mata tetapi biarlah dia mempunyai satu autoriti yang berkesan dalam tanggungjawab dan juga amanah yang diberikan.

Dalam urusan pelaburan dana akaun umat Islam ini juga, saya mengharapkan supaya pelaburan itu tidak banyak terlibat dengan perkara-perkara yang boleh mencetuskan polemik dan juga mencetuskan konflik. Contohnya, berlaku perbahasan di kalangan ulama-ulama Islam terhadap bagaimana pengukur ataupun parameter peratusan penilaian syariah yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Jadi ini supaya kita dapat mengelaknya dan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, portfolio pelaburan KWSP juga mestilah lebih banyak menumpukan kepada *business* sebenar yang memberikan kesan langsung kepada rakyat dan tidak hanya fokus kepada ekuiti semata-mata. Apatah lagi sudah pastilah kita tidak mahu ataupun tidak boleh sekali-kali ia digunakan untuk *bailout* syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan yang bermasalah seperti 1MDB yang telah banyak ditimbulkan oleh rakan-rakan sepanjang perbahasan berkait dengan KWSP ini. Jadi ini adalah suatu perkara yang mesti diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

■1510

Selain daripada isu pelaburan, saya juga ingin mencadangkan kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah dan juga sekretariatnya ini ialah untuk menyelesaikan wang KWSP yang tidak dituntut sama ada pencarumnya telah meninggal dunia ataupun pencarum yang tidak menamakan penamanya. Jadi ini mesti diselesaikan sebab saya lihat banyak tunggakan. Kalau di Amanah Raya Berhad, jumlah akumulatif wang yang tak dituntut ini mencecah RM60 bilion dan KWSP ini RM378 juta wang tak dituntut sehingga Disember 2010 yang melibatkan sekira-kira 188,733 orang ahli.

Jadi maknanya, jumlah wang yang banyak ini perlu diselesaikan mengikut kaedah yang telah pun ditetapkan dan diatur oleh syariat Islam itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, hari ini kita lihat sebahagian daripada rakyat Malaysia juga sedang bergelut dengan kadar hutang isi rumah. Kalau kita lihat kepada satu laporan tahunan Bank Negara Malaysia 2014, jumlah isi rumah mencatatkan peningkatan 9.9% iaitu kepada RM940 bilion dan nisbah hutang tersebut kepada Keluaran Dalam Negara Kasar ialah 87.9% berbanding 86.7% pada tahun 2013.

Jadi cabaran ini disukarkan lagi dengan wang persaraan yang tidak mencukupi untuk mendepani masa-masa depan mereka, sisa-sisa hidup mereka terutamanya menjelang usia selepas daripada 70 tahun. Sebab saya lihat dalam satu laporan menurut Laporan HSBC, 88% responden telah meluahkan kebimbangan terhadap ketidakcukupan wang selepas daripada persaraan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah ini membuktikan bahawa institusi kewangan pada hari ini khususnya KWSP ini yang lebih menitikberatkan aspek persaraan ini mestilah lebih giat untuk memberikan pendidikan kewangan peribadi secara Islam kepada pencarumnya supaya mereka dapat selesa dan juga mereka dapat menghadapi keadaan masa depan mereka dengan baik.

Perkara-perkara ini sebagai contoh yang berkait dengan distribusi harta seperti hibah, wasiat, faraid, wakaf dan seumpamanya ini perlu dipakejkan dalam tawaran caruman yang disediakan oleh KWSP supaya masa-masa depan mereka nanti terutamanya kepada Muslim terjamin kerana mungkin faktor yang disebut sebagai 88% responden meluahkan kebimbangan tak cukupnya wang selepas persaraan. Ini adalah suatu perkara yang sangat perlu diberikan perhatian serius. Jadi saya rasa sekadar itu pandangan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang sedikit untuk saya menyampaikan pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**3.13 ptg.**

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (Pindaan) 2015, Akta 452.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya untuk membahaskan rang undang-undang ini di mana seperti yang kita maklum, sehingga Jun 2015, KWSP mempunyai seramai 14.36 juta ahli. Bilangan ahli aktif dan masih mencarum adalah seramai 6.72 juta dan bilangan majikan aktif pula adalah seramai 536,317. KWSP sebagaimana kita maklum memberi jaminan dividen sebanyak 2.5% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KWSP atas inisiatif di dalam cadangan pindaan rang undang-undang ini untuk mewujudkan Skim KWSP Islamik ataupun KWSPi dan ini merupakan salah satu usaha murni bagi menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Februari 2015 yang bertindak sebagai pengukur pencapaian negara dalam pelaksanaan syariat dan pengembangan syariat Islam. Jadi keputusan pindaan ini adalah merupakan suatu keputusan bagi menyokong ke arah pewujudan indeks syariah yang berkesan.

Jadi merujuk kepada Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) 2015 ini, dalam Perkara 8 KWSP Islamik, telah memberikan opsyen ahli di mana opsyen diberikan kepada ahli untuk simpanan diuruskan secara patuh syariah. Saya ingin mengemukakan cadangan bahawa semua ahli yang beragama Islam sama ada yang baru ataupun yang lama mencarum adalah secara automatik diletakkan di dalam Skim KWSP Islamik dan manakala bagi pencarum-pencarum bukan beragama Islam, mereka diberikan opsyen untuk mencarum di dalam Skim KWSP Islamik ataupun dalam Skim KWSP sedia ada. Jadi ini akan lebih memberikan kesan yang berganda kepada pelaksanaan pelan penubuhan syariat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Minta pencilahan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membahaskan mengenai Perkara 4.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, silakan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih kerana beri laluan. Saya hendak tanya, bolehkah bersetuju dengan saya bahawa kalau Tabung Haji boleh mengadakan kaunter syariah sahaja 100% dan dia berjaya dan juga Public Mutual dan pelbagai kaunter yang boleh membuka kaunter syariah boleh berjaya, adakah bersetuju dengan saya bahawa KWSP juga boleh mengadakan hanya satu kaunter syariah sahaja, tak perlu opsyen kerana dengan

membuat satu kaunter ini banyak perkara boleh selesai. Masalah pembahagian pusaka, masalah zakat dan kesemua sekali dan sekiranya ia dijalankan benar-benar mematuhi syariah, saya rasa keuntungannya lebih.

Kedua, setujukah dengan saya bahawa saya berharap ahli Jawatankuasa Syariah ini juga bukan sekadar diambil orang yang memahami hukum-hakam tetapi juga orang yang reti tentang pelaburan dan perniagaan untuk berada di sana dan kerana kita melihat bahawa dia bukan sahaja melihat kepada perkara-perkara di mana hendak dilabur dan sebagainya tetapi dia juga melihat dari sudut integriti dan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Adakah bersetuju dengan saya? Terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih, saya rasa pandangan itu adalah merupakan pandangan yang baik dan saya rasa mungkin pihak Yang Berhormat Menteri akan memberikan penjelasannya nantilah dan saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Bukan sahaja Tabung Haji, PTPTN pun telah mengamalkan 100% patuh syariah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membahaskan mengenai Perkara 4 Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) 2015 ini iaitu tanggungan mencarum majikan dan pekerja berdasarkan perintah gaji minimum.

Dalam hal ini, saya bersetuju dengan pindaan terhadap tanggungan mencarum majikan dan pekerja berdasarkan perintah gaji minimum. Ini merupakan satu penambahbaikan yang memberi faedah kepada pencarum dan dengan berlakunya peningkatan, jumlah caruman apabila caruman daripada pihak majikan lebih banyak daripada caruman daripada pencarum itu sendiri.

Namun Tuan Yang di-Pertua, adakah rang undang-undang ini mampu untuk memberikan penekanan terhadap 950 majikan iaitu 1% yang tidak mematuhi gaji minimum yang ditetapkan di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara pada 2011, Akta 732.

Jadi justeru itu saya berharap agar dengan pelaksanaan pindaan terbaru ini mampu untuk memberikan galakan kepada majikan untuk mematuhi penyelarasan penetapan gaji minimum. Jadi dalam hal ini, kalau kita melihat apabila pelaksanaan bayaran pencaruman daripada majikan adalah merupakan bayaran berdasarkan kepada gaji minimum. So, pihak kerajaan dan juga KWSP perlu menyelaraskan dengan undang-undang dan peraturan lain bagi menguatkuasakan semua majikan dapat membayar gaji minimum kepada pekerja masing-masing sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 yang disebutkan tadi.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menarik untuk saya sentuh dalam RUU KWSP (Pindaan) 2015, perkara 7 ini ialah berkenaan dengan warga asing. Penambahbaikan kelayakan pengeluaran bagi ahli warganegara asing perlu dibuat. Kalau kita lihat sekarang ini peruntukan semasa memperuntukkan bahawa ahli-ahli warganegara asing hanya layak membuat pengeluaran sekiranya mereka meninggal dunia ataupun mereka hilang upaya ataupun mereka meninggalkan Malaysia.

Manakala cadangan pindaan adalah untuk menambah baik kelayakan pengeluaran kepada ahli-ahli warganegara asing ialah apabila mereka mencapai umur 55 tahun dan juga pengeluaran pada prapersaraan bila mereka membeli atau membina rumah dan juga untuk mengurangkan bila mana mereka bercadang mengurangkan ataupun menyelesaikan pinjaman perumahan ataupun mereka ingin membiayai perubatan, pendidikan dan sebagainya. Jadi saya bersetuju dengan perkara ini kerana dua faktor di mana ia dapat menggalakkan warganegara asing bekerja di Malaysia dan secara tidak langsung menyumbang kepada pemeliharaan wang dalam negara.

Namun begitu ada satu perkara juga yang perlu dipertimbangkan semula oleh KWSP iaitu tentang syarat warganegara asing yang mencarum. Sekarang ini warganegara asing diberikan pilihan dan galakan untuk mencarum. Kita sedia maklum bahawa bilangan pencarum daripada ekspatriat ataupun warganegara asing yang bekerja di sini dalam jumlah yang amat kecil sekali tidak sampai pun 10,000 orang. Jadi selebihnya mereka lebih gemar untuk menyimpan atau menabung atau menguruskan kewangan mereka dalam sistem-sistem perbankan yang lain.

Jadi, kenapa tidak kalau kita boleh menetapkan kepada semua warganegara asing yang berdaftar, yang bekerja mengikut saluran yang sah mereka juga hendaklah mencarum secara wajib. Ini akan memberikan faedah kepada mereka dan juga dapat mengurangkan pengaliran keluar wang negara ke negara-negara lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua akhirnya saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan dan diperbaharui semula agar dapat memastikan KWSP ini terus memberi kebaikan kepada rakyat Malaysia terutamanya di waktu-waktu persaraan mereka. Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) 2015 [*Akta 452*], terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

### **3.22 ptg.**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) 2015. Saya rasanya untuk kali pertama dalam membahaskan rang undang-undang ini untuk melahirkan rasa penuh gembira dengan pindaan rang undang-undang ini. Oleh kerana inilah antara desakan dan tuntutan lama oleh rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam untuk memastikan urusan niaga ataupun operasi KWSP ini dilaksanakan mengikut patuh kepada syariah.

Ada beberapa perkara yang menarik. Pertama, seperti yang kita tahu bahawa tabung simpanan kita di Malaysia ini adalah antara yang terbesar di dunia. Maka dengan pindaan ini kita akan menjadi sebuah negara yang memiliki tabung terbesar ini yang pertama yang mempunyai operasi patuh syariah di dunia. Sudah pasti dia akan mempromosikan lagi sistem kewangan Islam di dunia yang berkembang begitu pesat seperti yang dilaporkan oleh World Bank. Dalam artikel bertarikh 31 Mac 2015 baru ini yang menyebut bahawa kewangan Islam telah berkembang

10% hingga 12% setiap tahun. Manakala aset kewangan patuh syariah telah mencecah jumlah USD2 trilion.

Maknanya dengan masuknya KWSP dalam kewangan syariah ini akan menambahkan lagi sokongan kepada kewangan syariah di seluruh dunia. Kita tahu dia berkembang bukan hanya di negara-negara Islam bahkan di negara-negara bukan Islam termasuklah di UK, di Afrika Selatan dan juga di Hong Kong. Saya harapkan supaya cadangan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah ini akan memastikan KWSP terus dapat mengukuhkan kedudukan dia sebagai sebuah tabung ataupun pelaburan Islam yang akan mengukuhkan lagi kewangan Islam di negara kita.

Saya harap jawatankuasa ini bukan hanya jawatankuasa untuk menasihati soal-soal pelaburan tetapi seperti yang kita tahu bahawa pelaburan di negara kita ini masih lagi ditekan oleh unsur-unsur politik. Banyak perkara yang disebut oleh beberapa orang rakan saya tadi menyebut mengenai campur tangan politik yang kadang-kadang menyebabkan berlaku korupsi yang dia merupakan satu perkara yang diharamkan oleh agama kita.

Kita bukan bercakap soal riba, kita bukan bercakap soal urusan-urusan perniagaan tetapi yang lebih penting ialah kita melihat kepada pengurusan kewangan itu sendiri apatah lagi KWSP yang diuruskan sendiri oleh pihak kerajaan. Saya ingin mencadangkan beberapa cadangan dan telah disebut oleh beberapa orang sahabat saya tadi. Pertama KWSP ini diuruskan oleh pihak kerajaan maka tidak ada sebab untuk kerajaan memberi pilihan kepada pencarum Muslim sama ada untuk memilih yang patuh syariah ataupun tidak patuh syariah.

Dalam agama seorang Muslim dia mesti untuk mengikut arahan dia tidak ada pilihan. Dia mesti solat, dia mesti jangan makan riba, dia mesti itu. Jadi oleh kerana KWSP ini diuruskan oleh kerajaan maka saya mencadangkan supaya semua pencarum Muslim mesti secara automatik untuk caruman mereka dimasukkan ke dalam caruman patuh syariah. Ini adalah satu cadangan yang saya rasa perlu diterima oleh pihak kerajaan supaya rakyat Muslim di negara kita tidak berhadapan dengan risiko makan perkara-perkara yang tidak dibenarkan oleh agama.

Kemudian saya juga bersetuju saya ingin menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi supaya pihak kerajaan melihat kepada isu pusaka pencarum dalam KWSP *non* Muslim yang bermasalah. Kita sudah selesai bahawa penama ataupun *nominee* yang dinamakan di kalangan Muslim ialah pentadbir urusan harta pusaka sedangkan isu ini berlaku ketidakadilan di kalangan *non* Muslim. Jadi saya harap seperti cadangan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bahawa pihak kerajaan mesti meneliti bagaimana untuk menyelesaikan isu rakan-rakan daripada *non* Muslim. Seperti menambahkan penama bukan hanya seorang, ibu, anak dan juga isteri itu yang paling utama supaya keadilan itu dapat kita terapkan dalam pengurusan KWSP.

Akhir sekali saya juga menyokong seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi isu mengenai kewajipan membayar zakat. Kita telah ada fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib bahawa KWSP mesti membayar zakat perniagaan. Oleh kerana pencarum tidak boleh mengeluarkan wang tersebut kerana terikat dengan undang-undang maka

dia adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk melaksanakan bayaran zakat tersebut seperti yang telah dilaksanakan oleh pihak Tabung Haji. Saya harap cadangan ini mesti disertakan semasa pelaksanaan patuh syariah oleh KWSP. Saya rasa setakat itu terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

### 3.28 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk juga sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 [Akta 452]. Saya ingin menyentuh yang pertama sekali tentang seksyen 5B iaitu caruman baru selepas 55 tahun tidak boleh diambil dikeluarkan hanya pada had umur 60 tahun. Pertama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana cerita bab menyimpan ini bukanlah perkara yang senang. Hari ini Malaysia sedang melangkah ke arah negara maju berpendapatan tinggi dan dijangka jangka hayat manusia akan jadi lebih panjang lagi. Dengan segala kebaikan dan kemakmuran yang kita ada penjagaan kesihatan yang elok dan sebagainya maka dijangka mungkin 75 tahun mungkin lebih lagi, mungkin lebih lagi dapat hidup.

Jadi apabila wang ini dikeluarkan pada umur 55 tahun kita ada lebih kurang lagi 20 tahun, 20 tahun ataupun 30 tahun lagi untuk hidup.

#### ■1530

Jadi orang umur 55 tahun ke atas ini, macam-macamlah sebab tayar sudah lama, tulang sudah lama, umur sudah banyak. Jadi kalau dahulu masa kita kerja, kita kerja untuk beli keperluan kita, jaga isteri dan anak-anak kita. Akan tetapi hari ini duit yang ada ini kemungkinan besar untuk menjaga kesihatan kita. Jadi sebab itu kajian KWSP menunjukkan dalam tiga tahun hingga lima tahun sudah habis duit KWSP. Jadi, 55 tahun penyimpanan yang begitu lama.

Saya pernah lihat beberapa orang pesakit yang pernah saya jumpa dahulu, sangat-sangat menunggu 55 tahun. Dia kira itu, *counting days* dengan izin. Berkira-kira lagi tiga bulan umur saya 55 tahun. Nasib baik duit dapat ambil 55 tahun. Jadi wujudnya penyimpanan selepas itu kalau dia bekerja dan ambil balik umur 60 tahun adalah satu kebaikan. Ini adalah satu benda yang lebih penting kerana apabila umurnya 60 tahun, dia dijangka akan hidup 15 tahun ataupun 20 tahun lagi. Ini satu perjalanan yang jauh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Anak-anak kita bolehlah. Ada anak-anak yang tolong. Akan tetapi kalau anak sendiri ada masalah. Saya ada lihat orang-orang tua di kawasan saya, dia datang dan saya tanya, "Anak ada berapa?" "Anak saya lapan orang." Saya kata, "Lapan orang tidak boleh tolong? Anak-anak tidak tolong?" "Dia pun tidak cukup makan." Jadi benda-benda ini wujud.



**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak minta maklumat daripada Yang Berhormat Bagan Serai, semasa umur 55 tahun *cut off* ini diputuskan untuk pengeluaran semua wang KWSP ini, agak-agak berapakah jangka hayat rakyat Malaysia atau rakyat Malaya ketika itu. Kalau hari ini jangka hayat itu semakin panjang, kalau dahulu katakanlah, saya pun tidak tunggu doktor dalam praktis ini menyebutnya. Kalau dahulu jangka hayat kita 65 tahun, hari ini kalau tidak silap lelaki 78 tahun wanita lebih panjang. Kalau itu yang berlaku, bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Serai supaya umur tarik pengeluaran itu diperpanjang. Akan tetapi apakah sebenarnya jangka hayat hari ini untuk meyakinkan kita bahawa cadangan Yang Berhormat Bagan Serai itu boleh diterima.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Minggu depan saya ke sana kita jumpa *insya-Allah*, minum air.

Saya sedikit pencelahan, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Pertamanya isu apabila umur sudah menjangkau 60 tahun dan baki umur 20 tahun lagi dan mendapat wang caruman ini selalunya habis dalam masa yang singkat. Saya rasa kalau tidak semua benda diselesaikan satu cara. Akan tetapi kalau daripada kaedah Islam ini, saya minta pandangan dalam surah Yusuf dia mengajar pada kita setiap hasil pendapatan kita dibahagi tiga. Sebanyak dua pertiga untuk simpan, sekurang-kurangnya satu pertiga untuk simpan.

Hari ini kerajaan melalui KWSP hanya mencadangkan bahawa sekitar 10%. Akan tetapi isu kita ialah rakyat tidak mampu dengan pendapatan yang ada untuk menyimpan sehingga satu pertiga kerana kos kehidupan. Akan tetapi kalau sekiranya KWSP ini betul-betul digunakan untuk pelaburan yang kena dengan syariah, saya yakin keuntungan akan berganda dan keuntungan itu akan dipulangkan balik kepada pencarum selepas mereka berusia umur 60 tahun, satu.

Kedua, sekiranya KWSP membayar zakat dan zakat itu diasingkan untuk kegunaan asnaf dan selalunya orang tua ini orang umur 60 tahun ini dia ini termasuk asnaf miskin. Maka dia boleh ambil balik semula hasil tadi daripada hasil kerja 20 tahun ini. Akan tetapi yang penting, cara macam mana. Minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih atas pandangan-pandangan semua. Pertamanya jangka hayat ini ada yang beritahu saya 75 tahun, saya dengar tadi 78 tahun. Akan tetapi anggarannya lebih kurang begitulah. Mungkin Kementerian Kesihatan akan bagi *update latest*.

Akan tetapi semasa ketetapan umur 55 tahun ini, sudah pasti jangka hayatnya lebih kurang daripada itu. Ini kerana seperti yang saya kata apabila negara maju, apabila ada kemajuan contohnya dalam bidang kesihatan, maka jangka hayat akan sepatutnya lebih panjang, itu keadaannya. Jadi tentang sama ada pengeluaran itu patut ditingkatkan lebih jauh itu bergantung kepada macam apa yang saya katakan tadi ialah keperluan yang kita ada. Tadi kita dengar hendak menyimpan berapa *portion* daripada pendapatan kita. Akan tetapi kalau pendapatan itu tidak banyak, mungkin dia tidak dapat simpan.

Akan tetapi yang penting sekali, kita dengar daripada nas umpamanya tetapi berapa ramai contohnya orang Islam yang betul-betul menyimpan. Berapa orang yang betul-betul menyimpan? Ataupun apabila dia dapat duit, dia gelap mata, terus beli ini, beli itu kita lihat. Tiba-tiba hidup dia jadi berubah selepas tiga empat tahun hidupnya jadi susah.

Jadi dalam perbincangan ini juga kita maknanya rakyat patut insaf. Maknanya bersederhana. Maknanya menyimpan kerana kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Jadi kalau kita simpan sedikit-sedikit dan kita makan pun berdikit-dikit dan kita berjaga-jaga maka kita juga akan jauh lebih sihat dan kita boleh capai umur yang lebih panjang lagi. Kita dapat tambah amal ibadah kita kepada Allah lagi dan buat lebih banyak kebajikan lagi. Ini yang penting untuk di perhati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 43A tentang Skim KWSP Islamic. Satu *option* untuk ahli saya rasa kalau kita sudah ada satu skim...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Baru sentuh sahaja. Tidak apa.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya melihat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai mengenai faktor umur ini, sudah tentu soal umur juga ada dikaitkan dengan soal kesihatan kerana dalam konteks umur itu juga, kesihatan itu juga menjadi perkara yg sangat penting bagi setiap individu rakyat negara kita. Saya juga tadi tertarik mengenai faktor pengeluaran sama ada umur 55 tahun hingga 60 tahun.

Cuma dalam soal ini untuk mengimbangi khususnya dari segi soal penjagaan kesihatan. Saya ingin mohon pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai, adakah sudah sampai masanya pihak KWSP ini memikirkan bagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang bagaimana setiap pencarum ini diberikan insurans atau takaful berkelompok supaya setidaknya satu bahagian itu boleh diselesaikan selagi mana umur mereka semakin meningkat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua yang bertanya adalah Ahli Parlimen dari Kuala. Kuala Krai, Kuala Nerus dan Kuala Selangor.

*[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu pandangan yang baik oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih. Apabila saya menyentuh tentang Perkara 55B tadi tentang pengeluaran...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ini bukan kuala hendak bertanya Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kuala Shah Alam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya meneliti perbincangan yang sedang

dilakukan. Kita seolah-olah menganggap bahasa KWSP ini dia boleh selesaikan semua masalah iaitu masalah kesihatan, masalah simpanan, masalah bila sudah tua sudah tidak ada kerja maka ianya akan ada penyelesaian.

Akan tetapi hakikatnya KWSP ini adalah satu institusi yang bertindak dalam masyarakat keseluruhannya yang tidak mampu akan menyelesaikan semua masalah kalau sebahagian daripadanya sepatutnya ditangani oleh kerajaan itu sendiri. Sebagai contoh perkhidmatan kesihatan yang percuma, pendidikan yang percuma, khidmat kebajikan yang baik dan berkesan.

**Seorang ahli:** Pengangkutan awam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pengangkutan awam. Ini tidak boleh mencelah tahu, saya tengah mencelah Yang Berhormat tidak boleh mencelah. Mencelah sambil mencelah pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam patuh pada peraturan mesyuarat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *For the first time.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak mahu, bukan saya hendak apa. Hanya saya hendak janganlah kita memberikan satu gambaran bahawa seolah-olah semua masalah ini semua boleh diselesaikan oleh KWSP. Sudah pasti tidak. Kita kena melihat peranan KWSP itu dalam konteks yang lebih jelas, sambil pada masa yang sama, masalah-masalah yang utama yang dihadapi oleh rakyat mesti ditangani oleh kerajaan melalui satu pengurusan dan pemerintahan yang bersih dan bertanggungjawab. Ini kalau orang sudah tua, sudah pencen dan sudah tidak ada kerja maka dia hidup miskin, ini bukan salah KWSP.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sudah faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah faham?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sudah faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Wah, hebat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudah faham. Sudah lama cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi ceramah pula. Dia hendak berucap, nanti boleh berucap.

#### ■1540

Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam juga walau bagaimanapun. Jadi kita— perkara pertama yang saya bincangkan tadi, saya ceritakan tentang sikap menabung. Saya ceritakan tentang sikap berdikit-dikit, lama-lama jadi bukit, kita tidak susah. Apabila kita pandai menabung, apabila kita simpan, itu sebab kita tunggu. Umur 55 ini umur ambil duit KWSP, duit kita. Duit kita, kita buatlah apa yang kita hendak buat. Saya cadangkan tadi ialah supaya jaga kesihatan dan selesaikan masalah kita. Bukan kita kata kerajaan tidak jaga kita tetapi kerajaan telah buat banyak perkara.

Kalau kita cakap tentang perkhidmatan kesihatan, kalau kita cakap tentang kebajikan, pendidikan. Pengangkutan, apa yang kerajaan tidak buat? Kerajaan sudah fikir, sudah buat macam-macam. Akan tetapi tidak dapatlah 100%, sebab kerajaan kena fikir bagaimana hendak menambahkan dana supaya dapat tolong rakyat balik. Itulah sebabnya datang contoh GST. Sepatutnya kita berbangga, sepatutnya kita bergembira. Sepatutnya inilah kita kena puji kerajaan yang buat tindakan proaktif ini. Oleh sebab dapat duit tambahan untuk kita buat perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, kesihatan, pengangkutan, kebajikan. Mana boleh guna duit KWSP. Duit KWSP dia punya, dia lakukan apa dia suka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam. Saya hendak pindah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Bagan Serai, sikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Kepada seksyen 43A.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Iaitu berkenaan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia bagi yang Kuala sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita sudah bagi pada dia, dia melampau puia. Jadi itulah ajaran untuk orang yang melampau, yang terlampau. Yang Berhormat Shah Alam yang terlampau.

KWSP Islamik satu skim yang sangat-sangat baiklah seperti yang saya dengar daripada pembahas-pembahas tadi, satu skim yang ditunggu-tunggu sebenarnya. Khususnya untuk orang Islamlah. Saya cadangkan tidak eloklah kita letak opsyen untuk ahli, ia patutnya automatik sebagai seorang Islam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Opsyen untuk orang yang bukan Islam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sahabat, boleh sikit sahabat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi saya – saya baru mula ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sahabat, sikit sahaja sahabat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini Kuala kah ini? Bukan Kuala?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, tidak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau tidak Kuala duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kuala Sepang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak Kuala sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kuala... *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah, sekejap sahaja. Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkara yang Islamik ini tadi ialah satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Yang kita dapat menepati perkara syariah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kuala Sepang...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tanya ustazlah saya tidak pandai hendak cerita tetapi saya orang Islam. Jadi kalau ada perkara-perkara yang mengikut syariah, yang patuh kepada ajaran Allah, ikut sunah Rasulullah, maka kita patut ikut. *[Disampuk]* Kita patut ikut. Umpamanya kalau macam disebut tadi tentang solat, kita kena jaga solat. Kalau disebut tentang aurat, kita kena jaga aurat. Kalau kita sebut tentang perkara-perkara yang Allah suruh, kita kena lakukan. Jadi apabila...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Kerajaan hendak lakukan skim KWSP Islamik ini, saya sekali lagi berasa amat-amat bersyukur.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sekejap sahaja boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit sahaja?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya dengar ini, ganggu momentum ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehlah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak boleh, ganggu momentum ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kawan, kawan punyalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduklah, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Dua minit, dua minit. *[Disampuk]* Ini kawan baik ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai yang begitu *passionate* daripada dululah, kini dan selamanya tentang GST ini. Saya tabiklah. Cuma saya hendak tanyalah, agak-agaklah kalau katakan orang yang berpendapatan rendah ada dapat potongan KWSP, dapatlah mungkin dalam RM15,000 hingga RM20,000 sahaja. Daripada dahulu mereka tidak bayar-bayar cukai pendapatan pun,

tidak layak. Agak-agak duit KWSP itu belanja barang-barang yang kena GST, baru beberapa hari sahaja tahan. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalan macam budak-budak. Tidak Islamik soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kata itu bukan umpat...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sedih dengan kawan saya ini. Tidak apalah, saya *passionate* lah. Jadi KWSP Islamik yang kita bincangkan tadi ini. Dengan adanya benda ini dan kita patuh pada syariah akan mendatangkan keberkatan kepada hidup kita lagi. Akan mendatangkan keberkatan kepada hidup kita lagi. Duit yang ada kecil kah, banyak kah, itu hak kita. Pandai-pandai kita jaga. Kalau kita ini orang susah, kerajaan sudah banyak bantu orang susah. Dengan ada BR1M, dengan ada bantuan itu dan ini dan sebagainya dan banyak lagi kerajaan akan fikirkan bagaimana hendak bantu orang-orang yang susah, orang-orang yang tidak sampai tahap pendapatan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyalah tentang KWSP ini, tentang penamaan. Saya ada dengar beberapa pembahas tadi cerita tentang penama-penama. Masa dia masuk KWSP, dia bubuh nama mak dia. Selepas 20 tahun, 30 tahun dia mati. Mak dia pun sudah mati. Jadi ada masalah. Kalau mak dia tidak mati pun, dia ada anak lapan. Dia anak lapan, isterinya tidak kerja, maka dia pergi ke KWSP dia ada masalah. Jadi, saya berpendapatlah KWSP sepatutnya menasihati. Saya tidak pasti, ada tidak KWSP buat umpamanya setiap 10 tahun bagi surat kata, "*Peringatan, gentle reminder*" dengan izin. "*Peringatan, adakah anda masih hendak meneruskan penamaan ini ataupun hendak tukar penamaan?*". Oleh sebab apa, selepas 10 tahun dia sudah kahwin dan dia sudah ada anak. Kalau jadi apa-apa pada dia, duit simpanan dia itu sepatutnya dapat pada isterinya, lebih mudah hendak mengerjakan apa-apa semua. Bukan emak dia lagi.

Begitu juga dengan ada orang, saya pernah tengok kes macam ini yang dia meletakkan penamaan kepada isteri dia, kepada emak dia dan anak-anak dia. Contohnya seorang isteri bekerja, dia letak penamaan caruman KWSP pada emak dia dan anak-anak dia, empat orang anak dia. Suami dia tidak ada. Tiba-tiba dia mati. Apabila dia mati, duit yang dapat ini katakan RM100,000, katakan lima orang, adakah dibahagikan lima orang, seorang RM20,000? Ataupun diikutkan faraid? Saya tidak jelas tentang perkara ini. Adakah penamaan yang kita letak itu, orang itu bukan untuk dapat duit semuanya tetapi adalah penama untuk melaksanakan faraid? Ini mesti *clear* sebab apa apabila terjadi kes begini, suami dia tidak dapat apa-apa. Mengikut hukum kita, adakah suaminya berhak juga dapat sebahagian daripada duit yang disimpan oleh isterinya?

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang saya ingin bertanya, saya ingat hendak bagi *clear* tentang perkara itu dan minta sangat KWSP memberi peringatan. Oleh sebab orang sudah lupa, dia sudah lupa. Dulu dia bubuh nama emak dia, sekarang dia sudah bertahun-tahun dia sudah lupa. Apabila dia mati, maka timbullah masalah.

Perkara terakhir yang ingin saya sebut ialah pandangan pencarum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kuala Selangor memang, sebab Kuala.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Petang-petang ini elok juga kita berkongsi. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, saya tertarik apabila Yang Berhormat Bagan Serai menyebut tentang KWSP islamik yang mencerminkan satu lagi pembaharuan dan juga satu perjuangan. *[Tepuk]* Yang mana dalam— dia menepuk ke saya ya? *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Seremban.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Berbalik kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Anggap tidak dengarlah tepukan itu.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Okey, terima kasih semua. Yang Berhormat Bagan Serai, saya cuma hendak berkongsi kepada – hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Apabila menyebut tentang KWSP islamik, yang saya lihat ini merupakan antara satu penambahbaikan yang sangat bererti khususnya apabila menjurus kepada Islam sebagai agama Persekutuan negara dan lebih-lebih lagi dengan pengenalan indeks syariah dalam negara kita. Setujukah Yang Berhormat Bagan Serai dengan adanya pengenalan KWSP islamik ini yang akan melonjakkan lagi negara kita dan mungkin ini merupakan sesuatu inisiatif yang mungkin pertama yang dilakukan oleh sebuah negara seperti Malaysia dalam dunia khususnya untuk pencarum-pencarum ini? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Satu perkara yang baik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya mohon dimasukkan dalam perbahasan saya ini. Sebab apa, ini adalah macam saya sebut pula tadi, apabila kita berusaha untuk melaksanakan perintah Allah SWT, ia akan menambahkan keberkatan dalam kehidupan kita. Jadi saya percaya benda-benda yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi akan menjadi kenyataan dan menyemarakkan lagi negara kita ini.

Perkara seksyen 43(1A) tadi, saya hendak bertanya tentang tanggungan mencarum majikan dan pekerja ini berdasarkan perintah gaji minimum. Perintah gaji minimum ini RM900. Semasa diperintahkan dulu ramai yang tidak bagi atas alasan macam-macam. Ini kerana katanya tidak cukup dan sebagainya. Jadi kita tidak tahu sebenarnya dia tidak cukup kah ataupun dia kedekut sangat hendak bagi. Oleh sebab kita – saya pernah sebut dahulu, kalau gaji minimum RM900, ia sebenarnya tidak cukup.

Sebenarnya majikan-majikan ini kalau boleh bagilah RM1,000, bagilah lebih daripada RM1,000. Kita jangan kedekut sangat sebab mereka pun bekerja untuk kita. Jadi RM900 tidak cukup tetapi saya dengar ada dalam perbahasan mengatakan ada sesetengah tempat majikan bagi RM600 dan potongannya tetap berdasarkan perintah gaji minimum. Ini rasa macam sudah tentulah siapa-siapa pun akan marah. Siapa-siapa pun akan marah. Gaji RM600 potong ikut RM900. Betul, majikan akan terpaksa bayar lebih. Akan tetapi bagi orang yang gaji RM600 tadi potong ikut RM900, adakah dia gembira? Ataupun adakah dia akan marah dan sebagainya?

■1550

Jadi ini melibatkan ramai kalau berlaku benda begini. Jadi sudah pastinya saya ingat kementerian yang berkenaan kena pastikan dahulu dia dibayar RM900. Barulah adil untuk orang yang dipotong untuk caruman yang lama. Lama mungkin dia akan bekerja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih lah beri saya peluang untuk berbahas. Yang Berhormat Bagan Serai menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 [Akta 452]. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Oleh kerana saya disampaikan mesej daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa *at the next opportune time* saya datang ke Parlimen, perlulah tanpa syarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Menarik balik dan meminta maaf apa saya kata dalam Parlimen hari Isnin. Tuan Yang di-Pertua, negara ini seperti dengan jerebu. Bukan sahaja jerebu tetapi *political* jerebu yang ada disebut oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Sekarang pun ada jerebu Parlimen.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Tan Sri Speaker cuma meminta Yang Berhormat untuk menarik balik dan meminta maaf. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya ada tunggu sehingga *Hansard* untuk ikut apa yang sebenarnya yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak perlulah Yang Berhormat Seremban...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Pada tengah hari kita ada dapat *Hansard*. Mengikut *Hansard*, Tuan Yang di-Pertua ada membuat pertuduhan bahawa saya ada pernah kata, “*You don’t have any power. You abuse your power. You deliberately stopped the Public Accounts Committee. You sabotaged the investigation.*”



Ini ada diulangi Tuan Yang di-Pertua apabila respons kemudian Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Utara dan saya sebut dalam *Hansard*, “*Yang Berhormat Gelang Patah telah mengatakan bahawa I deliberately abused my power. I sabotaged the investigation. Itu bermakna menghina kedudukan Speaker.*”

Yang pertama saya mahu sebut bahawa saya tak pernah kata “*deliberately*”. Tak pernah menggunakan perkataan “sengaja”, “*deliberately*” di mana-mana tempat.

Kedua, saya tidak cakap dalam fesyen... semacam saya memberi *reprimand* kepada Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya kata apabila saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang yang sedang berucap dalam perkara pelantikan Pengerusi untuk PAC ialah sama ada beliau bersetuju bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa di bawah peraturan mesyuarat untuk memberhentikan PAC daripada terus menyiasat mengenai 1MDB. Oleh kerana itu ini merupakan satu salah guna kuasa. Apa yang saya sebut ada dalam *Hansard* yang saya kata, adakah Yang Berhormat Sepang setuju itu satu salah guna kuasa yang Tuan Yang di-Pertua tidak patut berlaku. Ini merupakan satu sabotaj penyiasatan 1MDB, satu skandal besar antarabangsa.

Semalam Tuan Yang di-Pertua ada memberi hujah-hujah beliau terhadap tafsiran yang dibuat khasnya mengenai *Standing Order 82(1)* yang disebut bahawa, “*Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Majlis.*”

Dalam perkara ini, peruntukan ada dibuat tidak praktikal. *As far as possible as practical* tetapi ada dibuat tidak praktikal. Oleh kerana tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk buat promosi. Masa itu Pengerusi PAC dijadikan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Itu hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi sebab itulah ia mengganggu satu penyiasatan PAC dalam 1MDB yang sangat mustahak, satu perkara bukan sahaja sangat penting di dalam negara tetapi di antara dunia.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu tidak ada niat untuk *stall* penyiasatan PAC dalam skandal 1MDB, ada dua cara digunakan. Satu ialah untuk membenarkan, membiarkan PAC untuk diteruskan di bawah pimpinan Timbalan Pengerusi PAC masa itu oleh kerana ada cukupnya kuorum untuk meneruskan penyiasatan. Kedua, untuk mengadakan satu persidangan Parlimen yang khas untuk mengisi kekosongan supaya penyiasatan 1MDB boleh diteruskan. Semua kekosongan, bukan sahaja Pengerusi PAC tetapi tiga anggota lain yang dinaikkan pangkat sama ada menjadi ataupun Timbalan Menteri boleh dikosongkan supaya satu siasatan 1MDB begitu penting dan begitu perlu disegerakan dan tidak diganggu.

Itulah apa yang penting, oleh kerana saya setuju bahawa perkara ini tidak dilihat sebagai satu *game plan*, satu komplot untuk memberhentikan segala siasatan yang melibatkan bukan sahaja *sacking* Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu Yang Berhormat dari Pagoh. *Sacking Minister* untuk *Regional Development* Yang Berhormat daripada Semporna, *sacking* Tan Sri

Abdul Gani bin Patail sebagai Peguam Negara dan pembubaran *Special Task Force* dalam siasatan dua mega skandal, mengenai 1MDB dan RM2.6 bilion skandal derma.

Selain itu, perkara lain ialah usaha-usaha untuk melemahkan dan *undermine integrity*, kebebasan dan profesionalisme institusi-institusi yang penting seperti SPRM, Bank Negara, polis, Kamar Peguam Negara. Ini semua dalam kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk buat supaya 82(1) itu tidak dibuat, tidak *impractical*, seberapa boleh.

Akan tetapi oleh kerana tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tentulah sangat mustahak supaya Tuan Yang di-Pertua perlu untuk ambil kira betapa penting ada satu PAC yang utuh, satu PAC yang boleh dapat kepercayaan orang ramai dalam perkara yang penting seperti 1MDB tidak ada *delay*, tidak ada berhenti lebih daripada tiga bulan untuk siasatan. Itu pun tanggungjawab seorang Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya mahu sebut di sini ialah saya tidak ada niat – saya tidak setuju bahawa Peraturan Mesyuarat 77, Peraturan Mesyuarat 82(1), Peraturan Mesyuarat 82(2) memberi kuasa kepada Yang di-Pertua untuk memberhentikan siasatan PAC. Itu pandangan saya dan bahawa kesan keputusan Tuan Yang di-Pertua ialah untuk memberhentikan, tidak ada kuasanya Tuan Yang di-Pertua buat begitu. Kesan ialah bahawa salah guna kuasa, kesan ialah merupakan satu sabotaj.

Saya tidak berniat, *malicious* untuk apa-apa tuduhan terhadap Yang di-Pertua. Saya ada penuh hormat kepada *malicious* Tuan Yang di-Pertua tetapi saya tak pernah menggunakan perkataan bahawa beliau sengaja salah guna kuasa, sengaja beliau sabotaj penyiasatan 1MDB. Akan tetapi apa yang sangat jelas dari keputusan beliau kesannya ialah bahawa ada salah guna kuasa, bahawa adalah sabotaj mengenai penyiasatan 1MDB. Itulah pendirian saya *and I rest my case*.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu di hadapan kita sekarang ini ialah satu keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Speaker semalam untuk mengehendaki Yang Berhormat Gelang Patah menarik balik perkataan-perkataan yang digunakan seperti “sabotaj”, “*abuse of power*” yang diutarakan oleh Speaker semalam, tanpa syarat Yang Berhormat. Jadi, saya cuma boleh menerima sekiranya Yang Berhormat menarik perkataan-perkataan ini...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Let me answer this first.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *Okay.*

## ■1600

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jika tidak, bererti Yang Berhormat tidak berhasrat untuk menariknya tanpa syarat, itu keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam. *Argument* Yang Berhormat tentang perkara lain itu tidak- bukan isu yang di hadapan kita ketika ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit. Oleh sebab semalam semasa Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat dan membuat hujah di sini meminta Yang Berhormat Gelang Patah untuk menarik balik hujahnya pada hari Isnin lepas dan memohon maaf tanpa syarat. Beliau secara jelas mengatakan bahawa memberikan ruang dan peluang kepada yang Yang Berhormat Gelang Patah, *at the next opportune time* untuk memberikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Sebelum usul dikemukakan oleh pihak kerajaan tetapi hari ini tadi Yang Berhormat Pengerang telah mengemukakan usul untuk menghukum Yang Berhormat Gelang Patah. *This is a tyranny, brute majority*, Eksekutif yang tidak menghormati kerusi Tuan Yang di-Pertua yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua yang minta supaya Yang Berhormat Gelang Patah memberikan penjelasan sebelum apa-apa usul dikemukakan. Akan tetapi usul ini telah dikemukakan sebelum pun Yang Berhormat Gelang Patah masuk di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan penjelasan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Niat jahat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *This is brute majority, it is a tyranny, jump the gun.* Mana boleh macam ini? Usul telah dikemukakan. Pemberitahu usul sudah dikemukakan, ini sesuatu yang keterlaluan. Yang Berhormat Gelang Patah tidak sampai 24 jam sudah sampai sini untuk memberikan penjelasan. Mengapa usul ini dikemukakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, semalam- itu yang saya telah kata tadi. Yang Berhormat Seremban perlu yakin dengan Yang Berhormat Gelang Patah, dia boleh bawa kes ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bukan, bukan saya tidak yakin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Akan tetapi dia bagi penjelasan dulu sebelum usul ini. *The question is the usul.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah, bila Tuan Yang di-Pertua cakap, duduk, tidak payah marah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Mengapa usul dikemukakan oleh Menteri. Ini tidak menghormati kerusi Tuan Yang di-Pertua, Eksekutif yang tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua buat petua, Yang Berhormat Gelang Patah masuk Dewan bagi penjelasan dahulu sebelum usul dikemukakan tetapi usul ini dikemukakan sebelum Yang Berhormat Gelang Patah masuk. *What it is, apa ini?*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta Menteri beri penjelasan?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *This is conspiracy*, memang Eksekutif telah menghukum Yang Berhormat Gelang Patah, walaupun sebelum penjelasan diberikan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Minta Menteri beri penjelasan. Kenapa masukkan usul sebelum beri peluang Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ini agenda politik, muslihat kerajaan, muslihat Eksekutif hendak menghukum Yang Berhormat Gelang Patah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya mendengar semalam, sebab itu saya ulang balik. Saya mendengar semalam, Tuan Yang di-Pertua- duduk Yang Berhormat. Tak payah marah Yang Berhormat. Saya mendengar semalam keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk memberi *the first oppurtune time*, masa peluang terdekat sekali untuk memberi penjelasan dan menarik balik perkataan-perkataan yang digunakan, itu saya masih pegang. Saya pegang itu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ya, tapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tanpa syarat dia kata, Tuan Yang di-Pertua kata semalam tanpa syarat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ya, Yang Berhormat Gelang Patah belum masuk dan dia belum masuk Dewan...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, *what do you mean by best oppurtune time?*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Oleh sebab semalam semasa Tuan Yang di-Pertua membuat hujah tersebut dan permintaan tersebut, Yang Berhormat Gelang Patah *on the way* pergi *airport*, dia balik Penang. Pagi ini sebab jerebu, kapal terbang tidak boleh berlepas dari Pulau Pinang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya masih pegang, Yang Berhormat Seremban...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sekarang baru masuk. Mengapa usul telah dikemukakan? *This is jump the gun* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You are not listening...*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *This is not gentlemen.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...apa yang saya cakap ini, tak dengarkah? Tidak mahu dengarkah? Kalau tidak mahu dengar- saya masih berpegang kepada keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua semalam, yang terkini. Bahawa Yang Berhormat Gelang Patah diminta untuk menarik semula perkataan-perkataan yang dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana dia mahu tarik balik kalau *motion*...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *The question is that* dia belum masuk lagi. Sudah *jump the gun whether* dia tarik balik atau tidak. Akan tetapi sebelum dia tarik balik, sebelum dia masuk beri penjelasan, usul telah dikemukakan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Pagi ini Menteri sudah kata ada satu usul telah pun ditandatangani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat mana macam ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tiang gol sudah berubah. *Shifting the goal post. Shifting the goal post.* Tiang gol sudah berubah.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini kena tarik balik ini, ini niat jahat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, usul ini sampai ke meja kami lebih awal daripada kehadiran Yang Berhormat Gelang Patah. Saya berada semalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya pun baru nampak usul ini

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Semalam saya berada semasa Tuan Yang di-Pertua- Sekejap. Tuan Yang di-Pertua berucap semalam dia menyatakan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia bukan soal tarik balik sekarang ini, soalnya sama ada Yang Berhormat Gelang Patah bersedia untuk...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tak, soalnya sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...untuk menarik balik perkataan-perkataan yang dikata terhadap Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Akan tetapi diberitahu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi tadi diberitahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu soalnya. Oleh sebab itu tadi, bila Yang Berhormat Gelang patah bangun saya tanya, saya ingatkan bahawa urusan Tuan Yang di-Pertua itu adalah untuk menarik balik tanpa syarat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Betul, itu tiada siapa yang mempertikaikan tetapi sekarang soalnya ialah Yang Berhormat Gelang Patah belum bagi apa-apa pun penjelasan sedangkan usul sudah diterima untuk dibahas. Jadi, bagi kami ini adalah satu yang tidak ikut prosedur dan tidak memberi keadilan kepada Yang Berhormat Gelang Patah seperti yang dijanjikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Gelang Patah tarik balik tanpa syarat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dah tahu sudah, saya dah tahu keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam tarik balik tanpa syarat. Saya tak mahu Yang Berhormat Gelang Patah...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia usul keputusan Tuan Yang di-Pertua berhubung usul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan pergi ke debat itu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Keputusan Tuan Yang di-Pertua berhubung usul, usul setelah selepas Yang Berhormat Gelang Patah masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak faham kah Yang Berhormat ini? Saya kata saya berpegang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukan kita tak faham, Menteri yang tak faham. Bukan kita tak faham, Menteri yang tak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dengar saya cakap. Yang Berhormat, saya kata saya masih pegang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam. Duduk, bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, duduk.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Timbalan Yang di-Pertua berpegang tetapi Menteri tidak berpegang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya kata saya masih berpegang, tak faham kah ayat saya ini?

*[Dewan riuh]*

Saya pegang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua. Duduk, duduk dulu, sebab *it doesn't arise*, tak berbangkit perkara ini lagi. Saya pegang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam. Dia kata, Tuan Yang di-Pertua kata, dia bagi peluang yang terdekat kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk menarik balik perkataan tanpa syarat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kalau tidak, maka selepas itu usul akan dibuat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Usul sudah dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tahu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *With due respect*, Timbalan Yang di-Pertua tahu tetapi Menteri tidak tahu...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab itu saya panggil SUDR untuk perjelasan kedudukan ini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa hendak marah.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kita tidak marah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bagi Menteri jelaskanlah. Menteri ada.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kita tidak marah. Kita tidak mahu perkara ini berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk. Yang bangun macam ini pun tidak ikut peraturan. Duduk. Duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk. Duduk Yang Berhormat. Tidak apa, saya akan minta penjelasan. Pasal usul, saya minta penjelasan. Saya pegang kepada Tuan Yang di-Pertua semalam dia kata bagi *opportune time*.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekarang bukan masalah Timbalan Yang di-Pertua, masalahnya Menteri yang...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *It's already decided* sebelum membentangkan usul ini. Sepatutnya usul ini ditarik balik. Yang Berhormat Gelang patah diberi peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah pun tidak tarik secara...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah cakap ramai-ramai macam ini. Tidak payah cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You have to read the hansard.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Very clear.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Very clear.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I know. I know. I understand. I understand.* Saya faham.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengemukakan usul ini dengan niat yang jahat. Kena tunggu penjelasan dari Yang Berhormat Gelang Patah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Katalah Yang Berhormat Gelang Patah tarik balik contohnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, usul sudah ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia, usul boleh tarik balik.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*...tarik balik! Tarik balik!

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Gelang Patah tak tarik balik, tanpa syarat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Minta dia tarik balik usul ini, supaya menjaga martabat Dewan ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua.

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jaga martabat Dewan, jaga martabat Dewan sesuailah dengan keputusan Speaker agar Yang Berhormat Gelang Patah tarik balik tanpa syarat. Itu jaga martabat Dewan juga.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua tidak membaca keputusan Speaker secara penuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya nampak, saya tahu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Keputusan semalam meminta menarik balik. Jika tidak, dia akan minta sebelah sana untuk membuat usul. Itu keputusannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham Yang Berhormat Kuala Krai. Sebab itu saya kata saya minta penjelasan daripada SUDR mengenai perkara ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Itu keputusan dia. Panjang keputusan dia, bukan separuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ia bersyarat keputusan dia itu. Tapi nampaknya...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, yang patut digantung jawatan itu Menteri kerana dia menghina proses undang-undang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini Menteri menyusulkan usul ini dengan *mala fide*, Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini Menteri tak ikut perintah Speaker.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua sudah arahkan keluarkan usul ini sebelum Yang Berhormat Gelang Patah membuat penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh tarik ini dulu, *and then* lepas itu baru...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Speaker kata doktrin pengasingan kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa bangun macam ini?



**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Dia eksekutif. Mana boleh dia hina institusi perundangan. Maka, yang patut digantung jawatan ialah Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana Yang Berhormat Pengerang ini? Tarik baliklah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan. Jangan buang masa. Apa keputusan Tuan Yang di-Pertua?

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat keputusan. Saya pun ingin penjelasan daripada Setiausaha Dewan Rakyat tentang perkara ini kerana kita masih pegang...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sebentar.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik itu usul dahulu baru bincang.

*[Dewan riuh]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Wah, Tan Sri datang dengan fesyen baru ya, Tan Sri.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Menteri telah melanggar prinsip yang telah ditetapkan oleh Speaker semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang berdiri itu duduk. Terima kasih kerana Yang Berhormat Gelang Patah ada. Saya sengaja tidak mempengerusikan mesyuarat pada ketika ini kerana saya tahu Yang Berhormat Gelang Patah mungkin datang.

Yang Ahli-ahli Berhormat teriak-teriak ini, pemberitahu usul, notis. Kerana, seandainya Yang Berhormat Gelang Patah tidak ikut arahan saya, ini notis supaya esok boleh bahas. Ini bukan usul. Pemberitahu.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, sama. *The effect is the same.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya masih bercakap, Yang Berhormat Bagan. Belum saya menjemput untuk berdiri. Begitu juga dengan yang lain-lain. Kalau umpamanya Yang Berhormat Gelang patah ikut apa arahan saya kelmarin, yang ini boleh buat begini... *[Merenyukkan kertas notis]* Kerana tidak timbul. Kerana, dalam peraturan mesyuarat, apa pun kesilapan, kalau minta maaf, *that is the greatest cure.* Atau tarik balik. Bukan kita di sini mahu tunjuk siapa berani.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sudah *mala fide.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana kita semua ini berani. See. Jadi macam mana?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan. Notis. Kerana kalau tidak ada notis, selepas itu Yang Berhormat Gelang Patah tidak mohon maaf seperti yang saya arah, kalau

kerajaan mahu bahas esok kerana esok sudah *Thursday*, bermakna perlu notis lagi sampai *Monday*? [*Dewan riuh*] Jadi biarlah kerajaan yang atur.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, belum saya habis cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I am confused. I am confused.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya belum habis cakap. Peraturan Mesyuarat 42, sewaktu Speaker bercakap, tidak ada siapa yang boleh berdiri dan tidak ada siapa yang boleh berhujah kecuali bernafas, boleh. [*Ketawa*]

Jadi, ini adalah pemberitahu usul. Pemberitahu usul, notis. Bukan usul. Notis. Jadi, kalau ada notis begini, alangkah baik bagi pembangkang kerana sudah tahu apa sebenarnya yang akan dibahas. *You know already what is the charge. Is it good for you? Of course you will say no.*

*Now*, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lagi soal prosedur. Yang menentukan prosedur betul atau tidak adalah Speaker. Bukan Yang Berhormat Shah Alam, bukan Yang Berhormat Kepong, bukan Yang Berhormat Gelang Patah biar pun dia bertahun-tahun di sini. Bukan. Kerana Peraturan Mesyuarat ada mengatakan yang menentukan taksiran peraturan mesyuarat adalah Speaker. Betul atau tidak, buat usul di bawah P.M.43. *Clear. It is in Dewan Rakyat*, bukan buat *press statement* di luar ataupun berpolemik, berpolitik. *This is Parliament. I got to safeguard the integrity of the Chair.*

*If* Yang Berhormat Gelang Patah dia berselindung daripada cakap dia nanti- dia ada di sini, saya ucap terima kasih. Kalau saya tidak ambil tindakan kepada Yang Berhormat Gelang Patah seperti yang saya sebut kelmarin, saya tidak boleh lagi duduk di sini untuk mengarahkan Ahli-ahli Yang Berhormat apabila ada Ahli Yang Berhormat yang berhujah seperti kelmarin ada seorang Menteri yang kata tiang bodoh, saya tidak boleh buat lagi. *Because*, bermakna *I am creating a double standard to the first degree. I can't do it anymore. I would not sit here.*

Bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bertengkar, bawa senjata, dilempar sesama sendiri *because* tiada sudah peraturan mesyuarat. Kerana, apabila saya tidak ambil tindakan kepada Yang Berhormat Gelang Patah, seorang Yang Berhormat yang *almost become the permanent features of Parliament*, bermakna diri saya *double standard in Malaysian Parliament*. Ini Speaker boleh menghalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru tapi dia kecut dan dia takut kepada Yang Berhormat Gelang Patah.

**Seorang Ahli:** Siapa cakap?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dalam *Hansard* tak ada orang cakap begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma berhujah begitu sebagai satu andaian, persepsi di luar sana.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Banyak sangat andaian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bermakna sekarang ini kita selesaikan perkara ini. Ini cuma keputusan saya, notis pemberitahuan usul...

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemberitahuan. Jadi kalau...

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak lagi saya layan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri kerana Yang Berhormat Gelang Patah ada. Saya mahu dengar hujah daripada Yang Berhormat Gelang Patah. Sila.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah. Itu keputusan saya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bukan. Bolehkah saya minta penjelasan kerana di sini bukanlah pertikaian tentang keputusan ataupun arahan yang dibuat Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ialah kita mempertikaikan Kerajaan Barisan Nasional, mengapa boleh keluarkan satu usul apabila Yang Berhormat Gelang Patah belum buat sesuatu keterangan? Ini macam seorang hakim telah tetapkan tarikh untuk buat *sentencing* sebelum dapat tahu sama ada penghakiman itu diputuskan atau tidak. Ini tidak kena. Ini mala fide, Tuan Yang di-Pertua.

Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua, apa-apa keputusan Tuan Yang di-Pertua buat, itu mengikut budi bicara Tuan Yang di-Pertua, tetapi dari segi prosedur, ini salah. Ini macam hukum sebelum sesuatu keterangan diberikan. Ini yang saya minta. Saya minta itu sahaja. Bahawa Yang Berhormat Menteri tarik balik usul ini. Selepas ini, sekiranya Yang Berhormat Gelang Patah tidak tarik balik, minta maaf, boleh usul sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tak jadi masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, boleh Yang Berhormat duduk dulu?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam pemberitahuan itu, disebut di sana apa dakwaan yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Usul ini belum pun diterima untuk dibahas. Cuma notis. [*Disampuk*] Adakah Ahli Yang Berhormat daripada... Ada kementerian yang buat usul? Sudah bentang tadi? Ada bentang?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada bentang, bermakna Ahli Yang Berhormat Gelang Patah boleh sahaja bercakap bahawa saya tidak berniat, bahawa saya minta maaf *unconditionally*, kerana kalau Yang Berhormat persoalkan prosedur ini juga yang dia juga tidak salah mengikut saya, Yang Berhormat Gelang Patah apa yang dia cakap kelmarin, itu yang kamu dibenarkan? Biarlah kita bahas, suruh bahas jangan bagi soal pasal *technicalities*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua tidak *fair* lah begini, *very unfair*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...saya merujuk kepada usul yang dibuat oleh Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. *Can you please sit down first.* Yang Berhormat Sepang, *sit down.* Saya punya arahan kelmarin *the first opportunity.* Ada dua, in the morning, Yang Berhormat Gelang Patah boleh datang, kalau boleh saya panjang lebarkan dua orang wakil rakyat daripada DAP datang jumpa saya, satu Yang Berhormat Seremban, satu Yang Berhormat Seputeh. *They know my stand.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk. Yang lain jangan masuk campur kerana ini adalah integriti kerusi Speaker tidak kena-mengena dengan orang yang lain. Ada dua orang ahli Yang Berhormat DAP datang berjumpa dengan saya. Saya tidak ada niat untuk dedahkan ini, kerana buat apa? Kita dilihat oleh orang luar. Bermakna Yang Berhormat Gelang Patah tahu apa mesej saya kelmarin, mesti datang. Apabila dia tidak datang *in the morning, in other words, that is not the first opportunity he knows because...* *[Disampuk]* Ahli Yang Berhormat yang lain, boleh duduk.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk! Yang Berhormat Seremban duduk. *You see, saya cuma memberi muka, sebelum ini Tun Zahir tidak pun ada panggil Yang Berhormat Batu Gajah untuk explain, never in our precedent. I only do it because I am trying to solve how things to be done.* *Then,* apabila Yang Berhormat Gelang Patah tidak sampai, saya faham kenapa Menteri bawa usul, *because the first opportune time* tidak ada.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Atas arahan Speaker atau usaha sendiri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada diarah, itu sebab saya tidak ada.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya berterima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Semalam Speaker kata. *[Disampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Semalam Speaker kata Speaker tidak diarah tapi itulah sebabnya kita hendak tanya Menteri. Mengapa menteri boleh jangkakan? Mengapa Menteri boleh *out to get* Yang Berhormat Gelang Patah? Dengan keluarkan notis memberitahu usul sebelum diberi peluang berikan keterangan tanpa keizinan Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab Yang Berhormat Menteri kena tarik balik. Dia sudah tidak akur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau pun Yang Berhormat berkata begitu tarik balik, saya juga mengatakan bahawa sama ada boleh tarik balik atau tidak kerana saya juga yang jemput usul.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *Just put on record.* Betul saya jumpa Tuan Yang di-Pertua semalam bersama dengan Yang Berhormat Seputeh. Ini bukan pertemuan sulit. Saya boleh mengaku saya berjumpa dengan Speaker untuk lihat bagaimana kita menyelesaikan masalah ini tetapi saya tidak boleh memberikan penjelasan bagi pihak Yang Berhormat Gelang Patah. Keputusan beliau sama ada mahu tarik balik adalah keputusan Yang Berhormat Gelang Patah dan *first opportune time* ialah beliau hadir hari ini. Pagi ini tidak boleh hadir sebab Pulau Pinang ada jerebu. Kapal terbang tidak boleh terbang. Baru sampai petang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat di sana duduk.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap *to be fair*. Tuan Yang di-Pertua cakap ialah lepas penjelasan diberikan Yang Berhormat Gelang Patah sama ada beliau tarik atau tidak, kalau tidak tarik balik, Tuan Yang di-Pertua akan minta Menteri keluarkan notis, kemukakan usul. Sekarang, belum lagi bagi keterangan, belum lagi penjelasan, belum lagi tahu Yang Berhormat Gelang Patah nak tarik atau tidak, notis telah dikeluarkan. *This is not something that...* ini tidak menunjukkan satu kredibiliti di kerusi Speaker sebab Menteri tidak menghormati kredibiliti apa yang dikatakan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat-yang lain, saya mendengar hujah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya cukup hormat Tuan Yang di-Pertua. Kita jumpa Tuan Yang di-Pertua semalam baik, tadi mesyuarat pun saya tidak cakap apa-apa. Kita hormat kerusi Speaker. *You* boleh buat apa-apa keputusan, tetapi bila kredibiliti...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Okay, please stop there, before all the bills are out. Sit down.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *Okay, I'll sit down. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kita buat sebagai satu pengajaran. Kalau sewaktu Tun Zahir dahulu, soal pasal mempertikai 18(1) pun diambil tindakan enam bulan. Saya tidak. Speaker sekarang ini dia ikut trend 2008 sampai sekarang... *[Disampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagus, bagus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, kalau Yang Berhormat buka mulut lagi saya akan tidak teragak-agak menggunakan Peraturan Mesyuarat 43. Dengar baik-baik, kita buat satu iktibar, kalau ada kesalahan *say sorry*, saya tarik balik. Saya dengar. Semua saya dengar. Saya sudah bagi contoh. Okey, kalau itu yang dipertikaikan kerana prosedur seperti yang disebut, saya boleh arah Menteri untuk tarik usul kerana hendak menarik usul ini, akta pun yang telah dibaca pun boleh ditarik apa lagi usul. *No problem.*

Akan tetapi selepas daripada ini, jangan lagi pertikai dan jangan lagi timbulkan masalah seperti ini oleh kerana ekor daripada hujah yang tidak boleh *dicontrol*. Kalau tidak itu yang *what happened*. Kalau *Chair* tidak kena *accused*, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah, adakah perkara ini timbul? Tiada. *Can you imagine and repeat again* Yang Berhormat Gelang Patah *what I said yesterday? It is up to the Chair to the force degree deliberately, stop sabotage the investigation of Public Accounts Committee (PAC) then somebody interpret the procedure. Siapa yang interpret?*

*If Yang Berhormat Kepong wants to proceed with the mesyuarat* Ahli Yang Berhormat Kepong *is the one interpreting* Peraturan Mesyuarat 77(3). *Under what Peraturan Mesyuarat that Yang Berhormat Kepong can interpret? If Yang Berhormat Gelang Patah's interpretation is correct, under what procedure that you are using? Baca segala buku. Baca House of Commons in procedure di Kanada, pasal committee. Do not interpret it again, I will ask the Minister to tarik usul lepas itu saya dengar Yang Berhormat Gelang Patah punya hujah. Okey?*

**Beberapa Ahli:** Okeyyy.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Menteri, tarik usul.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menarik 'pemberitahu usul bawah 27', tapi hendak memberitahu sedikit Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gelang Patah mempunyai peluang daripada semalam nak bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua dari 11.30 dia tak cakap..

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sudah tarik balik, sudahlah. Sekian, terima kasih. Kita kena ikut undang-undang.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** ...dia cakap seolah-olah kerajaan...masalah Gelang Patah. Dia tidak menghormati kerusi Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah tiada imuniti kepada sesiapa di dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Gelang Patah sebagai orang lama perlu lebih bertanggungjawab dan berperangai elok dalam Dewan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Usulkah, pemberitahu usul kah, sudah ditarik dan dari kerajaan. Bermakna *nothing wrong with it. Nothing wrong*. Sekarang saya mahu dengar Yang Berhormat Gelang Patah, yang Cuma saya mahu dengar bukan hujah, saya mahu dengar, tarik balik kah atau tidak. Saya tidak mahu dengar hujah kerana hujah itu nanti apabila usul diterima maka barulah berhujah. *No* hujah oleh kerana *Hansard* saya yang duduk sini. Saya ini *Hansard*, telinga saya ini *Hansard*. Tidak lagi perlu baca *Hansard*. Sila Yang Berhormat Gelang Patah, tarik balik *unconditionally* kah atau pun... *[Disampuk]* Sudahlah Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang berhujah itu adalah kemudian. Apabila keputusan dibuat kerana apa pun hujah beliau, seperti keputusan saya kelmarin.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia sudah berhujah tadi. Dia telah menyampaikan pandangan.

*[Dewan riuh]*

■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Beliau sudah berhujah tadi, beliau sudah menyampaikan pandangan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd Sadique]:** Yang Berhormat duduklah.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dan dia tidak mengatakan dia bercakap di dalam itu kepada ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Alasan itu seperti alasan yang dibuat oleh seorang Menteri kelmarin. Dia nampak tiang-tiang bodoh. Saya juga suruh dia tarik balik.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, *can you seat* Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tangguhkan, 4.30 sudah. Mesyuarat sudah ditangguhkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya juga tahu kalau misal kata, saya tahu Yang Berhormat, saya tahu boleh lebih satu dua minit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Mana boleh, tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, saya beri masa kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk berfikir sehingga bersidang lagi balik, bahas dahulu ini jerebu. Ini juga sebagai satu pengajaran kepada kita jerebu ini. Saya dikatakan bahawa saya tidak membenarkan usul di bawah 18(1) tetapi oleh kerana jerebu saya nampak bahawa perlu untuk dibahaskan walaupun dia boleh dibahaskan pada ketika Bajet, saya juga benarkan. Bermakna saya ini bukanlah diktator, bukan tidak mengamalkan demokrasi, bukan salah sangka setiap kali. Bukan setiap kali buat keputusan ikut telunjuk Perdana Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sementara menunggu untuk dibahaskan agenda lain itu, saya tunggu dahulu Timbalan Yang di-Pertua untuk masuk gantikan saya kerana saya pun perlu pergi tandas di kamar kecil juga. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Pasal Hansard Tuan Yang di-Pertua, fasal Hansard.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bawa bertenang. Yang Berhormat Gelang Patang tarik nafas bagus-bagus, apa benda yang harus dibuat yang lain itu tarik nafas juga. Saya akan tarik nafas panjang-panjang. *[Tuan Yang di-Pertua menarik nafas panjang]* *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Menyampuk]* keep it up.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, hendak buat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua hebat lah Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Jangan tarik ke luar, ada jerebu.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua tarik nafas dahulu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya setiausaha, yang lain duduk ya.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M. 18(1)**

**MASALAH JEREBU**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.33 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Petaling Jaya Selatan sila kemukakan usul. Sila.

**4.33 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membentangkan usul hendak meluluskan usul untuk membahaskan masalah jerebu yang melanda di Malaysia di mana masalah berterusan bertahun-tahun sejak 1983 dan masalah jerebu ini menyebabkan ekonomi dan juga kesihatan rakyat Malaysia terjejas.

Dengan hari ini kita nampak, sebelum itu pun ada berlaku penutupan lapangan terbang. Bukan setakat di Pulau Pinang tetapi juga berlaku di Subang, Alor Setar dan juga Kota Kinabalu dan juga masalah yang penting saya rasa yang membawa ketidakselesaan dan menyusahkan ibu bapa kerana penutupan sekolah-sekolah dan juga pelancong-pelancong mereka tidak mahu datang Malaysia kerana masalah jerebu dan juga penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga, perniagaan mereka teruk sangat. Pendapatan mereka berkurangan lebih kurang 35% sehari dan juga nelayan-nelayan tidak dapat keluar untuk menangkap ikan kerana semasa jerebu mereka tidak nampak, kerana *visibility* yang amat teruk, mereka takut keluar ke laut.

Saya rasa masalah-masalah ini berlarutan, tidak ada penyelesaian di mana masalah kita macam kita menerima hakikat ini. Setiap tahun berlaku, kita terima sahaja. Kita tidak pandang perkara ini sangat serius dan tidak beri keutamaan. Kita macam menerima apa yang berlaku setiap tahun. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kaedah, alat pengukuran IPU ini, Indeks Pencemaran Udara. Kita sekarang masih guna kaedah yang *outdated*. Kita masih mengukur zarah yang bersaiz 10 mikron ke bawah atau pun pm 10 akan tetapi di *Singapore*, bahkan Indonesia mereka menggunakan kaedah yang lebih canggih daripada Malaysia. Mereka menggunakan pm2.5 mengukur mikron saiz yang berzarah 2.5 mikron ke bawah.



Saya dapati menteri ada kata mereka sudi untuk menggunakan kaedah ini tetapi pada tahun 2017. Tahun ini hanya tahun 2015, mengapa kita tidak guna pada tahun depan tahun 2016? Mengapa hendak tunggu sampai dua tahun lagi 2017? Adakah kita kekurangan bajet untuk beli alat-alat ini atau kita belum bersedia lagi? Akan tetapi kalau Indonesia, *Singapore* boleh guna mengapa Malaysia tidak boleh? So, saya harap Yang Berhormat Menteri beri jawapan tentang perkara ini dan juga saya...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Mohon pencelahan boleh?

**Tuan hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh celah, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Saya sebenarnya menyokong kuat usul ini kerana sekolah pada minggu ini juga ditunda, tutup sehinggalah hari Jumaat dan kebanyakan peperiksaan yang dijadualkan bermula hari Isnin terpaksa ditunda juga. Saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang sebentar tadi menyebut tentang ukuran yang begitu tajam dan menyeluruh dilakukan oleh kerajaan Singapura. Kerajaan Singapura juga telah menggesa agar senarai 286 syarikat yang bertanggungjawab disenaraikan oleh kerajaan Indonesia itu diberikan kepada Singapura.

Saya ingin tanyakan pendapat Yang Berhormat daripada segi adakah penting bagi kerajaan Malaysia melakukan perkara yang sama dan keduanya Singapura juga meluluskan *The Transboundary*, dengan izin *Haze Pollution Act Singapore* yang membolehkan Kerajaan Singapura ambil tindakan syarikat yang bertanggungjawab walau di luar negara tersebut dan memberi atau menyaman mereka lebih kurang SD70,000 sehari. Jadi, saya fikir dua cadangan utama ini satu di peringkat undang-undang, satu lagi daripada segi senarai yang harus kita gesa diberikan oleh Singapura saya pohon pendapat Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, saya amat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Di *Singapore* mereka ada satu rang undang-undang. Mereka boleh membawa syarikat yang beroperasi di Indonesia yang membuat pembakaran secara terbuka, membawa pemilik ke *Singapore* untuk menjalankan hukuman. Saya difahamkan Menteri juga ada kata Malaysia sedia.

So, adakah Menteri akan membawa rang undang-undang ini pada sesi ini untuk kita ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di Indonesia yang membuat pembakaran secara terbuka supaya ada rang undang-undang ini boleh bawa mereka ke Malaysia menjalani hukuman? Ini kena tegas. So, kalau hendak buat perkara ini, cepat jangan tunggu tahun depan. Buat sekarang, kita ada dua bulan di sini.

Saya juga hendak minta penjelasan penutupan sekolah di Malaysia ini amat-amat menyusahkan ibu bapa.

#### ■1640

Setiap kali tutup, ibu bapa pening sudah sebab mereka bekerja. Siapakah hendak jaga anak-anak mereka di rumah? Ukuran indeks kita guna tidak sama dengan Singapura. Kalau ikut

Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan IPU lebih 200 semua sekolah tutup tetapi di Singapura 300 bacaan indeks itu. So, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri kaji balik apakah nilai indeks IPU yang paling sesuai untuk sekolah ini ditutup. Saya rasa 200 ini tidak ketara sangat, 200 ini setiap hari boleh dapat, boleh capai indeks ini.

Akhir sekali saya hendak minta Yang Berhormat Menteri ....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah pun menyarankan supaya satu tindakan kepada syarikat-syarikat pertanian dari Malaysia yang beroperasi di sana untuk diambil tindakan ataupun diambil tindakan mahkamah dan sebagainya.

Akan tetapi kerajaan selalu berhujah dia kata bahawa syarikat-syarikat itu hanya 3% sahaja yang menyumbang. Kalau tidak silap disebut oleh Yang Berhormat Menteri terlalu kecil. Akan tetapi isunya bagi saya bahawa ia bukan soal kecil tetapi syarikat-syarikat ini mengambil kesempatan seperti Sime Darby, IOI, KLK, Genting, FELDA, Bousted, IJM dan TSH Resources, syarikat ini mengambil kesempatan untuk mengurangkan perbelanjaan mereka untuk membersihkan hutan mereka itu. Kalau dibersihkan secara formal, Rp17 juta satu hektar.

Akan tetapi kalau suruh orang pergi bakar Rp1 sahaja. Jadi makna sepatutnya dengan keadaan kesihatan kita yang tercemar akibat ini sepatutnya syarikat-syarikat ini seharusnya membayar ganti rugi kepada rakyat Malaysia.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Saya hendak memohon penjelasan ataupun pandangan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan berkaitan dengan isu undang-undang yang dibangkitkan iaitu keperluan mengadakan satu akta yang khusus. Apa yang penting saya percaya selain daripada itu adalah penguatkuasaan. Jerebu kali ini berlaku dalam keadaan Malaysia memimpin ASEAN.

Jadi saya mahu tanya ataupun minta penjelasan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan adakah kita bersetuju untuk mengemukakan kepada kerajaan apakah tindakan kerjasama yang tegas, yang bersifat jangka panjang yang telah pun ada di dalam menu Pengerusi ASEAN pada ketika ini, yang pertama.

Kedua, semalam Menteri ada keluar kenyataan dilaporkan di dalam media bahawa ada dua buah pesawat kita yang telah dihantar untuk membantu kemudian patah balik kerana untuk urusan *service* dan sebagainya dengan izin. Kemudian diberitahu sekali lagi pesawat itu hanya akan dihantar kalau Yang Amat Berhormat Pekan setuju. Jadi saya tidak faham apakah kita hendak main-main dalam isu ini atau ada perkara yang di sebaliknya yang kita tidak tahu. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sedikit.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak jawab dahulu. So, saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Bukit Katil. So, saya harap kedua-dua pandangan ini boleh masuk dalam ucapan saya.

Saya hendak sarankan Kerajaan Malaysia ini kita perlu tegas terhadap Indonesia ini. So saya sarankan supaya ada satu badan ditubuhkan untuk mengira, mengenal pasti ganti rugi. Kita hendak minta pampasan dari Indonesia ini sebab ekonomi kita terjejas, masalah kesihatan. Kita perlu pastikan pampasan yang perlu kita tuntutan dari Indonesia. Kalau tidak selalu berlaku macam kita sangat boleh menerima hakikat ini. So saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Soalan saya adalah berkenaan dengan berapa ramai individu yang menjadi mangsa jerebu? Bilangan yang masuk dalam hospital dan bilangan yang meninggal dunia akibat jerebu?

Ramai kini meninggal dunia akibat dikatakan *scientific terms* iaitu macam sesak nafas ataupun asma, semput akan tetapi tidak dikaitkan dengan jerebu *per say*. Itu adalah masalah sekarang. Jadi saya ingin menuntut berapa ramai yang dikenal pasti telah dimasukkan ke hospital akibat jerebu atau telah meninggal dunia akibat jerebu secara spesifik. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Saya hendak sebut dua benda. Satu masalah ini telah berlangsung dari tahun 1990-an. Tahun 1997 dan tahun 1998 kita pernah hantar pasukan bomba kita ke Indonesia. Saya hendak tahu kenapa kita tidak terus hantar? Apa kejayaannya dahulu? Itu satu.

Keduanya, kita juga pernah banyak kali menyebut tentang syarikat-syarikat yang terlibat dan tetapi tidak jelas apakah yang telah kita lakukan iaitu syarikat Malaysia yang terlibat dan syarikat-syarikat antarabangsa yang terlibat dan pembakaran hutan tadi. Jadi itu minta penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sedikit. Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, saya ingat tidak perlu panjang-panjang. Beri peluang kepada kawan kita yang lain.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, so saya sangat setuju sangatlah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita hendak statistik pesakit-pesakit yang masuk hospital yang menerima rawatan. Itu saya rasa kita tuntutan pampasan daripada negara Indonesia. Mengapakah kita hendak buang duit kita? Ini bukan masalah kita tetapi macam kita terima hakikat, kita terima masalah ini. So saya mohonlah

Yang Berhormat Menteri beri satu jawapan yang konkrit macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanah Merah lima minit.

**4.46 ptg.**

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ketika kita sedang membahaskan usul tergepar ini di luar sana, jerebu terus menyelubungi negara kita. Berdasarkan kenyataan Jabatan Alam Sekitar hari ini sehingga pukul sembilan pagi tadi kualiti udara dilaporkan semakin buruk dengan 29 buah kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat sementara Shah Alam mencatat bacaan sangat tidak sihat 206. Sementara itu Kuala Lumpur mencatat bacaan IPU 171. Empat kawasan dikesan pada kategori tidak sihat sejak pukul 10 malam tadi iaitu Pelabuhan Klang–200, Putrajaya–189, Banting–186, Petaling Jaya–183 yang menghampiri paras yang sangat tidak sihat.

Dalam masa yang sama seperti mana yang kita maklum sebanyak seperti mana dibangkitkan sebentar tadi 2,528 buah sekolah di beberapa buah negeri terus ditutup kerana masalah jerebu. Saya percaya esok akan ada lagi sekolah yang akan mengalami nasib yang sama.

Persoalannya sampai bilakah kita harus berada dalam situasi ini saban tahun? Apa yang dialami telah bertahun-tahun. Namun sehingga ke hari ini masalah jerebu rentas sempadan ini masih belum dapat diselesaikan. Sementara kita menghormati hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia namun dalam masa yang sama saya menggesa supaya Kerajaan Malaysia supaya lebih tegas dalam menangani isu jerebu yang berpunca daripada pembakaran terbuka di hutan-hutan di Indonesia.

Kata-kata penyesalan dan sekadar melahirkan perasaan memahami situasi Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin Indonesia tidak akan mampu meredakan penderitaan dan kesengsaraan yang dialami oleh rakyat Malaysia saban tahun. Sekarang ini sudah dua bulan kita terus bernafas dalam asap dan dari hari ke hari...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Tanah Merah minta sedikit.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bagi saya ambil, nanti saya bagi peluang. Dari hari ke hari situasi semakin buruk dan meresahkan. Indonesia seharusnya lebih bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah jerebu ini dan bukannya menanti tiga tahun lagi bagi menamatkan derita yang kita hadapi hari ini.

Saya percaya sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan akrab dengan Indonesia, saya pasti sudah tentu ada cara bagaimanakah kita boleh membantu negara sahabat untuk menyelesaikannya. Selain daripada bantuan memadamkan kebakaran hutan, Malaysia juga perlu mendesak Indonesia untuk memandang serius dalam mengambil tindakan terhadap

syarikat-syarikat perladangan negara itu biarpun syarikat yang terlibat adalah dari negara Malaysia juga.

Menyentuh soal jerebu, saya juga ingin menggesa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memandang serius keresahan orang ramai yang tidak berpuas hati dengan bacaan IPU yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar sama ada benar atau tidak kementerian perlu menjelaskan dakwaan bahawa peralatan pengesan bagi bacaan IPU yang digunakan oleh Malaysia sudah ketinggalan zaman berbanding Singapura yang dikatakan lebih *advance*.

■1650

Orang ramai juga mempertikaikan bacaan IPU...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Mencilah sedikit Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okeylah, bolehlah. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Saya mendengar tiga empat kali Yang Berhormat Tanah Merah menyebut tentang perkataan derita, kesusahan dan sebagainya. Bersetuju kah kalau kita mengatakan bahawa jerebu yang berlaku hari ini adalah suatu jenayah kemanusiaan yang dibuat oleh Indonesia termasuk oleh kerajaan dan juga mereka yang terlibat. Maka jenayah kemanusiaan ini kalau kita ulas lebih lanjut, sepatutnya Parlimen kita ini membuat usul supaya menganggap ia sebagai jenayah yang sepatutnya dibawa ke peringkat antarabangsa kerana ia melibatkan kesihatan. Islam menyatakan, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Maksudnya tak ada benda yang boleh memudaratkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah, boleh gulung ya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Cadangan tersebut saya rasa oleh kerana kita punya hubungan akrab dengan Indonesia, kita pun hendak jaga hubungan diplomatik, kita bagi peluang biarlah antara G2G berbincang sebelum tindakan terakhir untuk bawa sebagai jenayah dan sebagainya. Okey, pendek sahaja sedikit ya.

Orang ramai juga mempertikaikan bacaan IPU yang dianggap terlalu rendah berbanding situasi yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh menyalahkan pelbagai perkara yang *diviralkan* di media-media sosial kerana terdapat krisis keyakinan dalam keyakinan orang ramai terhadap bacaan IPU yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Contoh yang paling ketara hari ini, akhbar melaporkan Jabatan Alam Sekitar menafikan berlakunya jerebu kuning tetapi sekeping gambar yang disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan menunjukkan fenomena itu berlaku di Pelabuhan Klang. Justeru pada kesempatan ini, saya menggesa supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar membaiki segala kelemahan yang berlaku di Jabatan Alam Sekitar dalam menangani isu jerebu. Okey, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jerebu bukanlah perkara yang tidak boleh dielakkan sebaliknya ia berlaku kerana perbuatan manusia itu sendiri. Walaupun kita mengakui sebahagian besar masalah itu berlaku kerana pembakaran terbuka di Indonesia tetapi di negara kita juga perbuatan itu turut berlaku sehinggakan menyebabkan jerebu semakin bertambah teruk. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya mempertimbangkan kemungkinan mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada mereka yang melakukan pembakaran terbuka. Dalam masa yang sama, saya juga berharap Jabatan Alam Sekitar akan memperhebatkan penguatkuasaan di musim jerebu ini bagi membanteras perbuatan pembakaran terbuka.

Jadi saya ingin akhiri perbahasan saya ini dengan sekali lagi membuat gesaan agar Kerajaan Malaysia bersikap dengan tegas dalam menangani masalah jerebu termasuklah dengan Indonesia. Ini kerana rakyat Malaysia tidak boleh setiap tahun menanggung derita terhadap satu dosa yang tidak kita lakukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sepuluh minit lagi. Saya ada dua senarai, Yang Berhormat Serdang dan juga Yang Berhormat Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Serdang lima minit, Yang Berhormat Kuala Krai lima minit. Selepas itu Menteri menjawab.

#### **4.53 ptg.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh beberapa soalan secara khusus. Soalan pertama ialah berkenaan dengan status Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan yang saya rasa Yang Berhormat Menteri telah kata bahawa Malaysia akan memperkenalkan. Saya hendak tanya satu soalan sahaja, apakah penambahbaikan yang pihak menteri akan perkenalkan berbanding dengan undang-undang yang sedia ada misalnya di Singapura. Saya beri satu contoh, denda maksimum dalam akta Singapura ialah SGD2 juta maksimum tetapi saya rasa berbanding dengan pendapatan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat perladangan, itu memang sangat rendah. Jadi saya cadangan supaya jikalau ada mana-mana denda, denda itu mesti pada satu tahap yang boleh *punish*, hukum dengan adil syarikat-syarikat besar ini.

Soalan yang kedua ialah tentang tindakan terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang ada anak syarikat di Indonesia yang sudah didapati bersalah oleh kerana pembakaran haram. Saya beri satu contoh spesifik, seorang pengurus ladang yang bekerja untuk PT. Adil Plantation dan Industri iaitu satu anak syarikat Kuala Lumpur-Kepong (KLK), sebuah syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur telah didapati bersalah kerana cuai apabila gagal untuk menghalang pihak yang tidak bertanggungjawab daripada memulakan kebakaran hutan di estet milik mereka pada bulan September 2014. Jadi ini adalah syarikat yang telah dikenal pasti dan telah dihukum di Indonesia ke atas pembakaran haram. Apakah tindakan yang akan ataupun sedang diambil oleh pihak kementerian terhadap syarikat-syarikat seperti ini?

Isu satu lagi ialah isu PM2.5 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat PJ Selatan dan Yang Berhormat Tanah Merah. Saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya kementerian telah mengumumkan pada tahun 2013, telah ada sekurang-kurangnya lima stesen yang boleh baca PM2.5 iaitu di kawasan Putrajaya, Banting, Cheras, Langkawi dan juga Kuching. Jadi saya minta pihak kementerian kenal pasti...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ada yang hendak mencelah. Sedikit sahaja ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey. Dua soalan ringkas.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya hendak tanya, jerebu ini telah berjalan selama lebih kurang dua dekad. Saya hendak tanya, adakah pernah diadakan atau ada data-data yang menunjukkan perbezaan antara saiz zarah 2.5 mikron dengan 10 mikron. Apa beza indeks IPUnya yang ada kesan kepada sistem pernafasan manusia?

Keduanya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Serdang, apa pendapat tentang adakah NRA ada menyediakan peruntukan khas untuk buat kajian R&D tentang kesan jerebu jangka pendek, jangka panjang dan juga tentang dokumentasi pemulihan dan masa depan jika ada jerebu lagi. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, terima kasih. Saya tahu mengikut kajian yang saya telah buat, memang WHO ataupun *World Health Organization* ada membezakan kesan-kesan PM2.5 dan juga PM10 dan saya minta Menteri untuk memberi jawapan yang lebih mendalam lagi tentang isu itu. Saya hendak tanya Menteri, kenapa tak boleh paparkan ataupun berikan maklumat 2.5 mikron ini di lima stesen yang sekarang telah terpasang sistem pemantauan iaitu di Putrajaya, Banting, Cheras, Langkawi dan Kuching memandangkan betapa seriusnya jerebu di kawasan-kawasan seperti Langkawi dan juga Kuching dan Banting yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tanah Merah itu tadi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh mencelah tak?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Mana?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Mohon maaf. Saya ada dua lagi poin. Saya ada dua lagi poin lepas itu saya sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang ada satu minit sahaja lagi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey. Isu keempat yang saya hendak bangkitkan ialah sekarang Singapura telah memaparkan ataupun memberitahu maklumat API purata tiga jam. Saya rasa apabila kes jerebu di Malaysia dan juga di Singapura amat serius, saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya DOE juga memberi maklumat yang terkini iaitu API purata tiga jam dan bukan sahaja API 24 jam. Ini adalah untuk membolehkan pihak sekolah dan pihak

Kementerian Pendidikan membuat keputusan untuk menutup sekolah berdasarkan maklumat yang lebih tepat lagi. Beri kepada Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup Yang Berhormat Serdang. Bagi peluang kepada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang *last* sekali, yang *last* sekali. Maaf. Yang *last* sekali, saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kontrak untuk memantau kualiti udara telah diswastakan dan sekarang telah dikendalikan oleh syarikat swasta Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. iaitu ASMA melalui satu konsesi 20 tahun yang ditandatangani sejak 1995. Saya hendak tanya pihak kementerian, mengikut pihak JAS dan juga UKAS, kontrak ini sedang diperbaharui. Kontrak baru akan diberikan kepada sebuah syarikat yang belum ditentukan lagi. Apakah syarat-syarat yang ada dalam kontrak yang baru ini yang akan diberikan kepada syarikat swasta ini dan yang penting sekali apakah pertimbangan kerajaan dalam menswastakan kajian pemantauan kualiti udara yang sepatutnya merupakan tanggungjawab asas kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Kuala Krai, lima minit.

#### 4.59 ptg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat masalah jerebu di negara kita ini bukan perkara baru dan ia bukan *natural disaster* tetapi adalah hasil daripada tangan-tangan manusia dan ini disebut sendiri dalam Al-Quran dizahirkan juga perkara-perkara ini kerana masalah ataupun kesilapan kita. Ertinya kalau kesilapan manusia, kita boleh perbaiki tetapi kenapa sampai hari ini sudah berapa tahun dan tahun ini kita digemparkan bahawa masalah jerebu ini akan berlangsung sampai ke bulan Mac. Bayangkan minggu ini seminggu tidak bersekolah, kalau jerebu berterusan mungkin sampai hujung tahun tidak bersekolah. Tiga bulan dalam tahun depan tidak bersekolah. Apa hendak jadi dengan negara kita ini.

#### ■1700

Kesan terhadap ibu bapa terpaksa mengambil cuti kerana anak-anak tidak bersekolah dan juga tentang orang dewasa yang bekerja di luar lapangan sudah tentu mereka juga perlu diambil perhatian. Jadi, saya merasa bahawa kerajaan kena lebih serius kerana ini adalah sesuatu malapetaka yang memberikan kesan kehilangan tenaga kerja dan jumlah pesakit berkaitan dengan sistem pernafasan. Kita pun belum pasti lagi ini sama ada hanya sekadar gangguan terhadap pernafasan bagi orang-orang yang *asthmatic* ataupun orang yang bronkitis. Bagaimana kesan jangka panjangnya, kemungkinan ia melibatkan penyakit-penyakit yang lebih kronik. Jadi, saya rasa oleh kerana benda ini sudah berulang-ulang dan Indonesia negara pengeluar jerebu ini...

**Seorang Ahli:** Pengeksport.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pengeksport jerebu ini juga sudah menandatangani perjanjian-perjanjian pengawalan *pollution* antara sempadan ini. Jadi, kenapa



kerajaan kita tidak dapat mempengaruhi Kerajaan Indonesia sedangkan kita adalah negara yang sangat baik hubungannya dengan mereka. Ertinya adakah kerana mereka tidak merasa hendak menghormati masalah yang kita ada. Mungkin Indonesia pun kata negara dia pun teruk juga kena. Lebih teruk lagi, malah di sesetengah tempat pemandangan langsung tidak nampak. Saya tidak berani untuk menjangkakan kalau ini dibiarkan penerbangan dibatalkan. Gelang Patah nasib baik mungkin *clear* sedikit dapat tiba hari ini, kalau tidak tiba hari ini esok macam mana? Usul sudah jalan. Itu contoh ya. *[Ketawa]*

Kita tidak mahu sampai ada kes kemalangan jalan raya kerana kadar penglihatan yang *restricted*. Jadi, ini merugikan negara kita, menyebabkan kegelisahan. Saya mintalah kerajaan bertegas dalam hal ini dengan mengambil tindakan seperti kita pernah buat, menghantar bantuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai masa sudah cukup.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bantuan kepada Indonesia, pihak bomba kalau perlu. Apa juga bantuan teknikal kerana seolah-olah kebakaran ini berlaku dalam negara kita juga, dekat sangat. Jadi saya rasa kita kena ambil inisiatiflah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jemput, Yang Berhormat Menteri.

## 5.02 ptg.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang membahaskan isu jerebu ini. Saya dapati bahawa banyak persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang relevan dalam isu jerebu yang kita hadapi sekarang khususnya Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Selatan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan tidak mengambil enteng, Yang Berhormat apa yang berlaku kepada negara kita berhubung dengan jerebu merentasi sempadan ini. Bahkan saya boleh tekankan di sini dan disebutkan di sini bahawa Malaysia memainkan peranan yang amat aktif dalam apa-apa forum sahaja di antara negara ASEAN untuk menangani masalah jerebu merentasi sempadan ini.

Itulah sebab kenapa apabila perbincangan berhubung dengan perjanjian ASEAN yang dikatakan *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP)*. Perjanjian di antara 10 negara ASEAN dahulu dibuat Malaysia memainkan peranan sebagai *sponsor* kepada *agreement* tersebut dan akhirnya dimeterai oleh sembilan negara ASEAN. Selepas itu memakan masa hampir lebih 10 tahun Indonesia menandatangani, implikasinya betul-betul menumpu kepada negara Indonesia baru Indonesia menandatangani *agreement AATHP* ini pada bulan Januari tahun 2015 dan menyerahkan ratifikasi negara tersebut kepada *agreement* itu. Maka barulah semua negara ASEAN itu terikat dengan perjanjian tetapi perjanjian ini hanyalah memberi satu garis panduan untuk:

- (i) kerjasama untuk membangun dan melaksanakan langkah-langkah pemantauan;
- (ii) mencegah kebakaran tanah dan hutan serta jerebu;
- (iii) melaksanakan prosedur tindak balas kecemasan bersama;
- (iv) kerjasama menubuhkan dana jerebu ASEAN; dan
- (v) melaksanakan kerjasama teknikal.

Jadi ini adalah terangkum dalam *agreement* setelah dikaji, di mesyuarat dan ditandatangani oleh semua pihak dalam ASEAN. Berbangkit daripada itu kita lagi mengadakan satu perbincangan yang dinamakan *Sub-Regional ASEAN Meeting* yang diambil tindakan oleh lima negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei yang mana mesyuaratnya diadakan pada 2010 selepas Indonesia bersetuju meratifikasi dan menyerahkan dokumen tersebut.

Pada 22 Julai 2015 diadakan *Sub-Regional Meeting* ini. Berbangkit daripada itu barulah dicadangkan diadakan satu MOU di antara Malaysia dan Indonesia untuk mengkhususkan kerjasama bersama di antara Malaysia dan Indonesia. Yang Berhormat, untuk menunjukkan kenapa begitu pekanya Malaysia, hanya Malaysia sahaja yang menceritakan soalan ini, negara-negara lain tidak ada selain daripada Singapura dan Malaysia sahaja berhubung dengan perkara ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian MOU dicadangkan di bawah *Sub-Regional Steering Committee on Committee Transboundary Haze Pollution Meeting* itu ditetapkan untuk enam perkara:

- (i) penguatkuasaan undang-undang pembakaran terbuka di Indonesia;
- (ii) sistem amaran awal jerebu;
- (iii) teknologi peladang, pertanian tanpa pembakaran, *zero burning*;
- (iv) pengurusan tanah gambut yang lestari;

Maknanya tanah gambut ini, satu *characteristic* tanah gambut ini ialah apabila musim kering airnya menurun ke bawah dan semua gambut yang di atas sampai 20 kaki tebalnya kekeringan dan ini cepat terbakar. Jadi itulah pengurusannya perlu dilaksanakan macam mana Malaysia melaksanakan pengurusan tanah gambut;

- (v) latihan pemadaman kebakaran tanah gambut dan lain-lain bidang akan dipersetujui secara bersama oleh pihak pengurusan tanah gambut secara lestari.

Jadi Yang Berhormat, *agreement* ini belum ditandatangani, saya dijemput untuk datang 18 hari bulan saya kata, "*Okey, saya akan datang*" 18 hari bulan yang lepas dan selepas itu di tangguh pula kepada 25 hari bulan, Hari Raya Haji, 24 hari bulan, 25 saya kata saya akan pergi 24 hari bulan, tidak payah Raya Haji di Malaysia saya akan pergi juga untuk tandatangan. Akan tetapi ditangguhkan juga sehingga sekarang belum ada lagi tarikh-tarikh yang tertentu Yang Berhormat untuk kita menandatangani MoU ini.

Dalam masa yang sama apabila jerebu melanda negara kita saya berbincang dengan pihak AG ada lagi perkara-perkara lain yang mungkin boleh kita masuk untuk memantapkan keadaan berbangkit daripada persoalan undang-undang. Yang Berhormat, kalau hendak saya jawab semua persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, minta tolong jangan ganggu saya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Mohon penjelasan sedikit.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Apa masalah timbul sampai sekarang di mana MoU ini tidak dapat ditandatangani? Masalah utama sampai sekarang?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Memang payah saya hendak jawab kenapa Indonesia tidak *sign*, Yang Berhormat. Bukan saya tidak hendak *sign*, bukan Malaysia tidak hendak *sign*, Indonesia yang tidak hendak *sign*. Selepas 22 Julai itu patutnya Indonesia setuju untuk *sign*, *agreement* itu sudah sedia untuk *disign*. Akan tetapi walau bagaimanapun belum lagi *disign*.

Jadi memang saya tidak tahu, alasan tidak pernah diberi kepada kita dan mereka juga tidak ada keperluan untuk memberi sebab bidang lingkup dalam *agreement* ASEAN itu tidak menyatakan mereka perlu memberi penjelasan. Dalam keadaan sedemikian kita tidak berkemampuan hendak meminta kenapa. Jadi dalam keadaan sedemikian, walaupun bulan Julai, Ogos, September, Oktober dan sekarang hanya baru tiga bulan, dalam konteks perhubungan negara Yang Berhormat ini adalah masa yang singkat.

Dalam masa yang sama saya bincang dengan AG pada 28 hari bulan, Tuan Yang di-Pertua saya bincang dengan AG. Saya ambil kementerian ini baru dua bulan 18 hari, jadi jangan berharap tinggi sangat. Jadi saya cadangkan juga itu dan AG beri nasihat bahawa kita hendak tambah lagi dua perkara, komitmen dan pertanggungjawaban lebih jelas dan kuat, kukuh berkaitan obligasi pihak kepada memorandum persefahaman untuk menangani masalah jerebu rentas sempadan. Ini hendak kita masuk lagi.

Yang kedua tindakan undang-undang, legal... yang boleh diambil sekiranya pihak kepada memorandum persefahaman gagal melaksanakan obligasi di bawah memoreandum persefahaman.

#### ■1710

Yang dua syarat ini belum lagi di masuk dalam yang asal kerana tidak di masuk dalam mesyuarat pada bulan Julai 2015. Yang ini kita kena *negotiate* semula sama ada Indonesia mahu atau pun tidak ini persoalan di antara dua negara masa *negotiation* Yang Berhormat adalah satu perkara di luar jangka kita. Kadang-kadang dia tidak setuju. Satu perkataan pun kadang-kadang payah hendak *negotiate*. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya masih berpendapat bahawa dua terma ini perlu juga di masuk dalam MOU itu kalau dia sudah menjadi efektif. Oleh kerana jawapan kepada banyak soalan yang bakal ditanya Yang Berhormat tadi boleh dijawab dengan ini. Oleh kerana kalau kita hendak mengambil tindakan undang-undang

kepada pihak Indonesia, kita tidak mampu. Oleh sebabnya Indonesia *first must agree to be referred to* bersama dengan kepada ICJ umpamanya, baru kita boleh *refer*.

Kalau tidak, dalam *international law, there is no such thing*. Yang Berhormat sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau sekarang ini perjanjian ataupun MOU itu belum lagi ditandatangani. Dalam keadaan dua perkara yang hendak dimasukkan itu belum lagi ada dalamnya. So maknanya, tidak ada yang lagi soal *legal recourse* dan sebagainya, sudah Indonesia sudah tidak hendak tandatangan, sudah belum tandatangan. Kita masukkan itu lagilah sukar untuk dia menandatangani. Jadi, saya secara katakan *brainstorming* inilah, kita kira sebagai *brainstorming* sajalah. Ada tidak satu kaedah yang selain daripada kaedah *the rod*, kita hendak *punish*. Satu kaedah di mana hasil daripada kesedaran kita bahawa apabila pembakaran terbuka ini berlaku, ianya mendatangkan kesan kerugian yang mungkin kalau dianggarkan akan menelan belanja puluhan ataupun ratusan juta secara *direct, indirect*.

Adakah satu kaedah di mana kita mungkin bersama dengan Indonesia, bersama dengan Singapura dan negara-negara yang *directly effected* ini, kita boleh ada *carrot approach* iaitu bagi *small holdings* ya, yang pekebun-pekebun kecil yang membakar sampah mereka, diberikan ganjaran sekiranya tidak dibakar dan kita kerjasama dengan Indonesia. Oleh kerana benda ini kalau kita tidak cari satu penyelesaian, ianya akan berlaku tiap-tiap tahun. Mungkin bahan-bahan yang dibakar itu kalau kita fikirkan secara teknikal, ianya merupakan bahan api, dengan izin, *every item that burns, has its energy, a constituent*, dia punya *British thermal unit*. *When you burn* kayu, pokok, daun, ini semua ada dia punya *energy equivalent* ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, panjang sangat Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekejap saja. So, boleh dibeli daripada *small holders* itu sebagai bahan api untuk digunakan untuk *generate electricity*. Maka, kalau ada *carrot* punya *approach* ini, mungkin kita boleh dapat kerjasama daripada pekebun-pekebun kecil ini dengan lebih baik. Daripada kita asyik hendak hukum, hendak dakwa dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, hendak celah sikit boleh.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Pendek saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, ada Peraturan Mesyuarat di bawah 12(1). Sila Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****5.14 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 22 Oktober 2015.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri hendak tanya soalan celahan sikit boleh? Yang Berhormat Menteri, belakang, hendak sambung Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri hendak menjawab Yang Berhormat Shah Alam dulu Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Hendak sambung soalan Yang Berhormat Shah Alam sikit.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebab dia khusus, jawapan saya ringkas saja sebenarnya. Dia tanya adakah cara lain selain daripada gunakan *cane*, gunakan *carrot* kata dia. Saya belum pasti dalam soalan dalam salah satu syarat dan perjanjian MOU antara *ASEAN Nation* itu, *countries* itu ada dana ASEAN untuk jerebu. Jadi, saya belum tahu lagi dia punya garis panduan dan ini boleh Yang Berhormat, saya akan fikirkan patutkah tidak perkara ini dibincangkan juga dalam isu-isu apabila mesyuarat ASEAN itu akan diadakan nanti. Soalan dana itu kalau setelah diwujudkan, bolehkah diguna untuk memberi pampasan kepada pihak-pihak yang tertentu yang perlu di dalam menangani masalah kebakaran terbuka.

Jadi, itu saja Yang Berhormat saya hendak- Saya belum- Tunggu Yang Berhormat, saya banyak sangat benda-benda yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan itu. Jadi, soalan ekonomi Yang Berhormat ya. Saya hendak menerangkan sedikit...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Saya hendak tanya sikit Yang Berhormat Menteri, sebelum lari topik lain. Berkenaan dengan Yang Berhormat Shah Alam tadi. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak sambung Yang

Berhormat Shah Alam punya tadi. Cuma kelapa sawit Tuan Yang di-Pertua, kita nasib baik Malaysia-Indonesia ini 85% *production* kepada kelapa sawit dan kebetulan kelapa sawit hidup di kawasan kita yang kebetulan ada *peat*, ada kawasan yang 20 kaki, 6 kaki dan sebagainya. Jadi, saya rasa ini menyebabkan kebakaran berlaku dan jerebu yang kita hadapi hari ini.

Cuma kita kalau hendak buat pendekatan *penalising*, ini tidak ada satu penyelesaian yang jelas. Lebih baik kita *engage* buat sesuatu yang *constructive*. Jadi, saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan ada persefahaman buat Majlis Sawit Antarabangsa yang mana Malaysia dengan Indonesia adalah peneraju. Mungkin kalau kita boleh gerakkan usaha-usaha *engagement* macam ini akan dapat memberi pilihan atau alternatif yang lebih baik selain daripada *slash and burn*. Keduanya, dari segi *education*. Oleh sebab kita tahu Indonesia 200 juta lebih penduduk. Saya tidak berapa pasti sama ada syarikat-syarikat Malaysia terbabit. Akan tetapi sefaham saya struktur di sana kita ada nukleus dan plasma. Makna, plasma itu *small holders* ini, sebahagian kalau kerajaan bagi 1,000 ekar contohnya, sebahagian mesti bagi plasma, *small holders*. Mereka ini mesti diberi pendedahan atau ilmu yang cukup supaya mereka tidak ada membakar.

Sebenarnya bukannya perkara yang mudah, di Afghanistan, popi. Sampai sekarang pun tidak ada *solution*. Contoh di Karen dan Shan, di Myanmar pun sama. Kita kena bagi inisiatif. Jadi, soalan...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, tanya soalan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Ya, hendak tanya ini sebab sambung daripada tadi. Saya hendak beritahu, apakah dengan adanya Majlis Sawit Antarabangsa ini kita boleh gerakkan kerja untuk *carrot* sebagaimana saya sebut tadi, Yang Berhormat Shah Alam sebut. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya tanya dengan Yang Berhormat Menteri itu nanti. Saya tidak jawab itu. Yang Berhormat Menteri kelapa sawit. Biarlah Yang Berhormat Menteri jerebu, jawab jerebu saja.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri kelapa sawit ada, Yang Berhormat Menteri jerebu pun ada.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya ingin hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, banyak yang membangkit soalan ekonomi yang terkena, terjejas oleh kerana jerebu melanda negara kita. Memang Yang Berhormat, kalau kita lihat daripada sudut, daripada 22 Ogos yang lepas, hingga sekarang belum reda lagi keadaan jerebu ini. Saya boleh jelas secara itu Yang Berhormat tapi masa saya mungkin tidak mencukupi untuk memperjelaskan secara *detail* mengapa jerebu ini begitu panjang sekali. Terdahulunya 1997 berlakunya tebal, berlaku di Kuching tetapi ia tidak lama dan lepas itu hilang tapi pada tahun 2013 berlaku di Johor. Ia tidak lama, tidak sampai pun 1 minggu. Ia hilang, reda.

Akan tetapi pada kali ini berterusan daripada 22 Ogos hingga sekarang ini tidak reda-reda. Jadi, alasan-alasannya semua ada tetapi oleh kerana tidak ditanya, tidak perlulah saya beri

penjelasan. Akan tetapi walau bagaimanapun, soalan ekonomi yang terlibat dengan soalan ini tadi, saya telah mengarah pegawai saya untuk menulis surat kepada- drafkan surat untuk saya *sign*kan. Arahkan kepada kementerian-kementerian yang saya fikir ada terlibat iaitu Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan dan pelbagai kementerian-kementerian untuk mendapat maklum balas daripada mereka. Apakah kesan-kesan yang diterima oleh kementerian-kementerian ini hasil dari berlakunya jerebu di negara kita ini.

Selepas kajian itu dibuat nanti Yang Berhormat, tiap-tiap kementerian membuat kajian sendiri dan memberi balasan kepada surat saya, *insya-Allah* ini boleh kita umumkan juga di Dewan ini kalau jawapan itu boleh didapati seberapa cepat yang boleh.

■1720

Yang ketiga, keempat- tidak boleh sebut nombor Yang Berhormat, salah nombor saya nanti. Ada lagi satu persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengatakan bahawa kita menggunakan PM10 dan kenapa tidak menggunakan PM2.5 untuk menyukat keadaan pencemaran dalam jerebu itu, tidak seperti Singapura yang menggunakan PM2.5. Yang Berhormat guna perkataan ini sahaja yang saya nafikan bahawa bukan *outdated*, Yang Berhormat. Sebenarnya sistem kita ini masih diguna pakai oleh pihak Amerika dan seluruh dunia sebenarnya masih menggunakan ini dan masih diiktiraf oleh *World Health Organization* sebenarnya. Juga oleh *United Nation*. Sebenarnya Singapura *to go one step further* untuk menggunakan *the 2.5 micron measurement* nya dan tidak *attain micron* yang kita guna sekarang ini.

Akan tetapi dalam sudut pengendaliannya, kita kena lihat juga Singapura hanya menutupkan sekolah apabila sampai kepada 300 IPU *reading* nya tetapi kita menutup sekolah dalam keadaan sekarang ialah 200. Maknanya untuk *to offset reading* kita itu, kita gunakan awal sedikit untuk penutupan sekolah yang mana Singapura menutup 300, kita tutup 200. Kita bila sampai 150, kita dah minta pihak MKN, Jabatan Meteorologi dan Tentera Udara untuk membuat *cloud seeding*. Itu pun kalau *cloud* nya ada. Kalau *cloud* tidak ada, *cloud seeding* ini tidak akan berjaya oleh kerana ia perlukan *cloud, stimulus cloud*. Ha, ini ada saintis yang angguk-angguk ini. Memang betul itu. Kalau tidak ada *cloud* di atas sana, kita buat *cloud seeding* pun ia tidak akan mendatangkan hujan.

Jadi Yang Berhormat, ia ada syarat-syarat yang tertentu dan bila sampai *reading* kita 100 ke atas, kita dah beritahu kepada sekolah-sekolah bahawa anak-anak kita yang mempunyai satu-satu penyakit asma, sesak nafas dan sebagainya itu, jangan mengadakan aktiviti di luar sekolah. Ini garis panduan yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan dan dibincangkan dalam Kabinet, diluluskan oleh Kabinet.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, kertas Kabinet saya akan bantangkan pula pada 30 hari bulan. Pada 30 hari bulan saya meminta Kabinet fikir semula adakah *step* lain, sama ada kita hendak bincang kurang daripada itu ataupun lebih daripada itu, kita hendak bincang semula. Sama ada Kabinet bersetuju atau tidak, berlandaskan nasihat daripada pakar-pakar kesihatan, umpamanya daripada Kementerian

Kesihatan dan sebagainya. Ini kerana apabila Kabinet membuat keputusan dahulu berlandaskan 100, 150, 200 dan 300 adalah sebagai keadaan yang amat berbahaya itu, itu adalah atas nasihat pakar-pakar kesihatan kepada Kabinet dan Kabinet membuat keputusan. Dalam keadaan sekarang, adakah masih kita menggunakan *benchmark* yang sama ataupun membuat perubahan dalam keadaan sekarang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sedikit Yang Berhormat ya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tentang lima buah stesen yang sedia ada yang boleh mengukur PM2.5. Adakah itu benar? Adakah kerajaan ada rancangan untuk memaklumkan ataupun mengumumkan maklumat ini kepada orang ramai?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya belum sampai lagi kepada Yang Berhormat. Saya cerita dengan panjang cerita kawan ini. Ini kawan saya lama ini, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan itu. Jadi jangan lupa Yang Berhormat, jangan *overtake* dia.

Satu lagi, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan juga- yang besar saya sebut, yang kecil-kecil itu saya tidak sebutlah. Kapal *Bombardier* kita yang buat servis di Indonesia. Apa yang berlaku begini Yang Berhormat, secara berperingkat-peringkatnya. Kita memang telah menawarkan apabila berlakunya jerebu, pihak tentera dah membuat pengumuman, Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa kita bersedia untuk membantu. Selepas itu, pihak bomba pun mengumumkan bahawa kita bersedia membantu kepada negara-negara jiran yang terkena *haze* ini.

Akan tetapi Yang Berhormat, untuk mengetahui perhubungan di antara dua buah negara, kita tidak boleh hantar orang kita ke sana, Yang Berhormat. Hantar dia ke sana, kalau dia tidak terima pun, kita akan duduk di hotel sahaja. Ini berlaku pada tahun 1997 bila Amerika menghantar orangnya untuk membantu dan selepas itu orang duduk di hotel sahaja sebab tidak perlu bantuan, sebab Indonesia hendak mempertingkatkan kapasitinya sendiri.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh *bulldoze* kita punya bantuan dan kita hanya memberi tawaran secara lisan. Dengan keadaan sedemikian, selepas itu apabila kebakaran macam tidak dapat kawalan lagi, perbincangan diadakan di antara Menteri Luar Indonesia iaitu Ibu Retno Marsudi dan Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar kita, berbincang. Apabila berbincang, dibuat keputusan untuk menyalurkan permohonan ke Malaysia. Pada hari yang kemudiannya, Ibu Retno berhubung dengan saya secara SMS, *WhatsApp* untuk meminta bantuan. Bantuan permohonan itu saya salur kepada pihak MKN dan Pejabat Perdana Menteri. Pejabat Perdana Menteri mengadakan satu mesyuarat untuk memutuskan apa bantuan kita. Ekoran daripada itu, Perdana Menteri membuat lawatan ke Indonesia, bantuan kita sudah dihantar ke Indonesia.

Perjanjian awal adalah untuk lima hari kerana setiap lima hari itu kita kena servis, *maintenance service* kepada *Bombardier* kita ini. Selepas itu, walau bagaimanapun, disambung dua hari lagi dan hari yang terakhirnya semalam, hari kelmarin. Hari kelmarin pagi pukul 7, Ibu Retno hantar lagi *WhatsApp* kepada saya mohon disambung lagi. Walau bagaimanapun,



permohonan itu saya serah balik kepada Majlis Keselamatan Negara untuk dibincangkan dan Majlis Keselamatan Negara telah menunjukkan indikasi bahawa mereka akan berkemampuan untuk dihantar balik selepas servis ini dibuat.

Maknanya, komitmen kita sebagaimana yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas balik lawatan beliau daripada Amerika, kita akan bantu Indonesia sebanyak yang boleh, seberapa yang boleh dalam kebolehan kita untuk membantu.

Pada ketika itu juga Indonesia memohon bantuan daripada Singapura, Rusia, China dan Thailand. Bantuan ini telah datang dihantar ke sana tetapi negara kita sahaja yang mempunyai *Bombardier*, yang lain tidak ada. Jadi dalam masa yang sama, kita juga dimaklumkan bahawa apabila *Bombardier* ini balik, kita punya *fire bridged* akan pergi ke sana, bomba kita akan pergi ke sana untuk terus membantu. Maklumat yang saya terima, bantuan yang kita beri itu berkesan tetapi oleh kerana kebakaran itu begitu merebak dan besar, keadaannya payah betul hendak dihapuskan kebakaran di sana.

Jadi saya berpindah kepada Yang Berhormat Tanah Merah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat, yang *last* itu, kerugian itu. Kerugian yang dialami oleh Malaysia ini. Kalau kita dapat maklumat daripada kesemua kementerian, adakah kerajaan sanggup untuk menuntut pampasan daripada Indonesia?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Daripada sudut undang-undang Yang Berhormat, di awal tadi saya dah sebut secara umumnya. Apabila kita hendak mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana negara, negara yang kita hendak bawa itu mestilah bersetuju untuk *reference* perkara ini untuk buat tuntutan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian Yang Berhormat, itu masih terlalu awal untuk kita membincangkan soal ini dalam ini. Walau bagaimanapun, saya masih mengumpul data daripada semua sudut, penjejasan yang berlaku oleh kerana *haze* ini berlaku di negara kita.

Jadi, Yang Berhormat Tanah Merah juga bertanya fasal sekolah tutup dan kenapa kita tutup apabila kita sampai 200 dan sebagainya, kenapa tidak tutup awal ataupun kemudian oleh kerana dia sambung cerita Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan itu tadi. Ini adalah satu keputusan kerajaan berlandaskan *technical advice* daripada Kementerian Kesihatan. Itulah kenapa keputusan itu dibuat, Yang Berhormat. Sehingga Kabinet membuat keputusan lain lagi berlandaskan *technical advice* daripada Kementerian Kesihatan lain, kalau perlu kita ubahkan sama ada untuk ditingkatkan kepada 300- tetapi 300 di Singapura dengan 200 di Malaysia pun hampir-hampir sama Yang Berhormat sebab Singapura menggunakan *2.5 micron reading* dan kita menggunakan *10pm micron reading*. Itulah sebabnya kita *adjust* kan supaya kesan keselamatan kepada masyarakat umum adalah sama, sama ada di Malaysia atau di Singapura, sama ada kita menggunakan format 2.5 ataupun *10PM station*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak kesungguhan kerajaan dalam menangani isu ini. Ini cabaran besar kepada kementerian Yang Berhormat untuk menanganinya ini kerana kita hari ini sedang bukan hanya berhadapan dengan isu yang dibawa

oleh Indonesia tetapi kita sebenarnya sedang berhadapan dengan rakyat yang mahu segera isu ini diselesaikan.

■1730

Soal pampasan tadi kita bersetuju. Itu wajar walaupun sukar untuk kita kerana perlu. Akan tetapi rakyat mahu melihat penyelesaian segera ini. Contohnya, boleh atau tidak walaupun ia bukan di bawah tanggungjawab, kuasa Yang Berhormat Menteri, mungkin perbincangan boleh dibuat. Misalnya, sebenarnya kalau cuti, hari ini cuti, esok sekolah balik, kemudian cuti, ia bukan sahaja menyukarkan guru. Sebenarnya kepada ibu bapa yang tidak ada pengasuh di rumah misalnya. Dia pun kena cuti. Takkan hendak tinggal anak Darjah 1 di rumah tanpa penjaga.

Apakah tidak misalnya Kementerian Pelajaran strukturkan semula cuti. Bincang. Mungkin cuti yang sepatutnya bulan Disember diinjakkan. Kalau boleh dibuat begitu. Maksud saya ialah di samping kita meneliti langkah jangka panjang, saya faham agak sukar dengan kedudukan Indonesia yang rasanya tidak berapa hendak- Yang Berhormat senyum pun saya sudah faham maksudnya itu. Susah sedikit. Penyelesaian jangka pendek, jangka panjang hari ini yang hari ini rakyat hendak kita tunjukkan bagaimana kita hendak selesaikan. Ini yang perlu diberi perhatian sekarang. Penyelesaian untuk *protect* rakyat di Malaysia sekarang ini. Itu saya mintalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya minta maaf. Ada dua minit lagi, Yang Berhormat Menteri. Dua minit.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sebenarnya kalau hendak jawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dengan dua minit itu, memang malanglah kepada saya. Yang Berhormat Tanah Merah pun belum saya jawab soalan jerebu kuning, pertikaian bacaan IPU, pertikaian tadi pun tidak dapat saya jawab. Begitu juga Yang Berhormat Serdang mengatakan bahawa dengan undang-undang, saya hendak sebut undang-undang sahaja.

Berhubung dengan undang-undang ini Yang Berhormat, kita masih mengkaji. Oleh kerana sayalah pertama kali menyebut bahawa kita perlu ada undang-undang ini sebagaimana yang Singapura ada iaitu *Haze Pollution* 2014 yang baru diluluskan pada bulan Julai 2014 yang lalu oleh negara Singapura dan undang-undang ini boleh diguna merentasi sempadan yang kita tidak ada sekarang.

Jadi itulah kita perlu *study* undang-undang ini dan kita akan *study* juga bersama melihat undang-undang Singapura sama ada boleh diguna pakai untuk kita dan adakah syarat-syarat yang lain yang lebih daripada sudut hukumnya, daripada sudut syaratnya dan berbagai-bagai lagi dan mungkin juga kita boleh perbaiki ataupun kita lihat. Jadi perkara ini masih dalam kajian sebab saya sendiri sudah bercakap dengan AG berhubung dengan perkara ini. Kita mengambil serius, Yang Berhormat.

Secara peribadi saya bercakap dengan AG bahawa kita kena melihat. Jadi AG pun beritahu saya bahawa dia *incidentally* tengah berbincang dengan AG Singapura pada ketika itu

dan dia kata saya akan *raise the issue* dan kita akan lihat apa *can we do* berhubung dengan soal undang-undang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa undang-undang Singapura sekarang hanya boleh mengambil tindakan kepada rakyat Singapura, syarikat Singapura yang beroperasi di luar Singapura, melakukan kebakaran di negara tersebut. Mengambil undang-undang kepada syarikat ini sahaja. Tidak ada syarikat-syarikat lain atau rakyat-rakyat lain, Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi dalam keadaan sedemikian, maknanya...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa itu salahlah. Saya rasa itu salah. Saya mesti membuat pembetulan. Sedikit sahaja kerana menteri di Singapura telah mengeluarkan satu notis kepada empat syarikat Indonesia. *You can refer to their press statement on their website* di mana mereka telah kata bahawa jikalau tidak ada tindakan yang dilakukan oleh empat syarikat ini, kerajaan Singapura akan mengambil tindakan. Jadi ini bukan sahaja untuk syarikat yang ada di Singapura tetapi syarikat Indonesia yang beroperasi di Indonesia juga. *I think you need clarify that statement.* Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, nanti saya *clarify*, Yang Berhormat. Saya dimaklumkan bahawa ini syarikat Singapura beroperasi di Indonesia. Ini yang dimaklumkan, Yang Berhormat. Bukan syarikat Indonesia beroperasi di Indonesia, buat kebakaran diambil tindakan. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya akan *clarify*, Yang Berhormat ya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Walau bagaimanapun Indonesia telah memberitahu kepada saya semasa lawatan bersama dengan Perdana Menteri pada 11 hari bulan yang lepas bahawa mereka tengah menyelidik semua syarikat. Dalam masa yang sama, sebagaimana Yang Berhormat daripada Pokok Sena tadi sebut hanya 3% soalan kebakaran yang berlaku itu melibatkan peladang-peladang yang besar. Keseluruhannya yang lain, 97% itu adalah dibuat oleh pihak-pihak kampung, orang-orang yang *slash and burn practices*, orang-orang kampung yang mendapat tanah daripada kerajaan, orang kampung yang memiliki tanah *native customary rights* macam mana yang diamalkan di negeri Sarawak sekarang, Yang Berhormat.

Jadi dia mengambil peluang. Apabila syarikat itu membuat ladang dia besar, dia hendak menanam di tanah-tanah dia, dia terokai tanah dia supaya boleh menanamkan pokok-pokok sawit. Buah-buah itu boleh dijual kepada syarikat-syarikat besar. Mereka ini yang melakukan kesalahan ini. Ini kita dimaklumkan oleh pihak yang berkuasa di Indonesia pada ketika itu.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Oleh kerana saya mempunyai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah cukup masa, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya hendak tahu tentang jerebu kuning tadi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ini isu penting. Bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri mendapat masa lebih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sebenarnya, kita rujuk Peraturan Mesyuarat 18(1).

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Kita bincang sikitlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya kira Yang Berhormat Menteri lebih faham.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, jadi Yang Berhormat, oleh kerana saya telah ditegur tadi oleh Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak ada pilihan, Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat bangkitkan lagi perkara ini yang sama. Saya minta bangkitkan lagi pada persidangan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dalam perbahasan Dewan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dalam belanjawan nanti. *Insyallah* akan saya jawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat. Masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya tutup perbahasan ini.

Kita sebenarnya masih ada masa sehingga 6.30 petang dan kita juga memberi masa kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk memberikan jawapan terhadap...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Seseorang Ahli:** Dia tidak diberitahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya percaya Yang Berhormat Gelang Patah ada di dalam Dewan ketika Tuan Yang di-Pertua memberikan *ruling* dan memberikan masa kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk memberikan jawapan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi tidak dimaklumkan untuk petang ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jawab, Tuan Yang di-Pertua. Semua alasan ini. Alasan semua. Bukan tidak tahu. Akan tetapi hebatlah Yang Berhormat Pokok Sena mempertahankan Yang Berhormat Gelang Patah. Dia hebat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baru sahaja. Baru sahaja dilanjutkan. Dia pun tidak ada. Tadi Tuan Yang di-Pertua sebut...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu alasan, Yang Berhormat. Alasan semua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Beri masa untuk Yang Berhormat Gelang Patah memikirkan. Itu sahaja. Dia cakap tadi, Tuan Yang di-Pertua tadi sebut dia beri masa kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk memikirkan. Itu sahaja.

**Seorang Ahli:** Sungguh amanah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia tidak sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya yakin, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baca *Hansard*, esok. Jangan hendak kelentong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena pun hati dia...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam kelentong ini.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tunggulah sampai esok. Jangan kelam kabut. Itu yang kita yang...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masa sudah dibagi. Masa sudah dibagi. Tarik nafas sekejap sahaja. Jangan tarik nafas lama-lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya percaya Dewan yang mulia ini melalui Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi sudah memberitahu, memberikan masa kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk berfikir dan saya percaya sebagai Yang Berhormat yang telah lama berkhidmat dalam Dewan dan setelah dua hari diberikan masa dan setelah diberikan lagi masa, saya percaya Yang Berhormat Gelang Patah mempunyai cukup masa untuk sama ada...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Untuk menarik balik perkataan yang telah dikeluarkan terhadap...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa tergesa-gesa? Kenapa tergesa-gesa? Ini lanjutan masa...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa yang tidak dijelaskan tadi...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa yang tergesa-gesa ini? Apa yang tergesa-gesa? Masa satu jam!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa yang tidak dijelaskan ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya percaya Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya percaya dan yakin Yang Berhormat Gelang Patah ada di dalam Dewan ketika Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Persidangan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita semua ada. Kita semua ada.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita semua ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lanjutan masa baru tadi. Baru tadi.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Dalam masa sudah tamat. Masa sudah tamat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah pukul lima lebih baru buat lanjutan masa.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Masa sudah tamat. Jam 5.30 petang sudah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, you kena beritahu. So, Tuan Yang di-Pertua. Oh, hendak tukar sekarang? Okey.

#### ■ 1740

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, saya diberitahu yang Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan tadi untuk meminta Yang Berhormat Gelang Patah habis selepas perbincangan 18(1) tadi untuk menyatakan sama ada nak menarik kah tak. Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua tadi dan saya dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa itu adalah keputusan dia tadi. Mungkin Yang Berhormat tak dengar pasal sibuk...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dengar, itu dengar. Kita dengar itu. Bolehkah saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya pun ada masa itu. Tak bolehkah. *Can I speak first...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okay, okay, sorry...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, apa yang tidak dijelaskan ialah penjelasan oleh Yang Berhormat Gelang Patah wajib dibuat pada pukul 5.30 sebab perlu juga dijelaskan masa sidang akan disambung ikut budi bicara Tuan Yang di-Pertua 5.30 petang sampai 5.45 petang. Masa itu tidak diberitahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, saya pun..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tetapi tidak perlu..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya pun *check*, biar saya habis. Biar saya habis dulu. *[Dewan riuh]* So, masa itu saya pun dengar dan saya pun anggap macam isu itu sudah

ditangguhkan untuk esok. Saya... *and* ramai sudah keluar. So, itu jelas. So, tidak ada pernyataan yang jelas bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cakplah Yang Berhormat..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua akan sambung sampai 5.45 petang ataupun Menteri akan buat usul untuk sambung satu jam pada masa itu. Kalau itu dibuat jelas, itu tidak dibuat. Saya, sebab ramai tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, baik, baik. Saya ambil maklum tentang hujahan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mengapa macam tergesa-gesa kes ini?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak ada tergesa-gesa Yang Berhormat. Soal dia, Tuan Yang di-Pertua buat keputusan tadi selepas 18(1) untuk Yang Berhormat Gelang Patah menyatakan pendirian terhadap isu yang diminta. [*Dewan riuh*] Sebentar, duduk dulu. Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Masa sudah sampai sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Selepas 18(1) 5.30 petang, Tuan Yang di-Pertua memang sedia maklum bahawa selepas 5.30 petang masih ada waktu untuk Yang Berhormat Gelang Patah membuat kenyataan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Patut diberitahu semasa kenyataan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak perlu sudah minta selepas 18(1), fahamlah itu 18(1) selepas 5.30 petang. Dia bukan jam 6.00 petang, 5.30 petang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Esok kita bersidang lagi. Jadi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah Yang Berhormat...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...Membantu adalah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa itu adalah keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Jadi kalau Yang Berhormat Gelang Patah tak ada di sini, kita ambil maklum bahawa Yang Berhormat Gelang Patah tak berhasrat untuk menarik balik kenyataan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Itu tidak boleh. Itu tidak benar.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu tidak adil kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Kalau begitu tidak boleh.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *It can't be...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mana boleh percaya serupa itu. Mana boleh ditafsirkan macam itu. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah maklum dah tadi. Semalam dah bagitahu dengan dia, *the best, the next opportune time...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tetapi dia tidak berbahas tadi, dia tidak menarik balik perkataan itu Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Oh, sebab *page* dua tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua katakan selepas 5.30 petang untuk Yang Berhormat Gelang Patah mengatakan kembali pendirian.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tak jelas, tak jelas.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kebanyakan kami anggap 5.30 petang sudah habis *meeting*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Tak, tak boleh anggap 5.30 petang ya..

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya rasa perkara ini tidak perlu di...*you know*...terburu-buru diputuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bila Speaker buat keputusan selepas 18(1) telah mengira bahawa masa dibagi kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk membuat kenyataan, pendirian. [*Dewan riuh*] Dah, dah.

**Seorang Ahli:** Hanya kita dengar Tuan Yang di-Pertua tarik nafas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan soal, jangan soal tentang personaliti, personaliti.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa begitu terburu-buru kita perlu putus sedangkan esok kita masih bersidang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Perkara penting macam undi tak percaya pun boleh jadi agenda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah isunya Yang Berhormat, setakat itu ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh tunggu tak, tunggu esok.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kena tolak ansurlah, jangan terlampau jugalah. Kita jadi Tuan Yang di-Pertua dari Sabah mesti tolak ansurlah.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kalau betul tadi, kita mohon ada penjelasan yang betul Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, itulah kedudukan dia Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I got nothing to explain anymore* ya.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *The intention was not clear.* Ya, we have to admit. Kita pun terkejut bila tiba-tiba Yang Berhormat Pengerang buat lanjutan sampai 6.30 petang. Kita pun tak tahu kenapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tiba-tiba kita ingat nak bahas tentang jerebu sejam lagi. Tengok-tengok... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, jerebu is 4.30 – 5.30. [Dewan riuh]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, tetapi, betul. Asalnya hingga 5.30 petang. Apa lanjutan tak diberitahu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Intention, sekarang...* [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa lanjutan tak diberitahu. *It was not explained...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. [Dewan riuh]

**Tuan Manivannan Gowin [Kapar]:** Menteri tengah jawab. Saya rasa kalau tengah jawab sebelum jam... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah tak ada dalam Dewan untuk menyatakan pendiriannya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya tak faham mengapa perkara...

**Seorang Ahli:** Kemungkinan berlaku *misunderstanding...miscommunication* dengan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, *misunderstanding...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, saya kekal dengan pendirian bahawa Tuan Yang di-Pertua memberitahu saya tadi bahawa Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan untuk meminta Yang Berhormat Gelang Patah mengatakan pendirian selepas usul 18(1). *That's it.*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tetapi tak jelas, tak jelas. Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tetapi sekarang selepas 18(1), selepas 18(1), saya mengambil nota bahawa Yang Berhormat Gelang Patah tidak ada dalam Dewan. Setakat itu sahaja. Ya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak ada apa-apa keputusan selagi Yang Berhormat Gelang Patah tidak hadir lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tak ada. *That means he did not ....* Dia *defy the instruction of the Speaker, that's all.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *No, he was here. You are making assumption. That is not a fair assumption.* [Dewan riuh]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kalau begitu hanya berlaku selepas Yang Berhormat Gelang Patah sudah keluar dari Dewan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau diberitahu akan diberi lanjutan masa selepas 5.30 petang pun tak diberitahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kenapa nak *argue*? Sudah jelas, sudah jelas itulah Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jelas, jelas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu tak *assume*, *we cannot assume*.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya rasa Yang Berhormat Gelang Patah, beliau telah hadir ke sidang tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita sambung perbahasan rang undang-undang tadi itu ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya rasa ramai daripada kalangan Ahli Parlimen yang di sini saya tak tahu kalau di sana pendengaran mereka berbeza. Tidak disebut pun bahawa sini semua tak dengar, sana boleh dengar ini pelik. Adakah telinga kami berbeza dengan telinga sebelah sana? [*Dewan riuh*] Kami memahami dia tidak menyebut bahawa adanya di sana diminta untuk tunggu 18(1) untuk kita bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa beliau menyatakan selepas 18(1) Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Beliau... kekal apa-apa. Jadi saya rasa tanpa kita mendapat satu...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya dengar dia hendak pergi tandas tadi. Tak ada dengar pun benda ni. Betul saya dengar dia pergi tandas sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas esok, esok ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, selepas 18(1) tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mungkin kitalah pasal 5.30 habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Saya rasa tidak adil untuk kita buat keputusan pasal ramai... [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, *why don't we get the Hansard first?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, tak apa Yang Berhormat. Kenyataan dia...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tak boleh *assume* benda itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kenyataan dia Yang Berhormat Gelang Patah tak ada selepas 18(1) tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak, tetapi masalah dia selepas 18(1) itu, kami semua tidak tahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa teruk sangat ini? Macam mana itu? Macam mana satu-satu benda yang tak *clear*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah. Kita panjangkan perbahasan ini sampai..

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** 18(1) Apa maksud? Penjelasan, minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** 5.30 petang, 6.30 petang baru dia nak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 18(1) 5.30 petang dia boleh sambung lagi. Kan kita sudah biasa dalam Dewan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yalah, tetapi bila usul keluar, Yang Berhormat Gelang Patah tak ada.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, kita hanya... berbahas sahaja. Tarik nafas saya. Jadi apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** KWSP, kalau tak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi tak ada apa? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini, ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis dah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** / dah tarik baliklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekali panggil, saya baru bangun. *[Ketawa]* Saya harap, saya harap...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...diberikan tempoh untuk saya berucap sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** KWSP?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey. Selepas Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri boleh jawab ya.

**5.47 ptg.**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada yang lain? Tak ada? Baik, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan cadangan pindaan rang undang-undang meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, saya dapati bahawa persoalan untuk membentuk Jawatankuasa Syariah itu adalah cukup baik. Hanya kemungkinan

kefahaman terhadap peranan Islam ini ataupun apa itu Islam ini dalam persoalan hendak mengurus dan mentadbir wang simpanan pekerja perlu diperluaskan. Ia bukan sekadar dari sudut sama ada pelaburan yang dibuat oleh KWSP adalah syariah *compliance* semata-mata. Ia kalau dalam soal peranan Islam itu, ia bukan sekadar dalam soal pembayaran zakat yang perlu dilakukan atas simpanan yang tidak diguna pakai dan ia tidak sekadar dalam soal perundangan berhubung dengan agihan harta selepas kematian.

Persoalan peranan Islam dalam simpanan wang pekerja ini perlu diperluaskan daripada segi ketelusan pengurusan KWSP itu juga.

#### ■1750

Itu di mana pelaburan-pelaburan yang ingin dilakukan perlu diperjelaskan dan ketelusan dan pertanggungjawaban ke atas pelaburan-pelaburan yang dilakukan juga perlu dipertingkatkan. Maknanya bukan sekadar hendak tengok sama ada ianya syariah *compliance* ataupun tidak kerana kalau dia hendak labur dalam projek-projek sebagai contoh yang dilakukan dalam projek-projek pembinaan, infra dan sebagainya yang dilakukan oleh- sebagai contoh 1MDB ataupun anak-anak syarikat 1MDB.

Mungkin dari sudut pandangan yang agak sempit berhubung dengan peranan syariat itu boleh dikatakan bahawa ianya merupakan pelaburan-pelaburan yang syariah *compliance*. Akan tetapi dari segi ketelusan dan pertanggungjawaban terhadap harta awam ataupun harta orang-orang yang merupakan sebagai pelabur ianya tetap perlu dipertingkatkan.

Dari sudut ini saya tidak nampak di dalam cadangan pindaan rang undang-undang ini mana-mana pindaan yang bertujuan untuk menambahkan ketelusan dan pertanggungjawaban terhadap pelaburan-pelaburan yang dilakukan di mana pelabur-pelabur boleh mendapat maklumat sama ada pelaburan yang sekian-sekian ingin dilakukan, kenapa, apakah yang ingin dicapai. Maka ketelusan dari segi pengurusan dan pentadbiran itu juga perlu difikirkan dan undang-undang yang mampu untuk mencapai matlamat itu perlu saya rasa difikirkan.

Pada masa yang sama saya melihat bahawa kadangkala KWSP ini juga apabila ianya mengenakan potongan terhadap mereka yang mendapat gaji minimum mungkin juga boleh menimbulkan berlakunya kezaliman. Apabila gaji yang diperoleh itu seperti mana yang telah diperakui oleh kalau tidak silap saya Yang Berhormat Bagan Serai. Sekiranya gajinya hanya RM900 sebulan yang jelas tidak cukup untuk kehidupan. Beliau ataupun pekerja itu untuk dirinya dan keluarganya tetapi tiba-tiba wajib diambilkan potongan yang menyebabkan duit yang sudah tidak cukup itu pun menjadi lebih tidak cukup. Ini boleh menimbulkan aspek-aspek kezaliman.

Maka mungkin kalau kita kirakan ianya sebagai sesuatu yang kita hendak Syariah *Compliance* ataupun yang sebenar, maka mungkin perlu difikirkan dari sudut hukum adakah wajar dan adakah ianya syariah *compliance*. Bagi keluarga yang tidak cukup duit dengan pendapatan ketua keluarga itu sebanyak RM900 sebulan tiba-tiba dibuatkan potongan pula yang mana boleh di hujah bahawa ianya untuk masa depannya. Akan tetapi masa depan yang sebegitu agak pelik untuk kita korbankan masa semasa. Kalau hendak makan pun sudah tidak cukup, kita hendak simpan duit untuk dia guna sampai dia 55 tahun ataupun 60 tahun baru

hendak dikeluarkan, mungkin keperluan dia untuk keluarganya, pendidikan anaknya, kesihatan keluarganya dan sebagainya perlu juga diambil kira. Dari sudut falsafah keadilan Islam itu saya pun perlu mungkin mendapat pandangan daripada Majlis Fatwa Negara dan sebagainya adakah wajar. Kalaulah orang itu sudah tidak cukup makan kita potong juga EPF dia.

Ini adalah hasil daripada hakikat bahawa untuk menjamin keadilan yang seperti mana yang dituntut oleh Islam maka badan seperti EPF ini ataupun KWSP ini dia tidak berfungsi secara bersendirian. Dia bergerak di dalam satu masyarakat yang mana agak pelik bila kita hendak menuntut supaya KWSP ini mesti syariah *compliance* tetapi kerajaan dan dasar-dasar ekonomi dan sebagainya yang dilaksanakan itu sendiri tidak menjamin keadilan ekonomi yang seperti mana yang dituntut oleh Islam. Dalam erti kata kos kehidupan yang semakin naik, gaji yang tidak naik dengan kadar yang sama seperti mana naiknya kos kehidupan ataupun inflasi dan sebagainya.

Ada yang dalam perbincangan itu bercakap tentang soal menabung ini adalah satu kewajipan. Bagaimana kita boleh hendak untuk kewajipan menabung apabila pekerja itu tidak dibayar dengan gaji yang munasabah yang memungkinkan dia menabung. Kita semua tahu keadaan ekonomi negara kita ini adalah satu keadaan di mana kadar hutang isi rumah adalah di antara yang tertinggi di dunia. Jangan cakap fasal KWSP ini yang tertinggi di dunia ataupun nombor tujuh dalam dunia dan kita lihat itu sebagai terpisah daripada *the big picture* ataupun gambaran yang lebih luas.

Hakikatnya ramai daripada rakyat Malaysia kita ini bekerja dan hidup dalam keadaan hutang sekeliling pinggang. Ini adalah merupakan satu keadaan yang perlu juga ditangani secara serius kalau kita benar-benar hendak menjadi sebuah negara dan masyarakat yang syariah *compliance*. Jangan kita lihat EPF, KWSP ini hendak kena syariah *compliance*, Bank Islam hendak kena syariah *compliance*, syarikat-syarikat ini hendak kena syariah *compliance*. Akan tetapi dari segi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan kerajaan dan negara itu sendiri ianya tidak syariah *compliance* sehingga ramainya yang miskin dan hutang adalah merupakan budaya yang merupakan realiti di dalam masyarakat.

Kalau hendak cakap, "*Oh! Hendak kena simpan 25% atau 33% daripada pendapatan kita simpan yang lain kita belanja untuk ini, yang lain kita belanja untuk itu.*" Itu semua merupakan bagi saya satu teori dan fantasi yang tidak berpijak kepada bumi yang nyata di mana kita dapati bahawa bagi ramai mereka hidup dengan hutang. Hutang seisi rumah kadar hutang seisi rumah di negara Malaysia ini kalau tidak silap saya statistik yang mutakhir sudah mencapai lebih daripada 80% daripada GDP. Ini merupakan satu perkara yang amat merisaukan.

Satu lagi isu ialah apabila kita melihat keluarga yang susah bila ayah mereka ataupun suami mereka meninggal simpanan dalam EPF itu dia tidak boleh guna pakai kerana belum tiba masanya lagi. Sedangkan pada ketika itu pendapatan mereka tidak cukup dan menyebabkan sampai ada satu kes itu satu keluarga datang ke pejabat saya dia kata duit dalam EPF itu ada tetapi saya tidak boleh dikeluarkan kerana ada suami dia punya anu dan sebagainya. Maka dia terpaksa diusir keluar daripada rumahnya kerana sudah tidak bayar sewa dan sebagainya.

Maka di situ dari sudut keadilan juga kalau kita hendak cakap tentang syariah *compliance* adakah wajar kita simpan duit mending suaminya dalam simpanan KWSP atas alasan belum lagi cukup untuk dikeluarkan, fasal belum cukup 55 tahun ataupun sebagainya ataupun dia sudah kena *accident* dia masih hidup tetapi dia kena *accident* tidak boleh keluar duit EPF dia. Maka adakah itu juga satu perkara yang boleh kita katakan sebagai syariah *compliance*.

Lalu inilah yang kita kadangkala yang kita kena faham bahawa Islam ini dia bukan hukum semata-mata iaitu halal haram, halal haram, halal haram. Akan tetapi ada dia punya *maqasid* dia, ada dia punya tasawur dia, ada dia punya falsafah dia. Ini yang mana kalau kita benar-benar hendak KWSP ini menjadi sebagai satu badan yang menjaga kepentingan pekerja mungkin perlu ada pindaan-pindaan yang memungkinkan bila seseorang itu *accident* dia sudah tidak boleh bekerja, sudah tidak ada lagi.

#### ■1800

Maka, dia memerlukan duit itu pada masa itu juga untuk hendak kena *operation* dan sebagainya daripada dia pergi *round* minta sedekah, minta bantuan sedangkan duit dalam EPF itu ada jumlah yang munasabah yang boleh membantunya. Saya rasa pada ketika mungkin kelonggaran pindaan-pindaan yang perlu untuk dilakukan di mana untuk menentukan bahawa kita tidak melakukan kezaliman terhadap seorang pencarum kerana undang-undang kita ini terlalu *rigid* dan terlalu ketat dan perlu ada mungkin dia punya *task force* ataupun jawatankuasa khas ke yang mana apabila ada permohonan-permohonan yang sebegitu rupa, maka hak orang ke atas hartanya dalam keadaan-keadaan yang tertentu yang cukup mendesak perlu diambil kira dan itu adalah lebih adil dan lebih baik supaya dia boleh *survive* pada masa semasa dan menyelesaikan masalah dari semasa ke semasa daripada kita mengatakan, “*Oh tidak. Ini kita simpan masa tua.*”

Selepas itu kita tidak tahu kalau duit untuk *operation* itu tidak dibenarkan dia guna pakai pada ketika itu, mungkin masa tua dia tidak ada hasil daripada tidak adanya duit untuk hendak melalui *operation* ataupun pembedahan dan rawatan seperti mana yang diperlukan. Saya melihat bahawa dari sudut itu pindaan-pindaan ini tidak merangkumi masalah kezaliman yang timbul apabila seseorang yang merupakan pemilik kepada hartanya tidak dibenarkan untuk mengambil dan mengguna pakai hartanya untuk keperluan yang cukup mendesak yang mungkin pada ketika itu *life or death*.

Saya mengharapkan bahawa aspek-aspek yang seperti itu juga diambil kira dan hakikat bahawa KWSP adalah merupakan badan yang ketujuh terbesar di dunia boleh kita banggakan tetapi pada masa yang sama dari segi ketelusan pengurusan dan pentadbirannya mungkin perlu dipertingkatkan supaya adanya pertanggungjawaban yang lebih berkesan untuk menentukan bahawa duit yang sudah terkumpul sekian banyak itu tidak dimanfaatkan kerana kalau sudah banyak sangat ia boleh menjadi sebagai satu punca fitnah dan satu tarikan yang akan menyebabkan akhirnya ia disalah guna.

Maka *check and balance* yang lebih telus perlu dimasukkan dalam pindaan-pindaan yang dimasukkan. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap saya pandangnya Tuan Yang di-Pertua, tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak pandang pada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya pandang Yang Berhormat daripada CCTV.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, tengok dari CCTV ya. Okey, baik terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 6.03 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat seramai 21 orang membahaskan pindaan Akta KWSP ini. banyak isu yang dibangkitkan agak sama. Tetapi saya akan menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan mana-mana Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan tetapi jawapannya saya telah beri, saya akan *skip*.

Pertama, Yang Berhormat Sekijang ingin tahu sama ada apabila kita mewujudkan KWSP Islamik ini adakah para pencarum diberi pilihan. KWSP Islamik ini diwujudkan ialah untuk memberi satu alternatif kepada para pencarum. Dia tidak ada paksaan. Mana-mana yang ingin pindah kepada KWSP Islamik, mereka boleh berbuat demikian dan mana yang ingin kekal dalam konvensional, boleh kekal dalam konvensional tetapi mereka tidak boleh ada kedua-dua sekali. Itu yang dicadangkan.

Yang kedua, dividen. Dividen untuk konvensional dan syariah juga tidak di *guarantee*. Tetapi daripada segi EPF konvensional ada memberi minimum 2.5%. Akan tetapi dari segi prinsip syariah, ia tidak dijanjikan ataupun di *guarantee return* kerana ia tertakluk kepada syariah *principle* yang mana *guarantee income* yang dapat daripada *investment* itu tidak di *guarantee*. Dalam panel KWSP Islamik ini juga, wakil-wakil yang duduk dalam EPF ataupun KWSP ini sama iaitu dia mewakili wakil daripada kerajaan, wakil daripada Persatuan Pekerja MTUC, Cuepacs, dan juga Kesatuan Pekerja Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Sekijang juga bertanya sama ada kita mempunyai *foreign workers* juga menjadi *contributor* kepada skim EPF kita. Jumlah yang ada pada setakat ini ialah 247,912 dan yang aktif hanya 10,289 ahli dan jumlah keseluruhan *total saving* yang dipunyai oleh *foreign workers* ialah RM1.983 bilion. Jadi soalnya sama ada EPF ini boleh mampu bayar atau tidak kalau mereka ini keluarkan duitnya, saya tidak nampak kenapa tidak mampu kerana EPF mempunyai kadar tunai yang begitu tinggi dalam pelaburan mereka.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan, mungkin pihak Menteri dapat untuk bertanya berkenaan dengan— kerana saya musykil sedikit kerana penentuan tentang keuntungan minimum 2.5% yang mesti diberi kepada pencarum. Wallahualam mungkin kena minta penjelasan daripada pihak syariah. Ini kerana dalam konsep pelaburan dia di sana ada dalam konsep yang kita sebut sebagai ada *profit sharing* ataupun konsep *mudarabah*. Jadi kalau sudah ditentukan 2.5%, ini satu bentuk yang tidak seimbang di antara pencarum dengan pihak KWSP. Jadi saya minta supaya dapat penjelasan daripada pihak Lembaga Syariah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sebenarnya dalam kita mewujudkan KWSP Syariah ini, dia tidak ada *guarantee any return*. *Return is not stated* pada permulaan kita masuk, kita tidak boleh *guarantee*. Kalau kita *guarantee* bermakna sudah keluar daripada prinsip kita punya syariah. Akan tetapi apa yang saya sebut tadi sekarang ini konvensional pun tidak di *guarantee*, tetapi dari segi *historical* memang EPF cuba berusaha minimum untuk beri 2.5%.

Yang Berhormat Sekijang juga menyebut apa lagi manfaat yang diberi oleh EPF selain daripada melabur wang, mengutip duit daripada majikan dan juga pekerja. EPF juga ada memberi manfaat lain seperti kalau kita hilang upaya maka kita boleh keluarkan duit kita walaupun belum sampai 55 tahun termasuk RM5,000 sebagai token kalau hilang upaya dan juga bantuan kematian RM2,500.

Kemudian Yang Berhormat Kota Raja membangkitkan soal hak ibu tunggal yang mana kalau si suami telah tinggalkan dan kemudian suami ada EPF dan apabila dapat *order* dari Mahkamah Syariah dan ia tidak boleh *exercise* untuk dapatkan hak dia daripada EPF. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kota Raja bahawa dari segi akta, hak pencarum yang ada dalam EPF ini adalah hak pencarum. Mana-mana undang-undang yang datang untuk *attach* untuk pemilik akaun yang beragama Islam, dia tidak boleh diguna pakai kepada EPF.

■1810

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya ingin tahu, di dalam kes di mana kalau pencarumnya meninggal, wang EPF ini jadi wang pusaka. Dalam undang-undang Islam, kalau pusaka patut lunaskan hutang dahulu, betul? Baik. Dalam kes ini adalah kes di mana dia tidak meninggal, dia mendapat wang itu tetapi dia masih berhutang kepada bekas isterinya, mutaah, nafkah anak-anak tidak dibayar. Jadi perintah Mahkamah Syariah dia perlu membayar. Sebelum ini saya tahu tidak ada kebolehan itu tetapi tidakkah kita patut *attach to this*? Boleh kita buat pindaan dalam hal ini walaupun hak dia tetapi dia berhutang? Berhutang pula dengan anak-anak dan mantan isteri dia. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Kota Raja, ini dari segi soal perundangan. Bagi pendapat saya ialah kalau sekiranya seorang isteri itu sudah dapat *order*, tinggal lagi bekas suami tidak keluar lagi duit EPF jadi dia tidak boleh buat apalah. Akan tetapi kalau dia sudah tahu suami dia akan keluar EPF, katakan suami dia umur 55 tahun dan akan keluarkan EPF ini dan *get an order to force husband* untuk bayar. Akan tetapi EPF tidak boleh



terlibat dalam soal mengagihkan duit pencarum kepada isteri. *That is between the husband* dengan *the wife* untuk *exercise* ia punya *court order*. Akan tetapi EPF tidak boleh dipaksa untuk mengagihkan.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Jadi saya faham. Maksud Yang Berhormat Kota Raja tadi ialah tidak boleh kah EPF fikirkan macam mana perundangan ini, kan? Jadi sebenarnya tadi saya sudah bincang dengan pegawai-pegawai sebab saya rasa ada nampak— jadi pegawai katakan ini adalah banyak isu. Maka mereka tengah buat kajian lebih menyeluruh. Ini kerana soal yang Yang Berhormat Kota Raja sebut tadi ini, itu bukan soal yang *isolated*. Ada juga kes-kes yang mana— itu saya hendak masuk dalam cerita penama tadi. Ada kes-kes yang mana bahawa bila dia meninggal dan kemudian *suddenly* datang tiga, empat orang lagi dan juga mendapat *order* dan *order* ini berbeza-beza. Jadi sebab itu EPF tidak boleh pilih organisasi yang terlibat secara langsung, jadi mereka tengah mengkaji. Kalau ada, kemungkinan ada keperluan untuk bawa benda ini dan menjadi satu fenomena dalam negara, saya ingat kemungkinan besar kita akan bawa dalam ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, saya mohon bagi pihak wanita...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ibu-ibu tunggal...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Saya faham.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Mengenai ini ya. Saya mohon supaya perkara ini dipandang serius. Ini kerana pencarum ini kadang-kadang menderita sangatlah, bekas mantan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya, saya faham. Saya pun selalu didatangi oleh...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sikit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Setiawangsa, Setiawangsa belakang. Saya hendak tanya *the moment court order* itu ada untuk menuntut supaya si suami ini membayar pampasan atau apa, bolehkah *EPF stop from disposing* benda itu? *Stop* sahaja dahulu sehingga...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tidak boleh, tidak boleh *because* EPF tidak ada hak dari segi akta ini, okey?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sikit, Kuala Nerus.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baik. Berhubung soalan Yang Berhormat Kota Raja tadi isu kita hendak agihkan. Pertama sekali, KWSP ini jadi amanah,

ia pemegang amanah. Ia tidak boleh mengagihkan sewenang-wenangnya. Akan tetapi kalau contohnya dibuat satu surat akuan sumpah lebih awal, "*Bahawa sekiranya saya ada hutang dengan pihak, maka bolehlah KWSP mengagihkan hutang*", contohnya. Adakah itu mungkin dimasukkan dalam terma-terma KWSP pada masa akan datang?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Kemungkinan apabila keadaan itu menjadi satu fenomena dalam negara yang melibatkan ramai dan majoriti masyarakat dan kemungkinan besar EPF boleh tengok benda itu ya.

Okey, Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar bertanya sama ada, adakah pengeluaran lain boleh dilakukan selain daripada pengeluaran kita bersara? Ada, kita ada akaun dua yang mana kita boleh keluar untuk membeli rumah, pendidikan, perubatan, menunaikan haji. Kemudian, pelaburan *unit trust*. Yang Berhormat Kangar juga mengatakan bagaimana kalau kita menggunakan akaun satu kemudian kita beli *unit trust* katakan *Public Mutual* atau *CIMB-Principal*. Kemudian selepas tiga tahun kita tengok *return* dia orang itu tidak bagus tetapi EPF punya *return* lagi bagus. Maka mereka hendak jual balik *unit trust* itu kemudian hendak masuk balik, memang boleh masuk balik tetapi tidak boleh ambil oleh pencarum sehingga umur 55 tahun.

Yang Berhormat Sepang. Ada Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Sepang tanya soal pertama pelaburan syariah. Mengatakan sekarang ini kita EPF, KWSP. Akan tetapi selepas ini kita ada lagi satu opsyen KWSP Islamik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan, saya tanya lain itu. Itu bukan soalan saya. Soalan saya begini Yang Berhormat Menteri. Mungkin saya ini...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan saya begini, kenapa baru sekarang ada Jawatankuasa Syariah? Jadi persoalan saya, adakah Jawatankuasa Syariah ini diterbitkan kerana ada suara-suara dalam *board* ataupun daripada aduan orang ramai bahawa KWSP ini mungkin terlibat dalam pelaburan-pelaburan yang mungkin tidak *syariah compliance*. Jadi, boleh tidak terangkan?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, sebenarnya EPF ini sudah ada Ahli Lembaga Panel Syariah ini. Sejak ditubuhkan, telah diwujudkan pada tahun 2010. Pada tahun 2010, diwujudkan sebab hari ini kalau kita lihat *investment* yang dalam EPF ini 40% adalah *syariah compliance*, yang tidak *syariah compliance* itu bukan kerana dia melabur dalam bidang-bidang seperti judi ataupun arak ataupun benda-benda yang tidak dihalalkan oleh Islam. Akan tetapi cuma duit itu disimpan dalam konvensional bank. Kalau tidak ada dalam konvensional bank semua itu sebenarnya sudah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Maknanya 60% wang KWSP ini dimasukkan dalam bank yang mengamalkan riba lah?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sama ada dia dalam bank yang diklasifikasikan dari segi interpretasi syariah riba ataupun dia melabur dalam instrumen-instrumen yang mempunyai *fix income*, yang tidak ada *risk*. Maknanya ia *fix*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan saya Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, kalau ada Jawatankuasa Syariah sebelum ini, apa pandangan Jawatankuasa Syariah ketika itu melibatkan – oleh kerana wang ini juga digunakan oleh orang Islam, kenapakah tidak diasingkan? Jadi seolah-olah maknanya...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sekarang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Jawatankuasa Syariah ini membenarkan kah?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sekarang ini syariah itu ialah ia mengklasifikasikan 40% daripada *investment* itu adalah syariah. Akan tetapi ia mengatakan yang 60% itu tidak *fall into syariah because* ia tidak *fulfill the criteria*. Akan tetapi yang 40% itu ia *classified as syariah*. So, dengan wujudnya KWSP Islamik ini, jadi *straight away* kita boleh bezakan ia. Itu maksudnya. Akan tetapi dalam *investment* itu sebenarnya kita sudah *syariah compliance* 40%, yang tidak *compliance* ini bukan kerana ia melabur dalam aktiviti-aktiviti yang diklasifikasikan sebagai haram tetapi ia lebih kepada yang berunsurkan definisi riba iaitu *fix* – melabur dalam konvensional bank, masuk dalam deposit. Kemudian kita *subscribe a fix bond*, konvensional bon, bukan sukuk punya bon. Kalau sukuk punya bon ia *fall under Islamic*, okey?

Nombor dua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada lagi Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya kalau sudah ada Jawatankuasa Syariah sebelum ini, so dengan penubuhan Jawatankuasa Syariah yang baru ini so apa jadi yang lama punya?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Lama jalan macam biasa. *It can be now a proper KWSP Islamic* punya syariah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** So, adakah yang dulu itu bermakna ia ada Jawatankuasa Syariah tetapi perlu dengar. Dia hanya ada sahaja. *We are not supposed to listen to you, we just advisory* sahaja.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** No. Syariah yang didefinisikan oleh EPF ini adalah syariah yang kita kena *comply* kalau kita hendak jadi *Islamic fund*, yang ada sekarang ini definisi 40% itu adalah definisi yang dimestikan *compliance* mengikut syariah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** So, dengan ada yang sekarang ini adakah 60% itu akan terus dimasukkan dalam *syariah compliance*, 100%?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, macam mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sekarang ini 60% itu mungkin tidak ikut definisi *syariah compliance*, dengan wujudnya akta ini adakah EPF mahu jadikan 100% sebagai *syariah compliance*?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Kalau saya tengok, ia bergantung kepada *availability of Islamic instrument investment*. Kalau katakan *you* ada saiz yang begitu besar, kemudian *Islamic*

*investment opportunity* dalam negara tidak cukup untuk menampung. Jadi kemungkinan besar *conventional still exist*. Contoh kalau kita katakan RM1 bilion, kemudian kita hendak letak duit dalam *Islamic bank*, dalam Malaysia. Jadi *Islamic bank* dalam Malaysia ini dia hendak ambil duit hendak kena bayar kita punya *profit sharing* tetapi kalau ia tidak ada aktiviti *business* yang boleh menyebabkan ia boleh mengambil deposit ini, *then* susah dia hendak bagi *return*.

■1820

Jadi, *conventional is still exist* kerana kita juga mengambil kira bahawa pencarum-pencarum KWSP ini bukan hanya kepada orang Islam tetapi kepada orang bukan Islam juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak ada masalah untuk orang bukan Islam tetapi untuk orang Islam yang mereka duit itu disimpan itu, mereka *very particular*lah. Dia kata kalau masuk bank *conventional* tanpa pengetahuan kami, kami pun tak tahu, so kami sudah gunakan wang itu, kami rasa ada unsur-unsur subahat, hendak buat macam mana?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Oleh kerana itu kita wujudkan KWSP Islamic ini sebab kita boleh beri *option* kepada mereka yang waswas dari segi pelaburan KWSP. Macam di PNB juga, di PNB hari ini, macam di Permodalan Nasional Berhad. Kalau siapa labur di Permodalan Nasional Berhad pun ada di kalangan orang Islam yang mengatakan bahawa PNB itu walaupun ia tidak melabur di dalam industri-industri yang dikategorikan sebagai haram tetapi bagi mereka, selagi ada duit simpan dalam *conventional* bank, dia tidak *regard* apa institusi sebagai institusi yang *syariah compliance*.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun] Ia *syariah compliance* ini. Ia *syariah compliance*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, saya minta maaf Menteri. Apa gunanya Jawatankuasa Syariah kalau ia tengok benda yang begitu, yang tak *syariah compliance* pun ia benarkan juga. So, apa gunanya Jawatankuasa Syariah?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Macam mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi kata Menteri, ada Jawatankuasa Syariah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi Jawatankuasa Syariah pula kata berdiam diri sahaja walaupun wang dimasukkan dalam bank *conventional* dan mungkin ada hasil-hasil riba' yang diambil. Seolah-olah Jawatankuasa Syariah ini ia diam sahaja.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Jawatankuasa Syariah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa gunanya Jawatankuasa Syariah itu?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey. Jawatankuasa Syariah ini sebenarnya ia memastikan apabila kalau *you* hendak *declare* sesuatu *fund* itu adalah *syariah compliance*, *you* mesti dapat *certification* daripada mereka.

Makna, *ordinary people*, *ordinary professional* tak boleh mengesahkan sama ada *investment* itu sama ada *syariah compliance or not*. Only Jawatankuasa Syariah, panel syariah

yang bertauliah, hanya mereka sahaja yang boleh mengesahkan sama ada *syariah compliance or not*.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri, sedikit. Maksudnya, Jawatankuasa Syariah ada sebelum ini hanya berfungsi untuk mengesahkan satu syarikat yang ingin dilaburkan duit KWSP ini adalah *syariah compliance*, itu sahaja? Ataupun sekarang dikembangkan lagi fungsi ia untuk melihat secara keseluruhan tindak-tanduk KWSP tadi.

Cuma apa yang saya tahu sebelum ini ialah, antara alasan yang diberi oleh KWSP ialah instrumen kewangan yang ada *syariah compliance* tidak cukup untuk menampung jumlah besar wang yang ada pada KWSP pada hari itu. Mungkin sekarang sudah ada untuk besar, satu. Yang kedua, barangkali kita ada peluang untuk melabur di luar negara seperti di Saudi Arabia, di Emirates dan sebagainya. Minta pandangan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Jawatankuasa Syariah ini ia bukan sahaja mengesahkan sesuatu *investment* itu *compliance* atau tidak, tetapi mereka juga terpaksa tertakluk kepada pelaburan-pelaburan yang beretika.

Pada tahun 2015, KWSP akan melaksanakan prinsip *Environmental, Social and Governance* atau dipanggil ESG. Yang ini merangkumi semua aspek, bermakna bukan sahaja kalau *you* jual produk, produk itu memang halal tetapi kalau ia tidak *environmental* ataupun ia tidak memenuhi cita rasa *governance* ataupun ia tidak memenuhi *social*, ia kemungkinan besar tak masuk dalam kategori yang didefinisikan sebagai *syariah compliance*.

*Because these are some things that EPF want to do in 2015 dia start.* Oleh sebab itu dengan wujudnya ini kemungkinan besar ia akan *enhance* lagi kita punya *role* daripada segi kita *promote syariah compliance investment* dalam negara kita.

Okey, saya *move to next one*. Penamaan. Daripada segi penamaan, setakat hari ini kalau kita ikut definisi ataupun akta yang ada dalam EPF, kalau orang Islam dia menamakan siapa-siapa orang Islam dalam dia punya penama, maka apabila pencarum itu meninggal, maka penama ini sebenarnya hanyalah sebagai pentadbir. Okey?

*Now*, kalau dia sebagai pentadbir kemudian bila faraid keluar, maknanya pentadbir itu terpaksa ikut faraid punya *calculation*. Kalau tidak ada penama, maka automatik kena ikut faraid. Itu *the beauty of the Islam*. Okey.

Akan tetapi kalau bukan Islam, kalau pencarum itu masukkan nama penama, dia automatik jadi *beneficiary*. Dia akan automatik jadi *beneficiary*. Bermakna, kalau dia sudah jadi *beneficiary*, kalau dia tidak *reverse*, kalau dia meninggal, *the beneficiary will get the money*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey Menteri, tadi saya hendak tanya soalan itu. Akan tetapi Menteri, yang saya tanya tadi keadaan yang tak macam dua itu. Dia lain sedikit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey. Contoh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Iaitu keadaan di mana asalnya dia adalah pencarum bukan Islam, okey, dan dia ketika jadi pencarum bukan Islam dia menamakan

*nominee* itu orang bukan Islam, tiba-tiba dia meninggal dalam keadaan dia seorang Islam, *nominee* tidak ditukar. Saya pernah buat satu kes dahulu, EPF punya *stand* dia kata adalah walaupun bukan Islam, dia adalah pentadbir kepada harta orang Islam itu.

Jadi persoalannya, apakah ini syariah *compliance*? Adakah dibenarkan oleh Islam pentadbir bukan Islam mentadbir harta orang Islam? Adakah *fair* kepada pentadbir bukan Islam untuk tadbir?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Kalau dia— saya *repeat* balik soalan itu ya. Ini tipikal punya soalan ini ataupun soalan betul?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri beri penjelasan...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** So, jadi dia orang Islam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia orang bukan Islam

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Bukan Islam, selepas itu dia *nominate* orang bukan Islam?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Selepas itu dia meninggal, dia Islam?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia meninggal dalam Islam.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, selepas itu yang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Nominee* tak tukar lagi. Masih bukan Islam.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Akan tetapi dia meninggal dalam Islam?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Automatik harta orang Islam, ia akan automatik ikut faraid.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** No, masalahnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan berdialog Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Satu bangun, satu duduk. Satu bangun, satu duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bila minta penjelasan, saya kena berdirikan? Menteri, minta maaf Menteri.

Isu yang berlaku ialah semasa saya buat kes mahkamah itu, apabila saya kata, macam manakah seorang *nominee* yang bukan Islam dikatakan boleh jadi pentadbir harta orang Islam? Tak *fair* pada *nominee* yang dia pun orang bukan Islam. Dalam pada masa yang sama juga tak *fair* juga kepada *nominee* itu sebab masa dinamakan, dia masih lagi bukan Islam. So, keadaan itu akan menimbulkan suasana yang tegang.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Setakat ini akta EPF itu dia punya status...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang duduk dahulu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** .../ *think* mungkin dia orang akan tengok lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Ketawa*] Tak.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Akan tetapi kami...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, kena *settlekan* cepat sebab apa, *otherwise* benda ini akan berlaku.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam konflik penjagaan anak itu akan buat ini.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri, sedikit Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang itu kena pinda cepat-cepat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Pencelahan.

**Seorang Ahli:** Hendak habis sudah. Hendak balik sudah.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi, isu bukan Islam mentadbir harta orang Islam, setahu saya tidak ada masalah pada Wakalah. Macam kita *wakalahkan* kepada peguam bukan Islam untuk mewakili kita. Mungkin persoalan dekat sini boleh dibawa lebih jauh lagi perkara ini saya rasa ya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ini kerana, apa cerita pun dia kena ikut faraid. Kalau orang itu Islam dia ikut faraid. Habis cerita.

Okey, pelaburan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Menteri, sedikit ya, belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai di belakang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit sahaja. Tadi dalam perbahasan saya ada tanya satu soalan...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tak sampai lagi yang itu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak sampai lagi ya?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tak sampai lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak sampai lagi saya tunggu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Parit Sulong, gaji minima. Gaji minima kita kena *support* semua gaji minima ini supaya EPF boleh buat *enforcement*. Kalau tidak, banyak majikan di luar sana dia cakap dia *fulfill* gaji minimum tetapi sebenarnya bila sampai duit dekat EPF, bukan gaji minimum. Dia bagi RM500 selepas itu nanti dia beri benda-benda lain selepas itu dia kata dia *fulfill* gaji minimum.

Cuma EPF dengan adanya minimum gaji minimum ini kita boleh *counter-check* sama ada *employer-employer* ini memenuhi tanggung jawab mereka membayar gaji minimum kepada pekerja-pekerja di dalam negara kita.

Kemudian Yang Berhormat Kuala Nerus. Zakat KWSP. Saya- zakat ini saya ingat eloklah saya bacakan fatwa lah, sebab saya pun tak berani hendak bercakap-cakap benda ini.

Jadi fatwa ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Ke-5 1982 dan Ke-74 2006, telah memutuskan Ahli KWSP beragama Islam wajib mengeluarkan zakat simpanan KWSP setelah menerimanya tertakluk kepada haul dan nisab.

Walau bagaimanapun, ahli digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima simpanan KWSP tanpa menunggu haul setahun. Zakat simpanan KWSP adalah berbeza dengan simpanan Tabung Haji. Ini adalah kerana ahli KWSP beragama Islam tidak mempunyai pemilikan sempurna ke atas simpanannya yang merupakan salah satu syarat wajib mengeluarkan zakat yang perlu dipenuhi.

laitu, dia tidak ambil duit itu lagi. Dia masih– tidak pun kena tunggu umur 50 tahun dapat, masa itu baru dia mempunyai kuasa terhadap duit tersebut.

■1830

KWSP pula hanyalah pemegang amanah dan mengurus dana bagi pihak ahli KWSP. Syarat pemilikan sempurna hanya akan dipenuhi apabila simpanan KWSP tersebut dikeluarkan dan diterima oleh ahli. Ketika itu baru zakat dikira *applicable*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sambung esok Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** *Okay, thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 22 Oktober 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang]**